

Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY BIL 01/2008 • ISSN 0127-6700

Selamat Menyambut
Hari TLDM Ke-74
27 April 2008



Navy



Laksamana Datuk Abdul Aziz Bin Hj Jaafar
Anak Watan Ke-11 bergelar
Panglima Tentera Laut

Lawatan Ulung
SPB YDP Agong & Raja Permaisuri Agong
ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu

'Right Man For The Right Job'
Konsep Pengurusan SM berteraskan
Sains Kemanusiaan

Pelayar Malaysia
Dapat Pengiktirafan Dunia




TLDM
MELANGKAUI SEMPADAN

<http://www.navy.mil.my>

ISSN 0127-6700




9 770127 670004



Series 1163

Configuration – 12V, 16V, 20V

Power Range – 4440 kW to 7400 kW



MTU Engines are renowned and widely used in most Navy / Coast Guard ships. Apart from being compact, quiet and light, they are also reliable, easy to service and cost effective to operate and maintain.

The series 1163 engines not only comply with international regulations, such as SOLAS safety requirements and IMO exhaust emissions specifications, but also is certified by major classification societies.



MTU Services (M) Sdn Bhd (072120-D),

No. 9 & 11, Block C1, Jalan PJU 1/41,

Dataran Prima, 47301, Selangor Malaysia, Tel – 603- 78044766, Fax – 603- 78052192

Email : mtu@tm.net.my

marketing@mtumalaysia.com.my



Melangkapi Sempadan

"Nenek moyangku seorang pelaut, gemar mengaruh luas samudera, menerjang ombak tiada takut, menempuh badai sudah biasa"

Tentera Laut DiRaja Malaysia telah mengharumkan nama negara apabila KLD TUNAS SAMUDERA berjaya dalam perlumbaan *Tall Ship Races* 2007 di Szczecin, Poland. Kejayaan membuktikan kehebatan TLDM dalam dunia pelayaran dan mendapat pengiktirafan setanding pelayar antarabangsa.

- 6** **Majlis Serah Terima Tugas PTL**
Laksamana Datuk Abdul Aziz -
anak watan ke-11 bergelar
Panglima Tentera Laut



- Lawatan SPB YDP Agong**
dan Raja Permaisuri Agong
ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu

12



- 18** **Pasukan Selam MAWILLA 2**
Berjaya dalam Operasi Mencari &
Memusnah Bom Lama



- Right Man for a Right Job**
Konsep Pengurusan SM
Berteraskan Pendekatan
Sains Kemanusiaan

24



- 28** **Lawatan DYMM Sultan Selangor**
ke Pangkalan TLDM Tg Gelang



- Sistem Bahagian** **38**



- 43** **Bakat**
Datin Sarah Tun Abdul Ghafar
Pengerusi Jemaah Tertinggi
BAKAT Laut



- Pelayar Malaysia**
Dapat Pengiktirafan Dunia **48**



KANDUNGAN

- 10** **THE NAVY PLAN**
Sistem Pengurusan dan Penilaian Prestasi
TLDM
- 14** **YANG BERAT SAMA DI PIKUL**
Kerjasama Keselamatan Maritim
di Asia Tenggara
- 17** **PENAMAAN AUDITORIUM ZAIN**
- 20** **PANGKOR WAR**
Menjana Armada Lebih Kredibel
- 22** **PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL**
- 27** **PERAK**
PV ke-3 Pelengkap Keupayaan
Tempur TLDM
- 29** **PENEMBAKAN SEA SKUA**
Serlah Keupayaan Perang TLDM
- 30** **MARITIM NEGARA**
Dan Tahap Kesiapsiagaan Menjaganya
- 32** **TACCO** - Komander Perang Udara
- 33** **TLDM BUKTI KEHEBATAN**
Terbangkan Pesawat Pada Waktu Malam
- 36** **PENYELAMAN SKUBA**
- 37** **TLDM JALIN KERJASAMA DENGAN UMT**
- 40** **KD TUNKU ABDUL RAHMAN**
Permodelan Aset TLDM
- 41** **PELAYARAN PUTERA MTD BERSAMA
KD KEDAH**
Cetus Minat Terhadap TLDM
- 44** **7 DAYS AT SEA**
- 45** **PENYALURAN BANTUAN**
KD HANG TUAH Berbudi di Pulau Tioman
- 46** **ALAF BARU**
Warga TLDM Perlu Kuasai ICT
- 47** **BAKES**
Kumpulan Seni Tari TLDM semakin popular
- 50** **LANGKAWI IRONMAN TRIATHLON 2008**
TLDM Pamer Prestasi Memberangsang
- 51** **SPAGHETTI OLIO-OLIO SEAFOOD**
- 52** **PEGAWAI WANITA TLDM**
Ketuai Rombongan Tawan Puncak Kinabalu
- 53** **THE IMPORTANCE OF SENSE OF HUMOR**
KD LEKIR is Striving Towards It.
- 54** **CERPEN**
Menjejak Ibnu Battutah Bersama Tunas
Samudera

Dari Meja Ketua Editor



AHOY!

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera..

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah rahmatNya maka Majalah SAMUDERA bil 1/2008 berjaya diterbitkan. Alhamdulillah, suku tahun pertama tahun 2008 telah kita tempuhi dengan pelbagai peristiwa yang berlaku di dalam TLDM. Sekali lagi keluaran kali ini menyaksikan pertukaran Penaung dan Ketua Editor Sidang Redaksi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Laksamana Muda Dato' Jamil bin Osman di atas sumbangan yang telah diberikan kepada Sidang Redaksi sebelum ini. Dikeseempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Datuk Abdul Aziz b Hj Jaafar di atas kenaikan pangkat dan seterusnya menerajui TLDM. Sebagai salah seorang *the Navy People*, saya yakin TLDM akan terus maju dan mencapai banyak kejayaan dan kegemilangan di bawah kepimpinannya. Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Timbalan Panglima Tentera Laut (TPTL), Laksamana Madya Dato' Haji Mohammed Noordin bin Ali dan 99 pegawai TLDM yang baru dinaikkan pangkat mereka. Semoga kenaikan pangkat ini akan menaikkan semangat mereka dalam melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan memberi kesan positif dalam organisasi TLDM.

Saya turut ingin mengucapkan Selamat Hari Ulangtahun TLDM ke-74 bagi semua *the Navy People*. Seharusnya, di usia yang sebegini TLDM sudah mampan untuk menangani apa jua cabaran yang mendatang. *The Navy People* disaran supaya bekerja dengan lebih kuat untuk bersama mengembling tenaga bagi memastikan TLDM berada di atas landasan untuk menjadi *First Class Navy*.

Majalah SAMUDERA Bil 1/2008 mengutarakan pelbagai isu yang menarik untuk tatapan pembaca setia majalah ini. Ruangan Fokus mengutarakan Laksamana Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar sebagai anak watan ke-11 yang dilantik sebagai PTL dan 6 strategi yang digariskan beliau bagi menerajui TLDM seperti yang dinyatakan dalam Perintah Ulung PTL. SAMUDERA kali ini juga memfokuskan kejayaan TLDM melakar sejarah apabila KLD TUNAS SAMUDERA berjaya menamatkan pelayaran ulung mengelilingi dunia. Kejayaan yang dikecapi ini amat bermakna bagi semua *the Navy People* kerana di waktu yang sama TLDM sedang merayakan sambutan hari ulangtahunnya. Kejayaan ini perlu dilihat sebagai keupayaan TLDM melayarkan kapalnya ke tahap 'ultimate'. Segala cabaran dan masalah yang dihadapi sewaktu pelayaran dan juga pasukan bantuan yang sentiasa membantu projek pelayaran ini telah dapat diatasi tanpa sebarang masalah besar. Kejayaan ini juga membuktikan bahawa TLDM telah berada di tahap dunia dan ianya sesuatu yang di luar impian selama ini. Ianya benar-benar telah menyaksikan TLDM telah berjaya Melangkaui Sempadan.

Pangkalan TLDM sekali lagi menjadi fokus lawatan oleh pembesar negara. Lawatan yang dimaksudkan ialah lawatan oleh SPB DYP Agong ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan Lawatan DYMM Sultan Selangor ke Pangkalan TLDM Tg Gelang telah dipaparkan dalam ruangan Lawatan Diraja. Kesudian SPB YDP Agong dan DYMM Sultan Selangor mencemar duli ke Pangkalan TLDM sangat dihargai oleh semua warga TLDM dan sekaligus dapat mengukuhkan ikatan di antara kedua belah pihak.

Turut dimuatkan ialah artikel Sistem Bahagian yang menjadi kebanggaan TLDM yang menghuraikan tentang kepentingan semua pegawai dan anggota untuk memainkan peranan masing-masing. Topik ini amat ditekankan kerana sekiranya Sistem Pegawai Bahagian tersebut dapat berfungsi dengan betul, masalah-masalah terutamanya masalah anggota TLDM akan dapat diatasi dengan berkesan. Natijahnya, sistem ini diyakini akan dapat menghasilkan warga TLDM yang mempunyai moral serta semangat kerja yang tinggi di setiap masa. Oleh itu, adalah menjadi harapan pucuk pimpinan TLDM agar sistem ini dihayati sepenuhnya dan dilaksanakan dengan sempurna di setiap lapisan.

Harapan dari Sidang Redaksi agar semua paparan keluaran kali ini dapat menghilangkan kerinduan pembaca dan memberi manfaat yang boleh dikongsi bersama. Ia juga diharap akan menjadi wadah berterusan kepada *the Navy People* untuk berkongsi informasi.

Sekian, Salam Hormat dari krew Majalah Samudera.

SEDIA BERKORBAN

Samudera



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Hj Mohammed Noordin bin Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli

EDITOR

Kept Mohd Zahari bin Hj Jamian TLDM

Kdr Badaruddin bin Taha TLDM

Lt Kdr Yusnita bte Zakaria TLDM

Lt Mazliza bte Maaris TLDM

Lt Dya Siti Salina bte Johari PSSTLDM

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

BM RGR Normahaily bte Mohd Noor

WAKIL MPL

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

WAKIL MAWILLA 1

Lt Muhammad Ashraf bin Mahmud TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Mohd Zahrizan bin Dinin TLDM

WAKIL MAWILLA 3

Lt Muhammad Nashahi bin Nazri TLDM

WAKIL KDSI

Lt Nurshuhada bte Abdul Rahman TLDM

PENGEDARAN

BM KNA Rosdi bin Muhammad

BM PBS Kamarul Zaman bin Masery

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH

PR Markas Tentera Laut

PR Markas Armada

PR Markas Pendidikan dan Latihan

PR KD Sultan Ismail

REKABENTUK

D'FA Print Sdn. Bhd.

No.16 Jalan P10/21

Selaman Light Industrial Park,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor D.E.

Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, K. Lumpur dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau e-mel kepada:

Pengarang Samudera,

Bahagian Rancang

dan Operasi,

Markas Tentera Laut,

Kementerian Pertahanan,

Jalan Padang Tembak,

50634 KUALA LUMPUR.

Tel : 03 - 2071 3218 / 3072 / 3074

Faks : 03 - 2698 1680 / 2692 7677

E-mel : editorsamudera@yahoo.com

<http://www.navy.mil.my>



BIODATA PTL



Laksamana Datuk Abdul Aziz dilahirkan di Sungai Udang, Melaka pada 7 Mei 1956. Mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Masjid Tanah, Melaka dan Maktab Tentera Diraja, Sg Besi, Kuala Lumpur. Memasuki perkhidmatan TLDM pada 1974 dan seterusnya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 1977.

Sepanjang 33 tahun perkhidmatan, Laksamana Datuk Abdul Aziz telah memegang beberapa jawatan penting di armada mahupun di pangkalan. Beliau pernah menjawat jawatan Ketua Staf Markas Armada pada 2001, Panglima Wilayah Laut 2 (Julai 2002), Panglima Armada (Januari 2006) dan Asisten Ketua Staf Operasi Latihan Pertahanan di Markas Angkatan Tentera Malaysia pada Julai 2005. Beliau dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut pada 15 November 2006.

Laksamana Datuk Abdul Aziz dipilih sebagai warga tauliah kepada 4 buah kelas kapal yang baru iaitu KD PAUS (1976), KD SRI INDERA SAKTI di Bremen, Jerman (1980), KD KASTURI di Kiel (1984) dan KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN di La Spezia, Italy (1999). Beliau juga pernah memegang tampuk pemerintahan 3 buah kapal TLDM iaitu KD BAUNG, KD MUSYTARI dan KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN pada 1999 di mana beliau juga adalah Pegawai Kanan Armada.

Laksamana Datuk Abdul Aziz pernah menghadiri beberapa kursus profesional dan kerjaya di dalam mahupun di luar negeri. Antaranya ialah *Navigation Specialization Course* di United Kingdom pada 1980, Kursus Staf di Maktab Turus Angkatan Tentera, Haigate pada 1991 dan *Naval Command Course* di Naval War College di Amerika Syarikat pada 1995. Beliau juga terpilih untuk mengikuti pengajian Sarjana di Amerika Syarikat dalam bidang Perhubungan Antarabangsa dari Salve Regina University dan memperolehi keputusan cemerlang (*distinction*).

Laksamana Datuk Abdul Aziz telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Sarah Tun Abdul Ghafar. Mempunyai pelbagai minat terutamanya sukan golf dan membaca manakala topik kegemaran beliau adalah sukan, hal ehwal antarabangsa, kepimpinan dan pengurusan.

Bagi menghargai jasa beliau, Laksamana Datuk Abdul Aziz telah dikurniakan pingat Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) oleh Tuan Yang Terutama Gabenor Negeri Melaka yang membawa gelaran Datuk dan penganugerahan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMs) daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan membawa gelaran yang sama. Di peringkat negara pula beliau telah dianugerahkan dengan Darjah Johan Setia Mahkota (JSM) Panglima Jasa Negara (PJN) manakala di peringkat Angkatan Tentera Malaysia, beliau dianugerahkan Darjah Pahlawan Angkatan Tentera (PAT) dan Panglima Setia Angkatan Tentera.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada SPB YDP Agong kerana memperkenalkan pelantikan saya sebagai Panglima Tentera Laut yang ke-15. Ucapan penghargaan ini juga saya tuju kepada YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia yang menyokong pelantikan saya untuk menerajui TLDM. Saya menyedari tanggungjawab yang diberikan adalah amat besar dan mencabar. Namun dengan kerjasama dan sokongan *the Navy People*, saya yakin akan dapat memikul tanggungjawab ini dengan amanah, adil dan berkesan.

Perubahan pucuk pimpinan bukanlah satu perkara baru kepada TLDM. Saya akan meneruskan usaha untuk membawa TLDM menuju kecemerlangan. Enam (6) strategi utama yang digariskan di dalam Perintah Ulung saya pada 3 April yang lepas diharapkan akan dapat memantapkan lagi usaha untuk mencapai objektif-objektif dan misi TLDM. Di samping itu, saya juga akan memberikan tumpuan kepada aspek moral, kebajikan dan kesejahteraan warga TLDM.

The Navy People merupakan aset terpenting kepada TLDM. Sehubungan itu, saya telah menggariskan pengurusan sumber manusia sebagai salah satu strategi utama. Pengurusan sumber manusia yang mantap dan berkesan boleh mewujudkan *the Navy People* yang bersemangat tinggi serta bersedia melaksanakan tugas dan amanah dalam menentukan semua perancangan TLDM terlaksana. Saya menyeru *the Navy People* agar meningkatkan lagi tahap kemahiran dan taraf pengetahuan masing-masing supaya dapat menghasilkan output yang lebih berkualiti dan akan mencapai tahap yang dikehendaki oleh perkhidmatan. Saya juga menyokong sepenuhnya usaha peningkatan pendidikan di kalangan *the Navy People* dan akan berusaha untuk menyediakan kemudahan dan peluang tersebut.

Sistem Pegawai Bahagian dan *mentoring* merupakan satu sistem pengurusan yang perlu diterapkan dan diaplikasikan di setiap unit, Markas dan Formasi. Tumpuan yang khusus perlu diberikan kepada pengurusan dan pentadbiran warga bahagian masing-masing kerana ia merupakan elemen penting yang menentukan *performance* anggota dalam penghasilan kerja. Sebarang permasalahan yang boleh memudarat dan membantutkan

perancangan TLDM perlu diatasi dengan sebaik mungkin. Suka saya mengingatkan bahawa tumpuan yang diberikan perlu merangkumi aspek kesejahteraan keluarga anggota. Ini kerana hanya keluarga yang bahagia akan memudahkan anggota memberi penumpuan dalam tugas dan menjadikan mereka bersemangat tinggi dan *problem-free*.

Pembentukan *the Navy People* perlulah seimbang dari segi minda, fizikal dan rohani. Ini akan menjadikan warga TLDM bijaksana, sihat dan berkeyakinan tinggi dalam menghadapi sebarang cabaran. Saya amat menitik beratkan pembentukan rohani di kalangan warga TLDM. *The Navy People* digalakkan untuk menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan di peringkat formasi, unit atau qariah. Saya yakin keseimbangan ini akan melahirkan *the Navy People* yang mantap dan terampil dari segi minda, fizikal dan rohani.

Kita akan menyambut Ulang Tahun TLDM ke-74 pada 27 April 2008 ini. Pada tahun ini, kemeriahan sambutan akan lebih terasa kerana kita akan menyambut kepulangan KLD TUNAS SAMUDERA pada Hari TLDM di Pangkalan TLDM Lumut. Kapal layar TLDM ini telah belayar pada 12 Mac 2007 untuk menyahut cabaran dalam perlumbaan *The Tall Ships Races* 2007 yang diadakan di Szczecin, Poland. Kapal yang dianggotai seramai 45 orang ini telah berjaya menamatkan perlumbaan dan menerima 2 anugerah bertaraf dunia. Di samping menyertai perlumbaan, KLD TUNAS SAMUDERA juga telah belayar mengelilingi dunia sejauh 32,920 batu nautika dengan mengambil masa selama 410 hari. Kejayaan KLD TUNAS SAMUDERA ini telah mengharumkan bukan sahaja nama TLDM dan ATM, malah nama negara dalam dunia pelayaran. Kehebatan warga TLDM mengemudi kapal layar ini juga telah mendapat pengiktirafan setanding dengan pelayar-pelayar antarabangsa. Tahniat dan syabas kepada semua krew yang terlibat. Susah payah dan pahit getir yang mereka lalui akhirnya berbalas dengan kejayaan yang indah. Itulah semangat *the Navy People* yang kita mahukan. Akhir kata, Selamat menyambut Ulang Tahun TLDM ke-74.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SEDIA BERKORBAN

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PANGLIMA TENTERA LAUT 1 APRIL 2008



Laksamana Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar Anak watan ke-11 bergelar Panglima Tentera Laut

TLDM sekali lagi berubah pucuk Pimpinan Tertinggi apabila Laksamana Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar dilantik sebagai Panglima Tentera Laut menggantikan Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali mulai 1 April 2008. Perubahan tapuk pimpinan ini dilihat akan memantapkan lagi keupayaan TLDM bagi menghadapi cabaran.

Berucap ketika menyampaikan Perintah Ulung PTL, YBhg Laksamana Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar menyatakan pengambilalihan teraju kepimpinan TLDM diibaratkan seperti pertukaran nakhoda kapal yang mana ianya tidak akan merubah segala perancangan dan wawasan yang telah ditetapkan. Malah PTL memberi jaminan bahawa beliau akan memastikan semua perancangan yang telah diatur akan dilaksanakan bagi mencapai objektifnya.

Bagi memimpin TLDM mencapai wawasan dan misi yang telah ditetapkan, PTL telah menggariskan 6 strategi utama

dan pelan tindak bagi memastikan TLDM terus mengecapi kegemilangan.

Strategi Pertama ialah membangunkan Armada TLDM ke tahap *Mission Capability* yang optimum dengan berpaksikan falsafah "*We Exist Because of the Fleet*". Menurut beliau, TLDM akan memastikan semua projek yang telah dikenal pasti dilaksanakan sepenuhnya bagi memantapkan lagi keupayaan armada. Antaranya ialah melaksanakan program pemanjangan hayat perkhidmatan kapal atau *Ship Life Extension Program* (SLEP) untuk meningkatkan lagi keupayaan kapal yang telah berumur. Seterusnya untuk memperolehi kapal *frigate* kumpulan kedua bagi memantapkan lagi keupayaan Armada TLDM, perolehan baki 4 kapal ronda NGPV yang sedang giat dibangunkan dan 2 buah kapal selam yang bakal kembali ke tanah air tidak lama lagi. Kesemua perancangan dan pembangunan ini dijangka akan meningkatkan lagi keupayaan TLDM dan menjadikannya sebuah angkatan laut yang

kredibel.

Strategi pertama ini turut memberi tumpuan kepada pengurusan dan senggaraan armada sedia ada dengan lebih bijak dan berkesan. Di samping itu, dalam usaha menjadikan TLDM sebuah perkhidmatan yang *interoperable* dengan perkhidmatan TUDM dan TDM, beberapa inisiatif akan dilaksanakan. Antaranya dalam perolehan sistem, peralatan dan platform baru, di mana TLDM telah menetapkan beberapa ciri reka bentuk yang boleh diadaptasi untuk operasi bersama.

Strategi Kedua yang digariskan ialah pembangunan sumber manusia. Menurut PTL, TLDM amat menyedari bahawa walau sehebat manapun peralatan sesebuah perkhidmatan itu tetapi jika tidak disertai dengan sumber manusia yang berpengetahuan dan terlatih untuk mengendalikannya, ia tidak akan memberi makna. Armada yang canggih dan berteknologi tinggi tetapi



tidak mempunyai kemampuan dalam menyenggara dan mengendalikannya tetap akan mengakibatkan keupayaan armada tidak dapat dioptimumkan. Menyedari hakikat itu, TLDM akan menitik beratkan pembangunan modal insan dan menentukan *the Navy People* bersemangat tinggi serta bermotivasi untuk bekerja. Tumpuan akan diberi untuk membangunkan sumber manusia secara menyeluruh dengan memberi peluang sama rata kepada semua peringkat anggotanya.

Pembangunan sumber manusia yang dirancang akan mengutamakan kompetensi dan kemahiran yang terkini serta relevan yang akan dapat mewujudkan satu tim bersemangat tinggi atau *highly motivated team* di semua peringkat unit mahupun formasi. Keperluan kapal akan diberi keutamaan di mana setiap peringkat *the Navy People* akan diberi persiapan yang secukupnya dalam kompetensi dan kemahiran yang sesuai terutama dalam kemahiran mengendalikan alat-alat tempur dan sistem perang sebelum ditugaskan di kapal-kapal dan unit-unit TLDM.

TLDM juga akan lebih teliti agar penugasan dan penempatan warga adalah tepat dan memanfaatkan perkhidmatan. Konsep *Right Man For The Right Job* akan digunakan dalam menentukan perancangan dan

penempatan sumber manusia yang lebih efisien agar ianya sejajar dengan perkembangan perolehan aset-aset baru. Warga TLDM juga digalakkan untuk mempertingkatkan kelulusan akademik masing-masing. TLDM akan menyediakan kemudahan bagi warganya mengikuti kursus yang bersesuaian, sejajar dengan matlamat menjadikan TLDM sebuah *learning organisation* serta memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Strategi Ketiga ialah memantapkan kepimpinan. Kajian membuktikan pembentukan kepimpinan yang mantap akan menjana produktiviti secara menyeluruh. Sehubungan itu, *the Navy People* digesa untuk memantapkan diri masing-masing bagi menyokong organisasi dan memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjadikan TLDM sebuah perkhidmatan yang cemerlang dalam abad ke-21 ini. Dengan penghayatan ini, semua warga TLDM mampu menghasilkan *Sense Of Ownership* yang boleh memupuk sikap yang lebih bertanggungjawab dalam apa jua perkara yang dilakukan. Di samping itu, kepentingan aspek kepimpinan akan terus ditekankan. Semua unit dan formasi harus menekankan tentang pentingnya kepimpinan melalui teladan. Unit-unit dan formasi perlulah tegas dan mengambil langkah-langkah *holistik* bagi menangani semua cabaran disiplin dan salah laku supaya ia tidak terus menular dalam perkhidmatan.

PTL juga menegaskan bahawa sifat kepimpinan yang efektif haruslah menekankan aspek kebajikan warga TLDM melalui sistem Pegawai Bahagian atau *divisional system* secara profesional dan teratur. Sistem ini berkesan sekiranya semua pegawai dan bintara bahagian

memahami, menghayati dan mempraktikkannya. Pemimpin pula perlu lebih kreatif dalam aspek pengurusan anggota ke arah mempertingkatkan semangat kekitaan, setia kawan dan sekali gus membantu menghasilkan satu pasukan yang mantap. Pemimpin juga perlu mempunyai nilai-nilai *strategic leadership* yang bertindak sebagai seorang *facilitator* dan *enabler* bagi memastikan visi dan misi dihasratkan tercapai atau direalisasikan.

Strategi Keempat yang digariskan ialah mempergiatkan budaya kualiti dalam TLDM. Strategi ini sejajar dengan wawasan TLDM iaitu *to be a Quality Navy* yang jelas membuktikan bahawa TLDM telah lama menerapkan budaya kualiti dalam tugas sehari-hari. Budaya ini telah menjadikan TLDM sebuah organisasi yang cekap dan berkesan. Pengimplementasian *management tools* yang lebih berkesan dalam aktiviti sehari-hari juga akan dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi TLDM. Ini kerana penggunaan alat pengurusan atau *management tools* didapati dapat meningkatkan produktiviti yang lebih efisien dan efektif.

Budaya kualiti juga merangkumi aspek-aspek kemanusiaan seperti kualiti tempat kerja dan kualiti kehidupan. Tumpuan yang lebih akan diberikan kepada peningkatan kualiti kehidupan *the Navy People* agar warga TLDM dan keluarga dapat menjalani kehidupan sehari-hari yang selesa, selamat dan harmoni. PTL juga mengalu-alukan *the Navy People* menyumbang idea dan membuat penambahbaikan secara berterusan demi meningkatkan kualiti dan produktiviti.

Strategi Kelima pula ialah memantapkan aspek *Work Processes* atau Proses Kerja di dalam TLDM. *The Navy People* perlu memahami proses kerja dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan terlebih dahulu sebelum melaksanakannya bagi memudahkan kita untuk mengkaji keberkesanannya. Keberkesanan proses kerja pula akan dinilai melalui proses validasi untuk menentukan sama ada proses kerja ini masih relevan atau sebaliknya. PTL juga memaklumkan bahawa amalan konsep *best practices* dan beberapa pendekatan seperti *balance scorecard* akan diperluaskan aplikasinya bagi mempercepatkan proses transformasi TLDM ke arah *World*



“Pembangunan sumber manusia yang dirancang mengutamakan kompetensi dan kemahiran yang terkini serta relevan yang akan dapat mewujudkan satu tim bersemangat tinggi atau *highly motivated team* di semua peringkat unit mahupun formasi”



Class Navy.

Di samping itu, penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat atau ICT akan terus diperkasakan bagi mencari pendekatan baru di dalam proses kerja seharian. Pelan tindak pembangunan ICT iaitu rangkaian infrastruktur teknologi maklumat di dalam beberapa fasa yang dirangka akan diteruskan supaya TLDM benar-benar menjadi sebuah *E-Organisation*.

Strategi Keenam dan yang terakhir ialah menerapkan semangat mementingkan *Jointness* atau Kebersamaan di dalam TLDM yang merupakan konsep gabungan aset dan keupayaan antara ketiga-tiga perkhidmatan ATM. Di masa hadapan banyak operasi memerlukan TLDM beroperasi secara *joint* dan ia memerlukan integrasi ketiga-tiga perkhidmatan dalam semua bidang.

Menurut PTL, TLDM perlu mengamalkan budaya *jointness* yang memberi fokus kepada operasi serta pemikiran bersama ke arah menjadikan ATM yang lebih jitu dan kredibel. Ini merupakan satu cabaran dan memerlukan pemikiran yang lebih positif serta terbuka bagi menentukan segala keperluan dan fungsi perkhidmatan diintegrasikan dengan baik khususnya komunikasi dan logistik. Bagi mengharungi sebarang cabaran dalam menentukan TLDM *relever*, dapat

berdaya saing, disegani dan dihormati oleh perkhidmatan lain, PTL menyeru *the Navy People* bekerjasama agar semua cabaran dapat dihadapi dan menghasilkan kejayaan.

Di dalam ucapannya juga, PTL berkongsi pandangan dengan warga TLDM mengenai akronim TLDM yang seringkali dipandang negatif oleh masyarakat umum termasuklah *the Navy People*. Sehubungan itu, beliau memperkenalkan akronim TLDM yang positif dan dinamik serta menjadi pedoman kerja seharian kepada *the Navy People*. Akronim TLDM yang diperkenalkan ialah:

T	=	TRAIN
L	=	LEAD
D	=	DEVELOP
M	=	MANAGE

Menurut PTL, makna perkataan *Train, Lead, Develop* dan *Manage* merupakan kitaran kerjaya *the Navy People* yang bermula dari menjalani latihan sehinggalah menjadi warga TLDM yang terlatih dan berketrampilan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab. Dengan pengalaman yang ada seterusnya warga TLDM akan diberi kepercayaan untuk memimpin. Sebagai pemimpin, kita akan terlibat dengan proses pembangunan dan merancang dan akhirnya perlu mentadbir untuk mengekalkan kemajuan serta pencapaian

tersebut. Akronim ini membawa makna yang positif dan berguna kepada *the Navy People*. Beliau juga mahu *the Navy People* mencapai wawasannya iaitu *to be a quality navy*.

Kebajikan turut diberi penekanan oleh PTL yang mahukan setiap warga TLDM memberi perhatian kepada keluarga masing-masing kerana dipercayai seorang anggota yang cemerlang, datangnya dari keluarga yang sihat dan bahagia. Sehubungan itu, PTL mengingatkan semua warga TLDM supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan gaya hidup yang sihat. Warga TLDM digalakkan bersukan, melibatkan diri dengan aktiviti yang menjaga kecergasan fizikal dan mental yang positif agar dapat menyumbang ke arah peningkatan prestasi diri dan organisasi di samping tidak melupakan '*Naval Culture*' iaitu budaya menjaga kebersihan tanpa mengira tempat.

Di akhir ucapannya, PTL menyeru agar semua warga TLDM menggalakkan isteri masing-masing untuk bergiat secara sukarela dalam kegiatan BAKAT Laut demi kepentingan kebajikan bersama.

Sememangnya Perintah Ulung PTL harus menjadi panduan dan inspirasi kepada *the Navy People*. Ianya juga telah menjana semangat *the Navy People* untuk berani dan yakin dalam menghadapi cabaran yang mendatang. **S**



Penyerahan lambang kuasa TLDM di antara Laksamana Tan Sri Ramlan dan Laksamana Datuk Abdul Aziz



What a Beautiful Day

*"What a beautiful day and auspicious day,
Coincidentally it's also a Friday,
The new CN is VIP of the day,
Taking the salute without a sway."*

*"The Navy beckons you with open heart,
For there have been a lot of dire hearts,
Your presence will nurse spirit of the heart,
Treating every one professional, fair and whole-heartedly."*

*"The rise of a new age is finally here,
The sailors rejoice to their heart desire,
You will propel the organization higher,
No one is put in a state of dire."*

*"As a friend I am happy for you,
A man of substance full of humour,
Well this is a friend's sincere view,
You are my knight in shining armour..."*

Nukilan Kept (B) Azhar bin Abd Rahman TLDM




"THE NAVY PLAN"

SISTEM PENGURUSAN DAN PENILAIAN PRESTASI TLDM

The Navy Plan 2008

Menjadi Tentera Laut Yang Berkualiti

Menyedia dan Mengatur Gerak Angkatan Laut Untuk Melindungi Kepentingan Maritim Malaysia Semasa Aman dan Menastikan Kemenangan Ketika Perang



Peta Strategi TLDM

The Navy Plan merupakan suatu Sistem Pengurusan dan Penilaian Prestasi TLDM yang dibangunkan bagi menambah baik sistem pengurusan dan penilaian prestasi sedia ada. TLDM telah memperkenalkan sistem ini sejak tahun 2004 bagi menggantikan Sistem Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang telah diguna pakai sejak tahun 1997. Pelan yang dibangunkan menggunakan prinsip asas *Balanced Scorecard* (BSC) ini, pada awalnya dikenali dengan nama *RMN Passage Plan* yang kemudiannya telah ditukarkan nama kepada *the Navy Plan* pada tahun 2007.

Peta Strategi

Peta Strategi TLDM merupakan elemen utama di dalam *the Navy Plan*. Peta strategi ini mengandungi Objektif Strategik atau *Key Result Area* (KRA) di dalam 4 perspektif utama iaitu Pihak Berkepentingan (*Stakeholder*), Proses Pewajaran (*Enabling Process*), Pembelajaran dan Pembangunan (*Learning and Growth*) dan Sumber (*Resource*). KRA merupakan pernyataan strategi utama atau perkara penting yang ingin dicapai di dalam setiap perspektif. Pembangunan Peta Strategi

TLDM dilaksanakan di peringkat korporat TLDM dengan mengenal pasti faktor-faktor kejayaan kritikal yang ingin dicapai serta menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran yang ada bagi menuju misi dan visi TLDM yang telah ditetapkan.

Kad Skor

Kad skor merupakan suatu alat atau mekanisme yang digunakan untuk merekod dan menilai pencapaian prestasi organisasi mahupun individu. Kad skor mengandungi senarai pengukuran prestasi yang dikenali



sebagai Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) serta sasaran yang ditetapkan. Pembangunan KPI dan penetapan sasaran bagi setiap KPI merupakan aspek yang penting bagi menentukan sama ada apa yang ingin diukur tersebut adalah sejajar dengan KRA yang telah ditetapkan. KPI yang dibangunkan juga perlu menepati objektif KRA yang berkenaan serta bertepatan dengan strategi yang akan dilaksanakan. Terdapat 2 jenis KPI yang perlu diukur iaitu KPI yang dikongsi bersama atau *shared* KPI dan KPI yang melibatkan fungsi tertentu atau *functional* KPI. *Shared* KPI merupakan KPI yang dibangunkan dan digunakan secara bersama oleh peringkat tertentu, manakala *functional* KPI ialah KPI yang dibangunkan berdasarkan tugas teras yang dilaksanakan sama ada oleh markas, bahagian, unit mahupun individu.

Kamus Data

Kamus data atau *data dictionary the Navy Plan* merupakan salah satu alat yang dibangunkan untuk memberi penerangan dan penjelasan secara terperinci berkenaan setiap KRA dan KPI yang ditetapkan. Kamus data ini mengandungi pernyataan objektif setiap KRA dan KPI yang disenaraikan, sasaran dan formula pengiraan KPI, nama pemilik KPI serta aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi setiap KPI berkenaan. Kamus data ini menjadi sumber rujukan utama kepada *the Navy People* untuk memahami maksud sesuatu KRA dan KPI yang diwujudkan.

Proses Pelataan (Cascading)

Bagi memastikan *the Navy Plan* ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di dalam TLDM, proses pelataan atau *cascading* dilaksanakan ke semua peringkat termasuk markas, bahagian, cawangan, unit, kapal dan juga individu. Secara umumnya, proses pelataan ini merupakan salah satu proses di dalam pembangunan kad skor di setiap peringkat. Proses ini menentukan setiap KRA dan KPI di peringkat korporat TLDM diturunkan dan diujarkan ke peringkat yang lebih rendah di dalam TLDM. Selain itu, pelataan juga bertujuan untuk memastikan setiap *the Navy People* memahami setiap objektif di dalam Peta Strategi TLDM agar usaha dapat dilaksanakan untuk mencapai strategi yang telah digariskan.

Inisiatif dan Pelan Tindak

The Navy Plan tidak akan mencapai matlamatnya tanpa pelaksanaan inisiatif dan pelan tindak yang komprehensif. Setiap markas, bahagian, cawangan, unit, kapal mahupun individu perlu menyediakan inisiatif dan pelan tindak yang bersesuaian bagi mendukung KPI yang telah ditetapkan bagi mencapai sasarannya.

Penilaian Prestasi

Segala usaha untuk mendukung *the Navy Plan* akan dinilai

berdasarkan pencapaian terhadap sasaran yang ditetapkan bagi setiap KPI yang diwujudkan di dalam kad skor yang telah disediakan. Penilaian prestasi ini dilaksanakan secara berkala mengikut peringkat, sama ada secara harian, bulanan atau tahunan. Penilaian prestasi di peringkat korporat TLDM dilaksanakan melalui Lembaga Pengurusan Prestasi (LPP) TLDM yang bersidang setiap 2 bulan. Lembaga dianggotai oleh Pegawai Tertinggi TLDM yang dipengerusikan oleh Panglima Tentera Laut. Melalui lembaga ini, sebarang masalah atau isu yang timbul akan dibincangkan secara terperinci agar ia dapat ditangani dengan bijak. Selain itu, prestasi *the Navy Plan* juga dipantau dan dinilai melalui Sistem Aplikasi *the Navy Plan* yang boleh dicapai setiap masa secara *online* di dalam Portal TLDMNet.

Penutup

Bagi merealisasikan matlamat dan objektif utama *the Navy Plan* ini, semua peringkat *the Navy People* perlu memainkan peranan masing-masing dengan memahami setiap KRA dan KPI yang telah ditetapkan. Setiap lapisan pemimpin juga perlu memainkan peranan mereka bagi menentukan anggota bawahan memahami *the Navy Plan*. Selain itu, *the Navy People* perlu mengerah idea dalam menghasilkan pelbagai inisiatif yang lebih efektif dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Dengan usaha yang gigih dan komitmen yang tinggi daripada setiap peringkat *the Navy People*, maka matlamat utama TLDM untuk mencapai misi dan visinya akan dapat dicapai. **S**





Lawatan Ulung Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Dan Raja Permaisuri Agong Ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu

Tanggal 22 Januari 2008 SPB YDP Agong Alwathikubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud AlMuktafibillah Shah telah berkenan membuat Lawatan Ulung ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Teluk Sepang. Rombongan tersebut turut disertai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah. Panglima Armada Laksdya Dato' Amdan bin Kurish dan Panglima Wilayah Laut 2, Laksda Dato' Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badaruddin juga turut hadir.

Acara dimulakan dengan lawatan ke Detasmen Udara. Baginda turut meluangkan masa membuat tinjauan kerja-kerja pembinaan Pangkalan Kapal Selam yang sedang giat dijalankan.

Selepas selesai tinjauan tersebut, baginda melawat di sekitar pangkalan merangkumi kawasan masjid, sekolah, hospital TLDM dan premis perniagaan. Premis ini juga mampu menampung keperluan harian di pangkalan TLDM Teluk Sepang, Kota Kinabalu.

Seterusnya baginda berkenaan mencemar duli untuk merasmikan Kompleks Menembak Pangkalan TLDM dan menyaksikan demonstrasi kuasa tembakan di kompleks tersebut. Baginda telah berpeluang mencuba sendiri senjata yang digunakan

oleh Pasukan Khas Laut TLDM (PASKAL) seperti Styer AUG, M16, MP5, pistol Glock dan pelbagai lagi senjata yang dimiliki oleh pasukan ini. Baginda meneruskan lawatan di sekitar Kompleks Sukan dan melihat sendiri kemudahan yang disediakan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh warga *the Navy People* di pangkalan ini. Selepas itu baginda bersama rombongan meluangkan masa menikmati santapan ringan di KD KEDAH sambil menyaksikan demonstrasi oleh PASKAL.

Demonstrasi ini menunjukkan bagaimana pasukan ini menyelamatkan tebusan dengan hanya menggunakan jumlah anggota yang terhad dan ianya dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat. Pasukan Selam pula membuat demonstrasi penggambaran dalam air semasa aktiviti memasang dan membaiki bebaling kapal yang rosak. Baginda berangkat pulang pada jam 4.45 petang untuk sesi lawatan ke Sandakan pada keesokan harinya.

Sesungguhnya lawatan ini amat bermakna kepada warga PTKK sendiri. Lawatan ini juga telah memberi peluang kepada TLDM untuk 'show case' fungsi dan peranan TLDM dalam mempertahankan kedaulatan negara kepada pemerintah tertinggi negara. **S**



SPB YDP Agong diberi penerangan tentang tatacara penggunaan senjata api oleh Pegawai PASKAL, Lt Kdr Ahmad Nazree.



Demonstrasi menyelamatkan tebusan oleh PASKAL di KD PAHANG.



Pasukan Selam PTKK membuat demonstrasi membaiki bebaling kapal.

Demonstrasi menyelamatkan tebusan oleh PASKAL di KD PAHANG.



YANG BERAT SAMA DIPIKUL

KERJASAMA KESELAMATAN MARITIM DI ASIA TENGGARA

Oleh: Nazery Khalid

Menangani ancaman maritim di Asia Tenggara : Pendekatan kewilayahan

Asia Tenggara merupakan sebuah wilayah yang dikelilingi oleh samudera raya yang merangkumi hampir 80% dari kawasan keluasanannya. Kawasan semenanjung dan pelbagai pulau di rantau ini diapit oleh Lautan Hindi dan Lautan Pasifik, dua lautan yang strategik dan laluan dagangan maritim yang sibuk. Berdasarkan lanskapnya ini, adalah tidak menghairankan yang komposisi sosio-ekonomi, politik dan strategik wilayah ini dicorakkan dan dipengaruhi oleh lautan. Sejarah gemilang wilayah yang dinamik ini menjadi bukti kepada kegemilangan maritimnya pada masa lampau.

Empayar agung zaman dulu seperti Sriwijaya dan Kesultanan Melaka dibina di atas tunjang kekuatan dagangan maritim dan pelabuhan mereka. Kekuatan maritim Kesultanan Melaka jugalah yang menjadi faktor penarik kehadiran kuasa imperial Eropah yang datang dengan armada tentera laut mereka untuk menakluki Melaka, seterusnya bertapak di rantau ini selama berkurun-kurun lamanya.

Lautan membolehkan dagangan dijalankan di kalangan negara-negara di rantau ini dan menyediakan sumber alam, jalan pengangkutan, pekerjaan dan rekreasi yang tidak ternilai kepada penduduknya. Namun, lautan yang menjadi nadi kepada kehidupan dan kemakmuran ekonomi Asia Tenggara juga membawa pelbagai cabaran dan ancaman seperti perebutan wilayah, jenayah rentas-negara, penyeludupan, serangan lanun dan pencemaran alam. Kebelakangan ini, isu keselamatan maritim semakin menggamit perhatian para penggubal dasar dan penganalisa di rantau ini. Matriks keselamatan pasca September 11 semakin memberikan penekanan kepada keselamatan di lautan sebagai satu pentas di mana pelbagai ancaman boleh berlaku.

Persepsi dunia terhadap risiko keselamatan maritim yang terhasil dari insiden tersebut telah meningkatkan perhatian umum terhadap kepentingan memelihara keselamatan wilayah maritim di rantau ini.

Trend nyata berhubung dengan keselamatan maritim ialah meningkatnya pendekatan *multilateral* atau penglibatan pelbagai negara dalam menangani risiko keselamatan di lautan. Wajar dikatakan yang tindakbalas terhadap ancaman keselamatan hanya akan berjaya dilakukan dengan berkesan melalui pendekatan kerjasama antarabangsa memandangkan ancaman keselamatan maritim bersifat teras nasional dan tidak menghormati konsep persempadanan negara. Persekitaran samudera raya yang tidak dibatasi oleh sempadan fizikal, *checkpoint* maupun tembok pemisah menuntut pendekatan keselamatan yang bersifat *multilateral* dan kerjasama yang jitu di kalangan negara-negara. Tindakbalas dan langkah yang diambil oleh sesuatu negara secara bersendirian tidak dapat melumpuhkan ancaman rentas-sempadan di lautan secara berkesan.

Persoalan samada negara-negara Asia Tenggara berupaya mengawal keselamatan di perairan rantau ini hangat diperdebatkan di pelbagai forum dan mesyuarat antarabangsa. Apatah lagi dengan meningkatnya fokus masyarakat antarabangsa terhadap keselamatan maritim di rantau ini selepas insiden 11 September, terutamanya di Selat Melaka yang merupakan laluan perkapalan dagangan yang tersibuk dan perairan yang strategik.

Diperhatikan kebelakangan ini beberapa perkembangan politik, strategik maupun ekonomi telah menjadi pendorong ke arah peningkatan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN dalam memelihara keselamatan maritim serantau. Paling nyata ialah peningkatan kerjasama dalam menghadapi ancaman transnasional seperti penyeludupan, kegiatan lanun dan terrorisme. Secara amnya, diperhatikan kemunculan semangat setiakawan di kalangan negara-negara ASEAN dalam menangani keselamatan di lautan sepertimana yang sedia ujud di daratan. Ini merupakan petanda yang negara-negara rantau ini akur yang ancaman di lautan hanya boleh ditangani secara berkesan melalui pelantar kerjasama dan perkongsian sumber dan keupayaan di antara negara-negara. Antara contoh kerjasama di kalangan mereka ialah :

- Perkongsian maklumat dan perundingan di kalangan menteri-menteri luar dan agensi-agensi keselamatan.
- Usahasama memantau keselamatan maritim seperti yang dilakukan melalui inisiatif *Eye in the Sky* yang melibatkan rondaan laut dan udara yang melibatkan agensi-agensi keselamatan tiga negara pesisir Selat Melaka.
- Latihan bersama tentera laut negara-negara ASEAN secara bilateral seperti MALINDO di antara Malaysia dan Indonesia dan di peringkat multilateral seperti MALSINDO di antara Malaysia, Singapura dan Indonesia.
- Deklarasi kerjasama dalam bidang keselamatan maritim seperti Deklarasi Laut China Selatan yang ditandatangani dalam tahun 1992 yang menekankan kepentingan menyelesaikan segala isu kewilayahan di lautan tersebut secara aman.
- Penubuhan institusi seperti Woksyp Laut China Selatan (SCS Workshop) yang bertujuan mengurangkan kemungkinan berlakunya konflik di kalangan negara-negara di wilayah Laut China Selatan, Majlis Kerjasama Keselamatan Asia Pasifik (CSCAP) dan Kumpulan Kerja Mengenai Keselamatan Maritim APEC. Badan-badan ini ditubuhkan dengan tujuan menangani isu-isu keselamatan di Asia Tenggara dalam konteks meluas wilayah Asia Pasifik.

Rantau ini boleh berbangga yang inisiatif keselamatan maritim di Asia Tenggara tidak difokuskan terhadap menangani konflik di kalangan negara-negara tetapi sebaliknya ditumpukan kepada ancaman yang datang dari *non-state actors* seperti lanun, penyeludup dan kumpulan pengganas. Ini menggambarkan keutuhan semangat setiakawan serantau yang dipupuk melalui ASEAN yang menggalakkan kerjasama kewilayahan tanpa mencampuri urusan nasional negara-negara ahli. Kerjasama yang terlahir dari semangat setiakawan ASEAN ini bukan sekadar melepaskan batuk di tangga tetapi menjurus kepada konsep *operationalized security cooperation* yang



“Kekuatan maritim Kesultanan Melaka jugalah yang menjadi faktor penarik kehadiran kuasa imperial Eropah yang datang dengan armada tentera laut mereka untuk menakluki Melaka, seterusnya bertapak di rantau ini selama berkurun-kurun lamanya.”

melibatkan usaha dan tahap yang khusus di kalangan negara-negara rantau ini. Tahap kerjasama yang mantap sebegini jarang diperhatikan di wilayah-wilayah lain di dunia.

Menjejak perkembangan kerjasama serantau dalam keselamatan maritim : Dari era Perang Dingin ke zaman pasca 11 September

Membina pemahaman mengenai isu keselamatan maritim kontemporari di Asia Tenggara harus berpaksikan kepada pemahaman latarbelakang persekitaran strategik dan politik yang mencorakkannya. Sewaktu Perang Dingin, Asia Tenggara menjadi 'pentas proksi' kepada pertentangan di antara Amerika Syarikat dan Russia yang telah mewujudkan polarisasi di antara negara-negara berfahaman sosialis dengan negara-negara yang menyokong idealisme demokrasi dan konsep pasaran terbuka. Kejatuhan Russia telah mengendurkan ketegangan serantau yang terhasil di bawah pengaruh Perang Dingin.

Proses 'penyembuhan luka Perang Dingin' ini dianggap sebagai lengkap bila mana Laos, Vietnam, Kemboja dan Myanmar diterima sebagai ahli Perjanjian Kerjasama dan Persefahaman atau *Treaty of Amity and Cooperation* yang membuka ruang kepada keanggotaan mereka di dalam ASEAN. 'Cuaca' politik yang bertambah baik selepas tamatnya Perang Dingin menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kematangan ASEAN sebagai kuasa serantau serta tahap keselamatan di kalangan negara-negara ahlinya. Ini diikuti oleh penubuhan institusi-institusi serantau seperti *SCS Workshop* dan *CSCAP* yang menjadi pelantar kepada usaha-usaha pembinaan keyakinan atau *confidence building measures* dalam bidang keselamatan maritim di rantau ini.

Dengan kedatangan milenium baru, berapa peraturan pertahanan tinggalan zaman Perang Dingin seperti *Five Power Defense Arrangements* (FDA) dan perjanjian keselamatan bilateral di antara beberapa negara ASEAN dan Amerika Syarikat telah diolah semula untuk memainkan peranan baru. Namun, nilai FPDA kepada ASEAN dan kuasa hegemoni Amerika Syarikat di rantau ini dalam persekitaran pasca Perang

Dingin mula dipertikaikan. Seterusnya, pengaruh Washington di rantau ini sekian luntur dengan pengunduran tenteranya dari Filipina pada tahun 1991 dan pengenaan sekatan kerjasama ketenteraan oleh Kongres Amerika Syarikat di antara negara tersebut dan Indonesia pada tahun 1993. Ini membuka lembaran baru di rantau ini dengan munculnya beberapa inisiatif di kalangan negara-negara ASEAN dalam bidang keselamatan maritim. Beberapa program bilateral di antara tentera-tentera laut negara-negara serantau diadakan melalui kaedah kerjasama beroperasi.

Beberapa insiden maritim telah menjadi pemangkin kepada peningkatan kerjasama yang lebih kukuh di kalangan negara-negara Asia Tenggara dalam memantau keselamatan samudra serantau. Peristiwa pengeboman feri penumpang *Our Lady Mediatrix* di Filipina pada tahun 2000 yang membunuh 40 orang yang dipersalahkan ke atas Kumpulan Front Pemisah Moro atau MILF, serangan ke atas kapal perang Amerika USS Cole di pelabuhan Aden di Yemen pada tahun yang sama serta penculikan pelancong Barat di Pulau Sipadan dan Palawan meningkatkan kekhawatiran serantau tentang tahap keselamatan maritim di wilayah ini. Selain dari itu, peristiwa 11 September, serangan ke atas kapal tangki minyak Limburg di Laut Arab dan serangan bom di Bali tambah mempertajamkan lagi fokus serantau terhadap kepentingan memperkasakan keselamatan di perairan Asia Tenggara.

Sebagai tindakbalas terhadap insiden-insiden tersebut, negara-negara ASEAN mula meningkatkan usaha mengukuhkan keselamatan maritim melalui beberapa inisiatif untuk mengoperasikan kerjasama di kalangan mereka. Kenyataan bersama mengenai peningkatan kerjasama seperti yang dibuat melalui Forum Serantau ASEAN atau *Asean Regional Forum* pada tahun 2003 dan Pelan Tindakan ASEAN Untuk Memerangi Jenayah Transnasional pada tahun 2004 menunjukkan kesungguhan ASEAN dalam perkara ini. Beberapa negara ASEAN juga meratifikasikan konvensyen yang berkaitan dengan keselamatan maritim seperti *ISPS Code* dan mengadaptasikan *Container Security Initiative* yang diperkenalkan selepas insiden 11 September untuk memelihara pelabuhan dan dagangan

maritim dari ancaman keganasan.

Satu perjanjian untuk memerangi lanun dan rompakan bersenjata ke atas kapal yang dikenali sebagai ReCAAP telah ditandatangani oleh 16 negara termasuk ahli-ahli ASEAN, China, Korea Selatan Jepun, India, Sri Lanka dan Bangladesh. Beribu pejabat di Singapura, ReCAAP menyediakan pelantar untuk pengumpulan data dan maklumat serta analisa mengenai insiden-insiden yang berkaitan dengan ancaman keselamatan di rantau ini. Ia merupakan satu langkah yang dialu-alukan ke arah memperkukuhkan lagi kerjasama serantau untuk memerangi ancaman keselamatan ke atas perkapalan di perairan sebelah sini.

Memperkasakan keselamatan maritim di Asia Tenggara

Walaupun pelbagai deklarasi telah ditandatangani oleh negara-negara serantau untuk menyelesaikan pertikaian di lautan di kalangan mereka melalui kaedah diplomasi, tidak dapat ditolak sama sekali kemungkinan tercetusnya konflik di lautan di antara mereka.

Implikasi perbalahan di lautan di rantau ini berpotensi untuk melarat menjadi pertentangan yang serius memandangkan nilai strategik perairan kepada negara-negara serantau. Antara konflik yang paling dikhuatiri bakal membawa kepada pertentangan langsung di kalangan negara-negara Asia Tenggara ialah perbalahan mengenai kewilayahan maritim. Ancaman lain seperti kegiatan lanun, terorisme, pemberontakan atau *insurgency*, jenayah maritim transnasional dan pencemaran alam sekitar juga berpotensi untuk mendatangkan ketegangan serantau sekiranya tidak ditangani secara bertolak ansur mengikut lunas-lunas diplomasi dan sikap menghormati sesama jiran.

Isu perbalahan Kepulauan Spratlys di Laut China Selatan umpamanya boleh menjadi duri dalam daging di kalangan negara-negara yang menuntutnya seandainya tidak diselesaikan secara rasional. Sebarang konflik mengenai akan mendatangkan kesan buruk kepada kelicinan pergerakan dagangan maritim dan pelayaran kapal-kapal dagang di lautan tersebut. Sehubungan dengan ini, persetujuan ASEAN dan China melalui deklarasi *Conduct of Parties* di Laut

China Selatan memberikan harapan yang perbalahan tuntutan di antara mereka boleh diselesaikan secara aman tanpa tersebar menjadi persengketaan.

Jalan ke hadapan

Perubahan dramatik dari segi politik, ekonomi dan sosial di Asia Tenggara yang dilihat semasa proses transisi rantau ini dari era pasca Perang Dingin sehingga abad ke 21 telah memungkinkan kerjasama yang lebih kukuh dijalin di kalangan negara-negara di wilayah ini dalam bidang keselamatan maritim. Walau bagaimanapun, masih wujud beberapa halangan seperti sensitiviti terhadap isu hak kedaulatan atau *sovereignty*, sikap curiga-mencurigai di kalangan negara-negara serantau, persaingan untuk mengeksploit sumber alam maritim, kepentingan politik dan ketidakseimbangan tahap pembangunan sosio-ekonomi di wilayah ini. Walaupun kita terdorong oleh semangat setiakawan yang ditunjukkan sejak kebelakangan ini oleh negara-negara di rantau ini dalam mempertahankan keselamatan samudera Asia Tenggara, masih banyak cabaran yang perlu dihadapi bagi mengatasi halangan-halangan yang disebutkan tadi sebelum tahap keselamatan maritim di rantau ini boleh dianggap sebagai terkawal sepenuhnya.

Bagi mencapai objektif ini, adalah penting yang negara-negara serantau bertolak ansur dan mengenyepikan perbezaan perspektif di antara mereka, selagi ianya tidak mendatangkan kesan negatif kepada kepentingan nasional masing-masing. Model kerjasama serantau secara bilateral dan multilateral yang sedia ada harus diperkukuhkan demi

mencapai objektif serantau.

Badan-badan seperti ASEAN, APEC dan ARF harus dijadikan penggerak untuk membangunkan inisiatif baru dan memperkukuhkan usaha yang sedia ada, mengembangkan dialog, mengolah deklarasi dan meningkatkan perkongsian maklumat. Mereka juga harus bekerjasama dengan badan dan institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Maritim Antarabangsa atau IMO. Tindakbalas yang ditunjukkan oleh negara-negara serantau terhadap inisiatif keselamatan maritim pasca 11 September seperti *ISPS Code* dan *CSI* merupakan contoh langkah praktikal yang harus diteruskan bagi memperkasakan keselamatan maritim melalui kerjasama dengan masyarakat antarabangsa.

Namun, inisiatif keselamatan maritim yang diperkenalkan oleh kuasa luar harus dinilai dengan waspada oleh negara-negara serantau. Kita khuatir kemungkinan ada agenda tersembunyi di dalam inisiatif keselamatan baru seperti ReCAAP dan *Proliferation Security Initiative* (PSI) yang boleh mencabar kedaulatan nasional dan serantau. Kuasa-kuasa luar tentunya mahukan inisiatif keselamatan maritim di rantau ini dibuat berasaskan rangka kerja antarabangsa bagi memudahkan protokolnya disesuaikan dengan kepentingan mereka. Ini tentunya tidak disenangi oleh negara-negara serantau yang tidak mahu terlibat dalam inisiatif yang bersifat perundangan atau *legally binding* yang ditaja oleh kuasa luar. Kenyataan sebuah kuasa luar yang Asia Tenggara bakal menjadi front baru dalam apa yang dicapnya sebagai 'perang global menentang keganasan' menjadi bukti kelicikannya untuk

mengepalai inisiatif keselamatan maritim di rantau ini bagi memenuhi agenda mereka semata-mata.

Negara-negara Asia Tenggara telah menunjukkan kesungguhan untuk mewujudkan persekitaran yang telah membolehkan kerjasama di dalam bidang keselamatan maritim di kalangan mereka diperkukuhkan. Namun cabaran keselamatan di dalam ruang lingkup maritim yang bersifat tidak konvensional dan semakin sukar diramalkan menuntut negara-negara serantau supaya tidak leka dan sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Kemajuan ekonomi serantau membolehkan lebih banyak sumber diperuntukkan untuk membiayai inisiatif memperkasakan keselamatan maritim. Kepentingan nasional pelbagai negara semakin bertumpu ke arah titik yang sama yang menjurus kepada pembentukan perspektif serantau di dalam bidang keselamatan maritim.

Telah terbukti yang usaha-usaha bilateral dan multilateral banyak membuahkan hasil dalam meningkatkan keselamatan samudera di rantau ini. Perumpamaan 'seberkas lidi lebih kuat dari sebatang lidi' harus dijadikan teras untuk memupuk dan mempertingkatkan kerjasama yang lebih erat di kalangan negara-negara Asia Tenggara bagi menjamin keselamatan perairan di rantau yang dinamik dan strategik ini. **S**

Nazery Khalid ialah Fellow Penyelidik di Institut Maritim Malaysia (MIMA). Tulisannya merupakan pendapat peribadi semata-mata dan tidak mewakili pendapat rasmi MIMA. Beliau boleh dihubungi di nazery@mima.gov.my



Penamaan Auditorium Zain

Oleh: Lt Kdr Noorlida bte Rahaman TLDM
Foto: LK I PBK Noor Azrul

Sebagai tanda memperingati dan mengenang jasa serta sumbangan yang telah dicurahkan oleh bekas Panglima Tentera Laut yang ke-2, Laksamana Madya Dato' Mohd Zain Bin Mohd Salleh, TLDM telah mengabadikan nama beliau di Auditorium Pusat Taktik dan Maritim (PUSTAKMAR) Tentera Laut Diraja Malaysia dengan nama Auditorium Zain.

Majlis penamaan ini telah disempurnakan oleh isteri beliau, Datin Fatimah binti Abdullah dengan disaksikan oleh Mantan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali.

Sejarah ringkas kewujudan auditorium ini bermula seiring dengan kewujudan bangunan PUSTAKMAR yang dibina khusus untuk menempatkan satu sistem komputer yang berupaya membantu dalam latihan pengendalian olah perang serta latihan taktik yang mula beroperasi pada tahun 1985. Laksamana Madya Dato' Mohd Zain ketika itu selaku Panglima Tentera Laut merupakan individu yang telah merasmikan organisasi ini pada 23 tahun yang lalu.

Selaras dengan perolehan sistem baru serta penambahan konsol simulasi berkomputer dan kubikel latihan, terdapat beberapa pengubahsuaian yang telah dilakukan kepada infrastruktur asal bangunan ini. Justeru, auditorium ini juga telah dinaik taraf bersesuaian dengan fungsi dan peranan PUSTAKMAR sebagai wadah bagi percambahan fikiran, perkongsian dan peningkatan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan taktikal maritim. Auditorium ini boleh menempatkan lebih dari 100 orang pada satu-satu masa dan dilengkapi dengan teknologi semasa yang membolehkan dua paparan untuk *playback* dilakukan secara serentak.

Mengungkap sejarah, Laksamana Madya Dato' Mohd Zain dengan rasminya dilantik menjadi Ketua Turus Tentera Laut pada 1 Januari 1977 dan merupakan anak Melayu yang pertama memegang jawatan sebagai Ketua Turus Tentera Laut. Beliau pada waktu itu memegang pangkat Laksamana Pertama telah dinaikkan



pangkat ke Laksamana Muda. Pada 1 Januari 1981, serentak dengan kenaikan pangkat beliau kepada Laksamana Madya, Majlis Angkatan Tentera telah memperkenalkan gelaran Panglima Tentera Laut dan beliau merupakan orang pertama yang menyandang gelaran tersebut.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Fatimah bt Abdullah pada 10 Ogos 1964 dan dikurniakan 4 orang anak. Laksamana Madya Dato' Mohd Zain, telah bersara dari perkhidmatan pada 31 Januari 1986.

Sejajar dengan peranan PUSTAKMAR

yang penting dalam mengimplementasikan dan merealisasikan dasar dan Doktrin Pertahanan Negara, Auditorium Zain diangkat sebagai satu penghormatan di atas sumbangan dan jasa yang beliau curahkan kepada TLDM. **S**



PASUKAN SELAM MAWILLA 2

Berjaya Dalam Operasi Mencari Dan Memusnah Bom Lama

Oleh: Lt Kamid bin Sulaiman TLDM

Pasukan Selam Markas Wilayah Laut 2 telah berjaya dalam operasi mencari dan memusnah bom lama yang dijumpai oleh penduduk Pulau Sepangar yang terletak berhampiran dengan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK).

Dalam operasi ini hampir kesemua anggota Pasukan Selam telah digerakkan oleh kerana lokasinya yang berdekatan dengan Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dan sebagai pendedahan kepada anggota baru. Pasukan Selam digerakkan dengan menggunakan 2 buah bot penyelam dan sebuah bot CB90.

PERLAKSANAAN

Bagi tujuan pemusnahan bom lama tersebut, Pasukan Selam telah melakukan perbincangan dengan KD DUYONG



Pasukan Selam MAWILLA 2 membuat persiapan sebelum operasi dimulakan di Pulau Sepangar.

untuk mendapatkan khidmat nasihat cara terbaik melaksanakan tugas yang diarahkan. Kaedah yang diguna pakai adalah dengan menimbulkan bom lama tersebut menggunakan beg pengangkat yang diubah suai dan seterusnya menunda ke lokasi yang tiada penduduk untuk pemusnahan bom.



Proses pemusnahan dimulakan dengan proses menimbulkan bom tersebut dengan menggunakan beg pengangkat (*salvage lifting bag-parachute*) yang boleh menampung beban 500 kg. Hos air sepanjang 100 meter digunakan untuk memasukkan udara ke dalam beg pengangkat tersebut. Balang atau *luxfer*

“

Operasi Pemusnahan Bom telah berjaya dilaksanakan tanpa melibatkan kemalangan jiwa. Sikap professional serta kualiti kerja yang dipamerkan Pasukan selam Mawilla 2 dalam melaksanakan operasi ini seharusnya dipuji dan dijadikan contoh.

”

diletakkan di pantai dan disambung dengan hos air yang hujungnya telah dimasukkan ke dalam beg pengangkat serta diikat dengan kuat supaya tidak tercabut dan terkeluar.

Setelah bag pengangkat diikat ke bom, kerja pengisian udara dilakukan dari pantai dan berjaya menimbulkan bag beserta bom yang terangkat dari dasar. Hos air ditanggalkan dari balang di pantai dan seterusnya kerja menunda bom ke Pulau Udar Besar dilakukan. Penundaan mengambil masa selama satu jam.

Setiba di Pulau Udar Besar, bom diletakkan di bahagian barat pulau tersebut. Jarak dari pantai 100 meter dan kedalaman air 5 meter. Seterusnya beg pengangkat ditanggalkan dari bom dan *Over Pressure Charge (80 oz Plastic Explosive)* diletakkan di kiri dan kanan bom tersebut. Pemusnahan dilakukan dengan kaedah penembakan elektrik. Kaedah ini digunakan bagi memudahkan pengawalan perairan oleh pasukan keselamatan di air (Polis Marin dan APMM) semasa pemusnahan dilakukan.

Selesai pemusnahan, seorang penyelam akan melakukan pembersihan dasar untuk memastikan bom tersebut benar-benar musnah. Setelah didapati ianya musnah sepenuhnya, 3 anggota penyelam meninjau kawasan pemusnahan untuk mencari sekiranya terdapat sisa bom yang tertinggal. Hasil tinjauan menjumpai bahagian *body* dan *nose* bom tersebut manakala bahagian *tail* atau *fin* tidak ditemui.

Operasi pemusnahan bom telah berjaya dilaksanakan tanpa melibatkan kemalangan jiwa. Sikap professional serta kualiti kerja yang dipamerkan Pasukan Selam MAWILLA 2 dalam melaksanakan operasi ini seharusnya dipuji dan dijadikan contoh. Keprihatinan penduduk Pulau Sepangar amat dipuji kerana melaporkan penemuan bom lama ini. Dengan kerjasama penduduk, pengosongan sekolah dan kediaman berhampiran juga berjaya dilaksanakan sebelum kerja penimbunan bom dilakukan. **S**



Taklimat keselamatan diberikan oleh Lt Dya Kamid kepada PDRM dan APMM yang terlibat menjaga keselamatan diperaian lokasi pemusnahan bom.



Gambar a,b dan c: Percikan air semasa pemusnahan bom dilakukan.

Gambar d: Pangwilla 2 menerangkan sesuatu kepada media mengenai sisa bom yang telah dimusnahkan.

PANGKOR WAR

Menjana Armada Lebih Kredibel

Oleh: **Aboy**

Foto: **BK STN (L) M. Nor**

Perang Pangkor atau lebih dikenali *Pangkor War*, merupakan latihan mingguan yang mempunyai senario *fleksible*, tetapi padat, intensif dan *robust*. Ianya diadaptasi daripada *Thursday War* yang dilaksana oleh Royal Navy (RN) dan pernah dipraktikkan oleh Markas Armada TLDM sebelum ini.

Idea pelaksanaan *Pangkor War* dicetuskan oleh mantan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali yang begitu menekankan supaya unit-unit TLDM sentiasa bersedia untuk menghadapi pelbagai jenis konflik dalam pelbagai senario termasuk peperangan dengan mengoptimalkan aset-aset sedia ada. Hanya melalui latihan yang lebih kerap, kesediaan dan kesiagaan untuk menghadapi konflik boleh dicapai.

Latihan ini adalah mekanisme praktikal di laut yang digubal bagi memenuhi jurang latihan, memandangkan jarak struktur latihan Armada TLDM agak panjang di antara satu siri latihan ke satu siri latihan. Tambahan pula tidak semua unit dalam Armada TLDM berpeluang untuk menyertai siri-siri latihan berkenaan dan mengambil bahagian dalam latihan gugus tugas.

Dengan objektif mengasah skill *profesionalisme* unit-unit armada TLDM, *Pangkor War* yang berlangsung tidak lebih daripada 24 jam iaitu memberi pengajaran yang sangat bernilai dan menggalakkan semangat kerja berpasukan.

Pengukuran hasil latihan dinilai bagi gugus tugas dan unit-unit individu merangkumi keberkesanan Organisasi Pemerintahan dalam aspek pemerintahan unit dan juga pemerintahan gugus tugas apabila seseorang pegawai itu dilantik sebagai *Officer in Tactical Command (OTC)*, kelengkapan, ketepatan dan kejelasan (*clarity*) semua perintah dan arahan yang dikeluarkan, kecekapan warga kapal melaksanakan semua evolusi peperangan mengikut prosedur yang telah ditetapkan,

status kesiagaan sistem dan alat yang ada di kapal dan cara pengoperasiannya, tindak balas (*respons*) kapal kepada siri-siri yang diinjek berbanding dengan *standard* yang ditetapkan serta keberkesanan rancangan dan pelaksanaan bantuan logistik dalam gugus tugas.

Latihan mingguan ini melibatkan semua kapal TLDM yang berpangkalan di Pangkalan TLDM Lumut. Senario yang pelbagai dan kreatif diwujudkan bagi menjadikan *Pangkor War* satu latihan yang menarik dan mencabar kepada semua unit yang terlibat. 





STRENGTH at sea

DCNS

Now hear this. New force on all seas

DCN becomes DCNS. Integrated teams. New force. New identity. A European leader in naval defence with proven mastery of the complexity of integrated warships. Globally recognised expertise in naval architecture, systems engineering, shipyard management, through-life support and mission-critical systems and equipment. Our strategic vision, flair for innovation and shared passion ensure customer satisfaction and mission success on all seas.



PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL

Oleh: **Lt Kdr Yusnita TLDM**

PENDAHULUAN

Pusat Hidrografi Nasional (PHN) merupakan salah satu unit dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Ianya yang terletak di Pangkalan Tentera Laut KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH di Pulau Indah, Klang bukan sahaja memainkan peranan yang sangat penting dalam pengoperasian TLDM tetapi PHN juga bertindak sebagai pusat perhubungan di peringkat nasional dan antarabangsa di dalam isu berkaitan hidrografi.

PHN juga merupakan agensi yang menjadi wakil secara eksklusif kepada Organisasi Hidrografi Antarabangsa (IHO) bagi Malaysia, yang bertanggungjawab terhadap maklumat yang berkaitan mengenai keselamatan di laut. Tanggungjawab ini telah memacu PHN ke hadapan dengan penuh semangat dan keberanian selari dengan pepatah tentera laut iaitu **"WE MEAN TO WIN"**.

SEJARAH

Menyingkap kewujudan unit ini, PHN

dahulunya dikenali dengan nama Cawangan Hidrografi TLDM (CHTLDM). Penubuhan unit ini telah bermula pada 1964 apabila kerajaan British telah memutuskan untuk membawa keluar semua aset serta platform hidrografi miliknya dan menyerahkan tanggungjawab pengukuran hidrografi wilayah negara kepada kerajaan Malaysia setelah yakin dengan kemampuan Malaysia dalam melaksanakan aktiviti hidrografi. Kemudiannya Jemaah Menteri yang bersidang pada tahun 1986 telah membuat keputusan untuk meletakkan tanggungjawab melaksanakan aktiviti - aktiviti pengukuran hidrografi kepada CHTLDM. Sejak dari itu, CHTLDM telah memainkan peranan sebagai agensi yang mewakili kerajaan di dalam menangani permasalahan yang lebih global seperti isu - isu persempadanan maritim dan undang - undang laut (UNCLOS).

Projek pembangunan PHN telah bermula pada 2001 dan siap sepenuhnya pada 15 Oktober 2005. Infrastruktur dan prasarana bangunan baru yang didirikan ini telah menelan



Kept Sahak menerangkan sesuatu kepada DYMM Sultan Selangor.

belanja sebanyak RM 96.5 juta. Seterusnya, PHN telah dirasmikan oleh Sultan Selangor DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj pada 19 Disember 2006. Ia mempunyai berkelengkapan infrastruktur dan kemudahan bertaraf antarabangsa. Di sinilah PHN merancang visi dan melaksanakan misinya untuk mencapai entiti hidrografi yang berkaliber di rantau ini.



KD MUTIARA



KD PERANTAU

ORGANISASI

PHN terbahagi kepada 5 jabatan iaitu Bahagian Pengurusan, Hidrografi, Kartografi, Oseanografi dan Pentadbiran & Sokongan. Unit ini yang diterajui oleh Ketua Pengarah, Kept Mohd Sahak TLDM beroperasi sepenuhnya dengan keanggotaan 31 orang pegawai, 71 anggota lain - lain pangkat dan 3 pekerja awam.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bertepatan dengan nama Pusat Hidrografi Nasional, PHN memainkan peranan yang penting dan bertanggungjawab dalam semua perkara melibatkan hidrografi di negara ini.

Antaranya ialah bertanggungjawab dalam pengumpulan maklumat secara pengukuran sistematik di laut dan persisir pantai, data rujukan geografi berkaitan:

- Konfigurasi perairan termasuklah infrastruktur untuk navigasi maritim (bantuan kepada navigasi dan konfigurasi pelabuhan.)
- Kedalaman lautan di kawasan berkepentingan (termasuklah kawasan yang menggugat keselamatan navigasi dan aktiviti marin yang lain).
- Komposisi dasar lautan.
- Pasang surut dan arus.
- Ciri fizikal lapisan air.

Disamping itu, PHN juga bertanggungjawab dalam menganalisa dan memproses data yang dicerap untuk menerbitkan pangkalan data yang komprehensif yang berkeupayaan menghasilkan peta tematik, carta nautika serta dokumen dan publikasi berkaitan untuk kegunaan berikut:

- Navigasi maritim.
- Operasi tentera laut.
- Pengurusan pertahanan perairan.
- Pemeliharaan persekitaran maritim.
- Mengeksploitasi sumber marin dan penentu kedudukan dasar laut serta saluran paip.
- Menakrifkan sempadam maritim (implementasi Undang - undang Laut).

- Kajian saintifik mengenai zon dilautan dan kawasan berhampiran pantai.

PHN turut terlibat dalam pengukuran semula, pengumpulan maklumat daripada agensi maritim yang lain serta penyebaran data kepada pengguna yang memerlukan. Di samping itu, ia juga berperanan sebagai *Designated National Authority (DNA)* dan bertindak sebagai *National Focal Point (NFP)* kepada Suruhanjaya Oseanografi Antarabangsa untuk perkara yang berkaitan dengan oseanografi.

Selain peranan dan tanggungjawab yang dinyatakan di atas, PHN juga diberi tugas untuk memastikan penerbitan, pengagihan dan pengemaskinian carta serta menentukan atau memastikan penyebaran informasi keselamatan maritim diberikan dalam cepat.

KAPAL HIDROGRAFI

Berbeza dengan unit lain dalam TLDM, PHN dibekalkan dengan 2 buah kapal TLDM bagi membantu PHN menjalankan tugasnya iaitu KD MUTIARA dan KD PERANTAU.

KD MUTIARA yang mempunyai nombor pennant A 255 merupakan ketua skuadron untuk Skuadron Hidrografi ke - 36. Kapal ini mempunyai kebolehan pengoperasian untuk tempoh maksimum 3 bulan. Ia dilengkapi dengan sistem pengukuran Hidrografi dan Oseanografi yang terkini dan 4 bot ukur serta 2 bot kerja. Sehingga kini, KD MUTIARA telah memegang rekod pengukuran yang mengagumkan di mana telah menyumbang kepada penerbitan 50 carta nautika.

KD PERANTAU pula telah digunakan oleh pihak TLDM mulai 12 Oktober 1988 dengan menggunakan nombor pennant A 151. Kapal ini direka dan dilengkapi khusus untuk operasi pengukuran hidrografi dan melaksanakan pemerhatian meteorologi dan cerapan oseanografi. Ia juga dilengkapi dengan sistem pengukuran terkini untuk navigasi dan hidrografi seperti *Navigation and Command System (NACOS)* dan *Digital*

Survey and Mapping System 'HYDROMAP'. Turut dimuatkan ialah Sistem Perbezaan Pemposisian Sejagat (DGPS), Pemerum Gema Berbilang Sisi, *Hull Mounted Acoustic Current Profiler (ADCP)* dan kelengkapan lain untuk operasi oseanografi dan meteorologi.

Di samping menjalankan tugas utama, PHN juga menjadi tumpuan kepada unit-unit TLDM yang lain untuk mengadakan bengkel, seminar dan mesyuarat kerana PHN mempunyai kemudahan yang lengkap. PHN juga sering menjadi tempat lawatan oleh agensi awam yang lain.

ANUGERAH

Walaupun kewujudan PHN boleh dikatakan baru setahun jagung, namun kejayaan unit ini amat membanggakan TLDM di mana ianya telah banyak anugerah dan memenangi pertandingan yang disertai. Antaranya ialah:

- Anugerah PTJ Terbaik - Anggaran Belanjawan Mengurus 2003.
- SIRIM QAS International Sdn Bhd 12/05/2004,
- Anugerah Kementerian Pertahanan 2005 untuk System Innovation Award (KD MUTIARA).
- Piala Gonzales 2005 - 2006 (KD PERANTAU).

VISI

Untuk dikenali sebagai Pihak Berkuasa Hidrografi Nasional yang menyokong keselamatan dan kecakapan maritim, serta bantuan perlindungan dan pengekalannya menggunakan sumber maritim.

MISI

Untuk mewujudkan persefahaman serantau di mana pihak PHN menyediakan sokongan yang tepat dalam bidang hidrografi, oseanografi dan kartografi serta memastikan segala produk data dan perkhidmatannya digunakan seluas yang mungkin.

'RIGHT MAN FOR THE RIGHT JOB'

KONSEP PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTERASKAN PENDEKATAN SAINS KEMANUSIAAN

Oleh: **Lt Kdr Abu Yazid bin Hj Abu Bakar TLDM**
MEd Counseling (UKM) BA Psychology
(Michigan) Pegawai Staf Psikologi, Pusat
Kepimpinan TLDM

Implimentasi konsep *Right Man for the Right Job* menurut perspektif sains kemanusiaan berkisar kepada keperluan penyesuaian latar belakang personaliti individu dengan 'nature' sesuatu bidang pekerjaan. Dalam erti kata lain, sebarang keputusan berkaitan pengurusan sumber manusia (secara spesifiknya, aktiviti penempatan dan perjawatan) sesebuah organisasi yang mengadaptasi konsep ini, perlu mengambil kira dan mempertimbangkan aspek kesesuaian (match) di antara kedua-dua elemen ini sebelum ianya diputuskan. Secara psikologi, kegagalan melaksanakan keperluan ini akan memberi impak negatif khasnya kepada individu yang terjejas/terlibat dengan keputusan yang dibuat dan kepada organisasi secara keseluruhannya. Impak-impak negatif ini berkemungkinan hadir dalam bentuk-bentuk penurunan tahap motivasi dan kepuasan kerja individu, penurunan produktiviti, prestasi dan kualiti kerja, serta kurang keberkesanan dalam pelaksanaan tugas seharian.

Secara umum, hasil kajian dalam bidang sains kemanusiaan (terutama lapangan profesional psikologi dan sosiologi) mendapati wujud persekitaran atau *nature* sesuatu pekerjaan yang hanya bersesuaian dipikul dengan jaya oleh segelintir manusia dengan latar belakang personaliti yang unik atau tersendiri. Sebagai contoh, wujud pekerjaan yang amat menuntut kemahiran komunikasi dan interaksi personal yang tinggi (i.e. kerjaya politik), pekerjaan dengan keperluan-keperluan khas (i.e. kerjaya ketenteraan) dan pekerjaan yang berhadapan dengan amaun tekanan amat tinggi (i.e. kerjaya pengawal lalu lintas udara). Natiujahnya, individu yang tidak mempunyai kesesuaian latar belakang personaliti diri yang dituntut kerjaya-kerjaya seperti ini, tidak akan berjaya melaksanakannya dengan baik sekiranya diperjawatkan, dan untuk tempoh jangka masa panjang akan mejeaskan organisasi secara keseluruhan.

Dalam konseppelaksanaan *Right Man for the Right Job* ini, hampir keseluruhan kajian

JENIS 'A'	JENIS 'B'
Ciri-ciri personaliti (personality traits) Kecenderungan gaya bertingkah laku menunjukkan tahap daya saing (<i>competitiveness</i>), <i>time urgency</i> serta <i>irritability</i> yang tinggi.	Ciri-ciri personaliti (personality traits) Kecenderungan gaya bertingkah laku lebih kasual, tenang dan relaks.
Prestasi kerja (work performance) Berkelebihan dalam pengendalian tugas-tugas yang mencabar dan mementingkan penyelesaian segera.	Prestasi kerja (work performance) Lebih berkebolehan menangani tugas-tugas melibatkan ketepatan (<i>accuracy</i>) penilaian serta proses <i>decision making</i> yang berkesan.
Perhubungan kerja (work relations) Mempunyai kesesuaian bekerja di dalam persekitaran yang <i>rough</i> dan <i>result-oriented</i> .	Perhubungan kerja (work relations) Lebih berkemampuan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang harmoni; justeru, mempunyai kesesuaian bekerja di dalam persekitaran <i>people-oriented</i> .
NOTA : Majoriti dapatan kajian menunjukkan individu Jenis B lebih berhasil mencapai tingkat pengurusan tertinggi sesuatu kerjaya. Salah satu faktor penyumbang kepada senario ini adalah aspek kesihatan, di mana kebarangkalian individu Jenis A memperoleh <i>stress-related diseases</i> seperti sakit jantung dan strok adalah lebih tinggi daripada individu Jenis B disebabkan gaya hidup mereka. Di samping itu, penilaian (<i>assessment</i>) pihak pengurusan terhadap aspek-aspek <i>work performance</i> (i.e. kemampuan membuat keputusan dan teliti) serta <i>work relations</i> (i.e. komunikasi dua hala yang baik) turut sering dilihat memihak kepada individu Jenis B. Kesimpulannya, peningkatan diri individu Jenis B dalam kerjaya banyak dibantu oleh ciri-ciri personaliti yang mungkin boleh disifatkan lebih 'sihat' berbanding ciri personaliti individu Jenis A.	

Jadual 1: Perbandingan Elemen Kesesuaian Personaliti Jenis A dan Jenis B dengan Keperluan Sesuatu Kerjaya

dan aplikasi teori-teori psikologi berkaitan personaliti didapati menjurus ke arah satu kesimpulan iaitu tahap penyesuaian ini perlu dicapai sebaik mungkin dalam usaha memperoleh kesan positif yang menyeluruh dan optimum (prestasi seseorang individu yang diperjawatkan selaras matlamat dan objektif organisasi). Hakikat ini adalah bersandarkan persepakatan di kalangan pakar bahawa keunikan personaliti seseorang individu itu menjadi faktor penentu kepada kelangsungan positif kerjayanya dalam aspek-aspek yang telah dinyatakan (motivasi, prestasi, kepuasan kerja, dan lain-lain). Pelbagai pendekatan teori wujud dalam konsep *Right Man for the Right Job* ini, namun tiga kaedah utama berkaitan konsep penyesuaian personaliti dengan kerjaya ini (yang sering menjadi rujukan) adalah yang bertunjangan teori-teori Klasifikasi Personaliti, *Myers-Briggs*

Type Indicator (MBTI) dan Pemilihan Kerjaya Holland.

Pendekatan Teori Klasifikasi Personaliti

Teori ini, secara umum, menyatakan bahawa personaliti individu boleh diklasifikasikan kepada dua kategori biasa iaitu Personaliti Jenis 'A' dan Personaliti Jenis 'B'. Setiap satu klasifikasi personaliti ini disertai (*accompanied by*) ciri-ciri tersendiri/unik yang menyebabkan setiap individu yang dikelaskan dalam penjenisan masing-masing akan memiliki kesesuaian dalam kerjaya yang berbeza-beza, didorong oleh faktor pemilihan *work behaviour* yang juga berbeza-beza. Justeru, penyesuaian pemilihan sesuatu kerja dengan klasifikasi personaliti individu yang memilih adalah *essential* dalam memastikan impak positif dalam kerja tersebut dapat dinikmati



EXTROVERT	INTROVERT
Suka kepada ketenangan/penumpuan. Merasa tertekan dengan gangguan dan faktor-faktor luaran.	Suka kepada ketenangan/penumpuan. Merasa tertekan dengan gangguan dan faktor-faktor luaran.
Ramah, suka bercakap dan mudah dikenali.	Berat mulut, pendiam dan susah untuk dikenali.
Kadang-kadang merasa tidak sabar dengan pekerjaan perlahan yang berpanjangan.	Berupaya menjalankan sesuatu tugas dalam jangka masa yang panjang tanpa apa-apa gangguan.
Berminat untuk mengetahui bagaimana orang lain menjalankan tugas.	Berminat kepada idea/konsep di sebalik kerja tersebut.
Suka bercakap di telefon, perlu kepada perhubungan dan mudah meluahkan perasaan.	Tidak suka kepada gangguan telefon, suka bersendirian dan suka menyimpan perasaan.
Suka bekerja dengan orang lain.	Suka bekerja secara bersendirian. Berkemungkinan nampak seperti suka menyisihkan diri.
Cepat bertindak dan kadangkala tanpa berfikir.	Berfikir sebelum bertindak. Kadangkala, tidak bertindak langsung.
Cenderung ke arah berkomunikasi secara bercakap daripada menulis.	Cenderung kepada berkomunikasi secara bertulis.

Jadual 2 : Perbandingan Ciri-Ciri Trait Personaliti Teras Extrovert (E) dan Introvert (I)

(E)

ISTJ	ISFJ	INFJ	INTJ
ISTP	ISFP	INFP	INTP
ESTP	ESFP	ENFP	ENTP
ESTJ	ESFJ	ENFJ	ENTJ

(I)

Jadual 3 : 16 Kuadran Gabungan (16 PF) Personaliti MBTI

“Secara psikologi, kegagalan melaksanakan keperluan ini akan memberi impak negatif khasnya kepada individu yang terjejas/terlibat dengan keputusan yang dibuat dan kepada organisasi secara keseluruhannya.”



individu berkenaan (yang kemudiannya akan turut menyumbang hasil yang positif kepada organisasi). Jadual 1 menunjukkan ringkasan perbandingan elemen penyesuaian kedua-dua klasifikasi personaliti (harus diingat, tiada klasifikasi personaliti yang lebih baik atau tidak, hanyalah yang lebih bersesuaian atau tidak) dengan keperluan sesuatu kerjaya.

Pendekatan Teori Myers-Briggs Type Indicator (MBTI)

Inventori personaliti ini membentuk 16 kuadran personaliti (hasil gabungan daripada 8 trait personaliti berbeza) yang mempunyai kesesuaian berbeza-beza terhadap penetapan pelbagai kerjaya. Dua trait personaliti utama yang menjadi teras kepada pembentukan 16 kuadran ini adalah *Extrovert* (E) dan *Introvert* (I) – dua trait personaliti *dominance* yang memiliki ciri-ciri tersendiri yang memungkinkan individu dengan personaliti sesuai keperluan kerjaya yang dipilih menikmati keselesaan dalam persekitaran kerja – manakala 6 trait *recessive* yang lain adalah *Sensing* (S), *Thinking* (T), *Feeling* (F), *Judging* (J), *Intuitive* (N) dan *Perceiving* (P). Sekali lagi, pendekatan ini tidak membandingkan kuadran personaliti mana yang lebih baik, tetapi ia lebih menekankan kepada elemen kesesuaian. Jadual 2 memperincikan perbandingan ciri-ciri trait personaliti teras *Extrovert* (E) dengan *Introvert* (I), manakala Jadual 3 menunjukkan perincian 16 kuadran personaliti (setiap kuadran menggariskan ciri-ciri diri individu serta keunikan sifat masing-masing dalam melaksanakan kerja) di bawah diskusi teori MBTI ini.

Pendekatan Teori Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Holland

Teori ini menggariskan bahawa personaliti diri individu dan persekitaran sesuatu kerjaya masing-masing terbahagi kepada enam kategori iaitu *Realistik* (R), *Investigatif* (I), *Artistik* (A), *Sosial* (S), *Enterprising* (E) dan *Konvensional* (K). Teori ini secara dasarnya merumuskan bahawa setiap individu memiliki kecenderungan untuk memilih kerjaya dengan persekitaran yang menepati personaliti diri masing-masing agar potensi diri dimilikinya dapat dioptimumkan. Dalam erti kata lain, individu yang memilih kerjaya dengan latar persekitaran yang tidak bertepatan dengan latar belakang personaliti dirinya, akan berhadapan dengan pelbagai masalah (prestasi, motivasi, kepuasan dan lain-lain) dalam kerjayanya untuk jangka masa panjang. Jadual 4 memperincikan ciri-ciri penyesuaian personaliti dengan pemilihan kerjaya menurut teori Holland ini.

JENIS PERSONALITI	PENYESUAIAN PERSONALITI DENGAN PERSEKITARAN KERJAYA	CONTOH KERJAYA BERSEKUTUAN
Realistik (R)	a) Sifat keletihan, tidak suka bergaul, cenderung bekerja menggunakan tenaga, praktikal, memupuk kecekapan-kecekapan dan pencapaian teknikal, memanipulasikan benda, jentera dan binatang. b) Mendapat ganjaran dengan menunjukkan nilai-nilai berupa wang, kuasa dan penilaian. c) Menggalakkan orang ramai melihat dunia dengan cara yang mudah, nyata dan secara tradisi.	Kerjaya berkaitan sains kejuruteraan, kerja-kerja manual dan menggunakan tenaga fizikal.
Investigatif (I)	a) Sifat asli, tidak suka bergaul, cenderung kepada aktiviti mental, memupuk kecekapan-kecekapan dan pencapaian sains, perhatian dan penyelidikan secara sistematik mengenai fenomena-fenomena. b) Mendapat ganjaran dengan menunjukkan nilai-nilai saintifik. c) Menggalakkan orang ramai melihat dunia secara kompleks, abstrak, bebas dan cara-cara semulajadi.	Kerjaya berkaitan sains tulen, kajian-kajian saintifik dan kerja-kerja penyelidikan.
Artistik (A)	a) Sifat asli – kreatif, tidak suka bergaul, cenderung kepada aktiviti seni, penguasaan bahasa, emosional, memupuk kecekapan-kecekapan dan pencapaian yang bersifat seni kabur, bebas atau kerja-kerja yang tidak sistematik. b) Mendapat ganjaran dengan menunjukkan nilai-nilai seni. c) Menggalakkan orang ramai melihat dunia secara kompleks, bebas, tidak konvensional dan dengan cara yang fleksibel.	Kerjaya berkaitan seni dan bidang artistik seperti muzik, seni lukis, penulisan kreatif, tarian, drama, nyanyian dan sebagainya.
Sosial (S)	a) Suka bergaul, membantu, pemurah, peramah, memimpin, memupuk kecekapan-kecekapan dan pencapaian 'interpersonal', memberitahu, melatih, merawat atau memberi petunjuk kepada orang lain. b) Mendapat ganjaran dengan menunjukkan nilai-nilai sosial atau kemanusiaan. c) Menggalakkan orang ramai melihat dunia dengan cara yang fleksibel.	Kerjaya berkaitan bidang kerja sosial seperti perguruan, perubatan, kaunselor, pembimbing, dan lain-lain.
Enterprising (E)	a) Cenderung untuk mencari pengikut, petah berujah, pemimpin asli, memupuk kecekapan merujuk dan kepimpinan, atau pencapaian dan manipulasi ke atas orang lain untuk mencapai matlamat diri dan organisasi. b) Mendapat ganjaran dengan menunjukkan nilai-nilai keusahawanan dan pencapaian matlamat seperti wang, kuasa dan kedudukan. c) Menggalakkan orang ramai melihat dunia dari segi kuasa, kedudukan, tanggungjawab dan dalam bentuk yang serupa dan mudah.	Kerjaya berkaitan sains pengurusan, politik, perniagaan dan lain-lain.
Konvensional (K)	a) Cenderung kepada aktiviti berstruktur, sistematik dan teliti, memupuk kecekapan-kecekapan pengusaha serta perkeranian, manipulasi secara eksplisit ke atas data-data, rekod, atau bahan-bahan bertulis. b) Mendapat ganjaran dengan menunjukkan nilai-nilai seperti wang, dan pergantungan. c) Menggalakkan orang ramai melihat dunia secara konvensional, serupa, sempit, mudah dan dengan cara terikat.	Kerjaya bidang perkeranian melibatkan penggunaan komputer di tempat-tempat seperti perpustakaan, pejabat, stor dan seumpamanya.

Jadual 4 : Penyesuaian Personaliti dan Pemilihan Kerjaya Holland



Kesimpulannya, mengikut pendekatan sains kemanusiaan, wujud pelbagai kaedah pelaksanaan aplikasi *Right Man for the Right Job* dalam sistem pengurusan sumber manusia. Namun, elemen-elemen seperti tahap pengetahuan, sikap keterbukaan dan keseriusan, serta komitmen dalam mengimplementasikan mana-mana kaedah yang dipilih, sering menjadi faktor penentu kejayaan atau kegagalan pelaksanaan konsep ini dalam sesebuah organisasi.



Oleh: **ABDY PR FOC RMN**

Foto: **BK STN (L) M. NOR**

PERAK

PV KE-3 PERLENGKAP KEUPAYAAN TEMPUR TLDM

Peranan TLDM menjadi lebih mencabar ekoran perkembangan situasi keselamatan sejagat. Oleh itu, TLDM perlu mempunyai angkatan yang seimbang dan kredibel bagi memastikan kedaulatan negara dipertahankan selain menyumbang kepada keamanan dan keselamatan maritim serantau.

Kehadiran Kapal Ronda ke-3, PERAK yang dilancarkan 12 Nov tahun lalu disifatkan pelengkap dalam mempertingkatkan keupayaan dan ketangkasan armada.

Majlis pelancaran PERAK disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun Mohd Ali yang berkenan menamakan kapal tersebut di Limbungan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd, Lumut.

Kapal ketiga daripada 6 buah kapal ronda ini adalah susulan daripada KD KEDAH dan KD PAHANG yang telahpun diserahkan kepada TLDM tahun lalu. Istimewanya, PERAK dibina sepenuhnya di sini dengan menggunakan tenaga kerja dan kepakaran tempatan berbanding kedua-dua kapal tersebut yang sebahagiannya dibina di Jerman dan hanya pemasangan akhir dilaksanakan di BN Shipyard. Kejayaan membina kapal perang canggih ini oleh industri maritim dan anak-anak tempatan adalah satu pencapaian yang gemilang dan membanggakan.

Nama PERAK dipilih sesuai dengan kemasyhuran dan kehebatan negeri Perak yang juga kaya dengan hasil buminya sejak dahulu hingga sekarang. Ia juga telah diabadikan oleh pihak Inggeris ke atas sebuah kapal perangnya, *Her Majesty's Ship* Perak. Kapal tersebut digunakan bagi melaksanakan tugas rondaan dan memasang ranjau di perairan Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Tugas terakhirnya bagi memindahkan askar British berserta keluarga ke Colombo, Sri Lanka, semasa penaklukan Malaya oleh tentera Jepun.

Nama PERAK kemudiannya digunakan semula untuk kapal ronda TLDM, KD SRI PERAK yang dibina oleh Syarikat Vosper Limited, England dalam tahun 1961 seterusnya ditauliahkan pada 6 Jun 1963. Sepanjang perkhidmatan selama 21 tahun, KD SRI PERAK telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sehinggalah ia tenggelam sewaktu menjalankan tugas rondaan di Laut China Selatan pada 8 Januari 1984.

Bagi meneruskan tradisi dan mengenang kembali kecemerlangan yang pernah dilakar, nama PERAK kini diabadikan pula untuk Kapal Ronda ke-3 ini.

Menyingkap sejarah, tradisi penamaan dan pelancaran kapal telah dipraktikkan oleh tentera laut sejak dahulu lagi dan ia menjadi detik yang istimewa dan amat bermakna bagi sesebuah kapal perang. Ia juga merupakan satu aktiviti penting sebelum kapal ini



diserahkan dan seterusnya ditauliahkan ke dalam perkhidmatan TLDM seperti yang telah dilalui oleh kapal ronda pertama dan kedua. Nama yang diberikan menjadi identiti sepanjang hayatnya dan menjadi kebanggaan warganya kelak.

Perolehan Kapal Ronda ke-3, PERAK, disifatkan sebagai sebahagian perancangan strategik TLDM ke arah program modenisasi dan transformasi armadanya. Kehadiran kapal canggih seumpamanya akan mempertingkatkan keupayaan tempur yang seimbang serta keupayaan TLDM dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

PERAK akan menjalani kerja-kerja ujian di pelabuhan dan di laut serta ujian menembak sebelum diserahkan kepada TLDM yang dijadualkan pada bulan Disember tahun ini. **S**



Lawatan DYMM Sultan Selangor Ke Pangkalan TLDM Tg Gelang

Oleh: PR MAWILLA 1

DYMM Sultan Selangor telah sudi membuat lawatan kerja ke Pangkalan TLDM, Tg. Gelang, Kuantan, Pahang pada 14 dan 15 November 2007. Baginda telah berangkat dari TUDM Subang ke MAWILLA 1 (MWL 1) dengan menaiki pesawat Black Hawk pada 14 November 2007 dan selamat tiba di helipad MWL 1 pada jam 11.30 pagi. Ketibaan baginda disambut oleh Mantan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar, Panglima Wilayah Laut 1, Panglima-Panglima Formasi, Pegawai-pegawai kanan dan beberapa orang kenamaan serta wakil istana Negeri Pahang. Baginda seterusnya mengambil tabik hormat serta memeriksa Kawalan Kehormatan Utama.

Selepas pemeriksaan kawalan, baginda dipersembahkan taklimat oleh Pegawai Pemerintah KD SRI KUANTAN di Irsyad Lounge disamping menandatangani buku pelawat. Baginda kemudiannya dibawa belayar menaiki KD JEBAT untuk

demonstrasi penembakan torpedo. Pada sebelah malamnya, baginda telah diraikan di Dewan Al-Hami untuk majlis BBQ. Baginda telah dihiburkan dengan persembahan hiburan dan kebudayaan oleh Badan Kesenian TLDM (BAKES), Kombo Gelombang Biru dan Koir MWL 1. Sebagai penutup tirai, baginda turut dipersembahkan Cendera Kenangan.

Lawatan hari ke dua pula dipenuhi dengan aktiviti lawatan ke Rumah Keluarga Taman Samudera Balok Perdana (TSBP) untuk upacara menanam pokok Palma di perkarangan Surau Al-Iman serta kemudiannya membuat lawatan sekitar TSBP. Baginda turut meluangkan masa melawat Rumah BAKAT (L) dan Tadika Balok Perdana. Baginda kemudiannya berangkat tiba di jeti operasi untuk demonstrasi dari Pasukan Selam MWL 1. Pada sebelah petangnya, baginda mengambil tabik hormat oleh Kawalan Kehormatan Utama di Padang Kawad MWL 1 sebelum berangkat pulang dengan menaiki pesawat Black Hawk. **S**

Penembakan SEA SKUA serlah keupayaan perang TLDM



Oleh: Lt Kdr Noorlida bte Rahaman TLDM

Foto: BK STN (L) M. Nor

Kesiagaan aset TLDM terserlah lagi dengan kejayaan penembakan misil jenis Sea Skua baru-baru ini. Penembakan taktikal yang dilancarkan melalui Helikopter Super Lynx milik TLDM ini telah berjaya dilaksanakan di perairan Selat Melaka.

Misil Sea Skua yang panjangnya 2.5 meter dengan diameter 250 milimeter dan berat 145 kilogram mempunyai ciri keistimewaan tersendiri. Ia mampu menenggelamkan sebuah kapal. Misil Sea Skua yang dibeli dari United Kingdom melalui Matra Bae Dynamics (MBDA) ini pernah dilancarkan dalam Perang Teluk 1991 dari helikopter Lynx milik Tentera Laut Diraja British.

Kejayaan penembakan ini mencapai objektif yang disasarkan iaitu bagi menguji dan menilai sistem persenjataan helikopter Super Lynx serta sistem misil Sea Skua. Ia juga telah membuktikan Sea Skua yang berada dalam inventori TLDM sejak tahun 2005, mempunyai keupayaan perang yang tinggi dan dapat beroperasi dengan baik.

Selain itu, kejayaan penembakan ini juga telah memperkukuhkan lagi tahap kompetensi pengurusan, penyelenggaraan dan pengoperasian misil. Ia juga telah membuktikan bahawa Armada TLDM serta unit-unit yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan

penembakan, sentiasa dalam keadaan siaga dan terlatih. Pelbagai aset dan unit TLDM yang terlibat dalam operasi ini diberikan pelbagai tugas yang telah ditetapkan bagi melancarkan perjalanan operasi penembakan ini. Antara tugas yang dilaksanakan seperti sebagai platform induk helikopter, tinjauan, menunda sasaran, pembersihan kawasan, penyediaan misil dan pelbagai tugas lain.

Mantan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali dan Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Mohd Amdan bin Kurish telah turut hadir menyaksikan penembakan ini. **S**

“Kejayaan penembakan ini mencapai objektif yang disasarkan iaitu bagi menguji dan menilai sistem persenjataan helikopter Super Lynx serta sistem misil Sea Skua”



Kesan bedilan pada sasaran akibat terkena tembakan misil Sea Skua.



MARITIM NEGARA

Dan Tahap Kesiapsiagaan Menjaganya

Oleh: Lt Farezal bin Hj Zainal TLDM

Dunia maritim telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada pertumbuhan ekonomi tanah air kita sejak dahulu kala lagi. Tanpa dunia maritim, tanah air kita akan kekal dalam arus keasingan dari dunia luar sama ada dari segi perdagangan ataupun hubungan antarabangsa. Sejarah telah membuktikan perkembangan kekuasaan tanah air sejak zaman keagungan empayar Kesultanan Melayu Melaka hanya boleh dijayakan dengan melalui laut. Perdagangan melalui laut oleh Kerajaan Melayu Melaka telah meletakkannya sebagai pusat perdagangan utama di nusantara pada ketika itu sehingga dikenali sebagai *Venice Asia*.

Pernyataan di atas menunjukkan kepentingan lautan kepada negara dalam mengejar Wawasan 2020. Namun ianya hanya boleh dicapai jika perairan negara berada di dalam

keadaan yang terkawal dan teratur dari sebarang ancaman atau unsur yang berupaya menjejaskan keharmonian perairan negara. Negara memerlukan mekanisma penguatkuasaan maritim yang mantap agar ianya selari dengan perkembangan semasa di dalam persekitaran kegiatan ekonomi maritim. Peruntukan yang besar telah diberikan agar memastikan perairan negara selamat kepada kesemua penggunaannya. Namun apa yang paling penting sekali ialah menjamin integriti dan kedaulatan perundangan negara di perairan selain jaminan keselamatan pelayaran dari sebarang unsur ancaman antara Semenanjung dan Malaysia Timur.

Dengan jarak hampir 900 kilometer antara Semenanjung dengan Malaysia Timur, soal integrasi nasional adalah amat penting selain menjamin laluan perkapalan yang selamat. Disebabkan Malaysia terletak di suatu kawasan yang strategik dan dikelilingi oleh tiga

laut utama iaitu Selat Melaka, Laut China Selatan dan Laut Sulu, maka penekanan kepada aspek kedamaian dan keharmonian penggunaannya adalah sangat penting. Juga disebabkan Malaysia dikelilingi oleh tiga laut utama, maka kita terpaksa berdepan dengan segala masalah dan cabaran sama ada bersifat militan ataupun sivil. Perlu diingatkan disebabkan kedudukan Malaysia di suatu lokasi yang amat strategik, maka kita terpaksa bergelut dengan segala permasalahan serantau yang berlaku di sekeliling ini. Sehubungan dengan itu, mengawal, mengurus dan mempertahankan integriti kedaulatan perairan kita adalah elemen asas yang paling penting bagi menjamin kedamaian penggunaannya oleh negara.

Tidak dapat dinafikan sama sekali dunia maritim telah memberikan sumbangan yang tidak terhingga kepada pertumbuhan dan



kesejahteraan negara sejak sekian lama.

Sehubungan itu adalah penting sekali untuk kita terus menguasai perairan negara ini. Sehubungan itu, adalah penting sekali untuk kita terus menguasai perairan negara ini dari sebarang unsur atau kegiatan yang berupaya menjejaskan kedamaian perairan negara. Isu seperti pencemaran marin dan kegiatan menangkap ikan secara haram, rompakan di laut dan lain-lain lagi telah menjejaskan kedamaian dan keselamatan perairan negara serta para penggunanya.

Kawasan yang kerap terjadinya kes rompakan di laut ialah sekitar perairan Sabah – Filipina dan Selat Melaka. Sekitar perairan Sabah – Filipina, kebanyakan kes adalah melibatkan warga Filipina sama ada dari Sabah (Pendatang tanpa izin yang telah bermastautin di Sabah) atau pun dari Filipina terutamanya dari bahagian selatan negara tersebut. Persekitaran perairan Sabah yang mempunyai banyak pulau kecil berjumlah 197 dan berhampiran dengan sempadan antarabangsa telah memberikan kelebihan kepada kegiatan menyamun di laut. Keadaan ini amat berkait rapat dengan isu kemasukan pendatang asing tanpa izin yang agak meruncing di Sabah. Banyak kegiatan haram berlaku seperti rompakan di laut, penyeludupan senjata api dan dadah serta menangkap ikan secara haram berlaku dengan berleluasa. Kegiatan penyeludupan juga merupakan salah satu masalah utama yang perlu ditangani.

Agensi-agensi penguatkuasa maritim negara seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Marin, Jabatan Laut, Jabatan Kastam Diraja, Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) perlu memainkan peranan

dalam kestabilan dan penggunaan dalam samudera yang selamat yang mana menjadi asas kepada pembangunan sektor maritim negara yang berterusan. Konsep ancaman dan cabaran maritim pada hari ini adalah lebih luas dengan meliputi isu eksploitasi berlebihan dan kemusnahan sumber marin, pencemaran dan kemerosotan alam persekitaran marin. Selain itu, akan timbullah aktiviti haram seperti penyeludupan narkotik, senjata, pendatang haram, pencerobohan ke atas integriti, kedaulatan wilayah maritim negara dan keselamatan laluan perkapalan.

TLDM sebagai salah satu tunjang pertahanan maritim negara memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin kedaulatan dan integriti nasional serta kepentingan strategik dalam apa jua suasana yang membabitkan kepentingan pertahanan negara. Pada masa aman TLDM mempunyai peranan sebagai agensi penguatkuasa perundangan maritim negara dari segala bentuk kegiatan haram seperti pencerobohan nelayan asing di ZEE, rompakan di laut, menjaga keselamatan laluan perkapalan dan

lain-lain lagi.

Kewujudan agensi-agensi penguatkuasa maritim serta pengawasan perairan Malaysia sejak merdeka telah menunjukkan betapa seriusnya negara menetapkan sasaran bagi mengawal, mengawasi dan menjamin kedaulatan, keutuhan dan keselamatan para pengguna dan sumber-sumber dari dicabuli.

Kesimpulannya, memiliki agensi penguatkuasa maritim negara yang mantap serta mempunyai aset yang moden mampu menjaga dan melindungi perairan maritim negara buat dari sebarang ancaman. **S**

Biodata Penulis

Nama : **Lt Farezal bin Hj Zainal TLDM**

Pangkat : **Leftenan TLDM**


No. Tentera : **N/403531**

Cawangan : **Eksekutif**

Perjawatan Sekarang : **Pegawai Navigasi KD PARI**

Tarikh Lahir : **19 Sep 81**

Kelulusan Akademik : **Sijil Pelajaran Malaysia, Diploma Teknologi Pengurusan Maritim**



TACCO

KOMANDER PERANG UDARA



SAYAP TACCO... menjadi kebanggaan setiap TACCO.

Olleh: Karzi Daniq
Foto: LK STN (L) Sayed Kholrol Syed Ali

MARKAS Udara TLDM (MUTLDM) merupakan markas yang bertanggung jawab di dalam menguruskan aset udara TLDM. Aset udara TLDM yang dimaksudkan adalah pesawat Super Lynx Mk 100 (Skuadron 501) dan pesawat AS 555 SN Fennec (Skuadron 502). Kedua-dua skuadron tersebut dibantu dari segi logistik oleh KD RAJAWALI manakala MUTLDM bertindak sebagai pelaksana dasar.



ROSLAN...kuantiti TACCO kini masih belum mencukupi.

Sebut sahaja KD RAJAWALI, SKUADRON 501 dan SKUADRON 502, pastinya sinonim dengan tugas seorang juruterbang. Namun disebalik kebijaksanaan seorang juruterbang mengendalikan pesawat, sebenarnya wujud seorang rakan yang memainkan peranan amat besar bagi memastikan pesawat tersebut berada di destinasi yang tepat.

Tactical Observer (Pegawai Taktikal Udara) atau lebih dikenali dengan TACCO, mempunyai tanggungjawab yang amat besar dan menjadi buddy kepada juruterbang ketika berada di udara.

Pemerintah Skuadron 501, Komander (Kdr) Roslan Mohd Yunus TLDM berkata, peranan utama TACCO dapat dilihat ketika perang yang mana seorang TACCO bertanggungjawab menentukan pesawat berada pada lokasi yang betul dan pada masa tepat bagi memastikan objektif misi tercapai.

"Apabila berada di lokasi misi, TACCO bertanggungjawab menentukan cara untuk mengeksploit penderia dan sistem persenjataan pesawat agar mampu memberi amaran kedatangan unsur-unsur pihak musuh. Selain itu, TACCO juga perlu mengkoordinasikan segala aset udara dan juga di darat sekiranya perlu untuk mencari dan diikuti dengan pelan tindakan untuk meneutralkan ancaman pihak musuh.

"Dalam kata lain, TACCO adalah Pegawai Peperangan Utama Udara ketika perang dan setakat ini kepakaran ini diperuntukkan untuk Skuadron 501 sahaja," kata Roslan yang amat berbangga kerana setakat ini TLDM sahaja yang mempunyai TACCO di rantau Asia Tenggara.

Menurut Roslan lagi, selain daripada tugas ketika perang, TACCO juga perlu bersedia sekiranya dipanggil untuk melaksanakan operasi mencari dan menyelamat pada bila-bila masa kerana ianya adalah rutin setiap pesawat TLDM ketika aman.

Mengimbas kembali sejarah TACCO, ianya bermula dengan kursus Jurumalim bagi persediaan menerima pesawat TLDM Super Lynx pada 2003.

Rentetan itu, pengambilan pertama pada 1999 telah dilakukan KD RAJAWALI dengan menghantar tiga anggota berpangkat Letenan Madya ke Institut Latihan Ilmu Terbang, Kolej Tentera Udara, Pangkalan Udara Alor Star mulai 30 Oktober 1999.

Setelah mengambil kira peranan dan fungsi serta keperluan utama TLDM, kepakaran Jurumalim ini telah dinaiktaraf sebagai TACCO sebaik pelatih menamatkan kursus peperangan (PWO Course) dan juga melepasi kursus penerbangan barisan hadapan bersama helikopter TLDM.

Seterusnya pada 2003, KD RAJAWALI telah menghantar tiga anggota (Lt Kdr Zamri Ismail TLDM, Lt Kdr Khairil Haris Khairudin TLDM dan Lt Kdr Shaifudean Lufy Ruslan/ TLDM) ke Royal Navy (RN), United Kingdom selama empat bulan bagi melengkapkan lagi pengalaman mereka bersama Super Lynx di sana. Ketiga pegawai tersebut merupakan pelopor bagi kepakaran TACCO.

Bermula tahun tersebut, TLDM menghantar dua pelatih setiap tahun bagi melayakkan mereka berkhidmat sebagai TACCO.

"Berbanding juruterbang, TACCO boleh diperjawatkan di kapal pada bila-bila masa bagi memenuhi perjawatan eksekutif termasuk sebagai Ketua Pegawai Peperangan (PWO) dan ini juga telah dilaksanakan oleh RN terhadap TACCO atau *Tactical Observer* mereka," tambah Roslan apabila diminta mengulas perbezaan TACCO berbanding juruterbang pesawat.

Menurutnya lagi, selain daripada perjawatan PWO ketika di kapal, seorang TACCO juga boleh diperjawatkan sebagai Pegawai Bahagian Anggota Penerbangan, Pegawai Perancangan Penerbangan, Pegawai Rekod Penerbangan, Pegawai Kajiucua, Penolong Pegawai Risik Udara dan Penolong Pegawai Pengenalan Sasaran.

"Saya memang meminati kerjaya mencabar dan inilah bidang yang saya cari selama ini. Walaupun peranannya amat mencabar, tapi ia merangsang kita supaya sentiasa bersedia, berfikir dan sekaligus ingin mengetahui perkara baru berkenaan pertahanan melalui pembacaan," kata Haris yang telah menyertai pelbagai eksekusi peringkat TLDM mahupun ATM.

Bagi pembaca yang meminati kerjaya TACCO, kelayakan yang perlu mestilah anggota TLDM, berumur bawah 26 tahun, mempunyai kesihatan cemerlang dan mendapat sokongan daripada Pegawai Memerintah.

Setelah peserta berjaya dipilih, peserta perlu menjalani empat kursus utama anjuran bersama TUDM dan TLDM iaitu Kursus Ilmu Penerbangan Asas (KIPA) selama 16 minggu di Institut Latihan Ilmu Terbang (ILIT), Kolej Tentera Udara, Pangkalan Udara Alor Star Kedah, Kursus Asas Jurumalim (*Basic Navigator Course*) selama 52 minggu di No. 20 Skuadron, Pangkalan Udara Subang, Kursus PWO (*Principle Warfare Officer Course*) di KD SULTAN IDRIS I, Pangkalan TLDM Lumut dan Kursus Penerbangan Barisan Hadapan (*Front Line Conversion Course*) selama 16 minggu di

Skuadron 501 TLDM, Pangkalan TLDM, Lumut.

Setamat kursus, peserta akan dianugerahkan sijil dan sayap TACCO yang menjadi kebanggaan setiap TACCO.

Seorang TACCO layak menerima elaun dan ianya terbahagi kepada beberapa kategori iaitu:

- Pelatih Jurumalim - RM600.
- Jurumalim Asas - RM1,600.
- TACCO Operasi - RM2,500.
- Jurulatih TACCO - RM3,500.

Menurut Haris, TLDM kini hanya mempunyai 13 TACCO yang mana ianya masih belum mencukupi untuk menampung keperluan pesawat TLDM yang ada.

"Pengambilan baru sentiasa dibuka untuk warga TLDM yang berminat walaupun dua tempat sahaja diperuntukkan setiap pengambilan iaitu berdasarkan tawaran tempat oleh TUDM kepada TLDM," kata Haris.


Jelas sekali, kerjaya TACCO yang amat mencabar menuntut komitmen tinggi bagi setiap individu yang menyertainya. Sementara itu, Roslan ketika diminta mengulas harapan beliau pada masa akan datang berkata, kuantiti TACCO yang ada kini masih belum mencukupi.

"Walaupun peruntukan tempat untuk menjalani kursus bersama TUDM amat terhad, saya berharap warga TLDM yang berminat tidak berputus asa sebaliknya berusaha untuk mendapat tempat.

"Sememangnya saya berharap kerjaya TACCO pada masa depan akan dapat ditempatkan bukan sahaja untuk Super Lynx malah pesawat Fennec dan juga RAJAWALI bagi menampung keperluan semasa," kata beliau mengakhiri perbualan.

K D

HARIS...bidang yang saya cari selama ini.



Bukti Kehebatan Terbangkan Pesawat Pada Waktu Malam

Oleh: **PR MAWILLA 1**

Pesawat Fennec dari Skuadron 502 yang berpangkalan di KD RAJAWALI Lumut terlibat secara langsung sejak Ops Banjir telah diaktifkan. 3 buah pesawat Fennec ditempatkan sementara di Pangkalan Udara TUDM Kuantan bagi tujuan memudahkan pelaksanaan operasi tersebut.

Pada 25 Disember 2007, satu penerbangan ikhsan telah dilakukan oleh TLDM jam 2.30 pagi dari Bandar Pekan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan dengan membawa

seorang wanita yang memerlukan rawatan sakit hendak bersalin. Pesawat tiba di HTAA pada jam 3.00 pagi dan wanita tersebut berada di dalam keadaan stabil sejurus tiba di hospital. Pesawat Fennec TLDM telah diterbangkan oleh Leftenan Komander Mohamad Hafiz bin Nordin TLDM dengan dibantu oleh Leftenan Hairul Afikin bin Tukimin TLDM. Menurut Pegawai Pemerintah Skuadron 502, Komander Ahmad Shukri bin Hj Mohd Yunus TLDM berkata, "secara keseluruhan, sebanyak 55 penerbangan telah dilakukan sepanjang

Ops Banjir kali ini dan 9 penerbangan daripadanya dilaksanakan pada waktu malam". Sepanjang Ops Banjir, hanya TLDM sahaja yang mempunyai keupayaan mengoperasikan pesawat dan melakukan operasi di waktu malam.


Secara keseluruhannya, penerbangan yang dilakukan merangkumi tugas seperti penerbangan kecemasan, membuat tinjauan dan pelbagai bantuan lain yang diarahkan telah dilaksanakan dengan jayanya pada kali ini. **S**

THE NAVY PEOPLE



THE NAVY PEOPLE





PENYELAMAN SCUBA

Oleh Lt Kdr Mohd Souafi TLDM

Penyelaman SCUBA adalah sukan pengembaraan yang sungguh unik di dunia; anda boleh melihat keindahan seni ikan kecil semasa ia meluru sekitar batu karang tropika yang berwarna-warni. Anda boleh mengalami keseronokan berenang bersebelahan penyus dan ikan. Dengan sedikit latihan, anda boleh mengambil gambar yang akan dikagumi oleh keluarga dan rakan-rakan anda.

APA ITU PENYELAMAN SCUBA?

SCUBA adalah ringkasan *Self Contained Underwater Breathing Apparatus* (Alat Selam Kandung Sendiri), sebagaimana RADAR, ringkasan ini menjadi begitu biasa sehinggakan huruf besar sering ditinggalkan. Secara ringkas, penyelaman SCUBA adalah aktiviti bawah air yang dilakukan dengan menggunakan peralatan yang di pakai oleh penyelam, yang membekalkan bekalan udara dan dengan itu membenarkan penyelam kekal lama di bawah permukaan air untuk tempoh masa lama yang tertentu.

APAKAH PENSIJILAN SCUBA?

Memandangkan ketiadaan sebarang undang-undang yang mengawal aktiviti penyelaman SCUBA rekreasi di kebanyakan negara, jurulatih-jurulatih profesional yang bekerja dalam industri SCUBA telah

bersetuju dengan beberapa piawaian minimum dalam latihan selam rekreasi. Jurulatih NAUI akan sentiasa memberikan latihan khusus membolehkan seseorang berkelayakan sebagai Penyelam SCUBA.

KATEGORI PENYELAM SCUBA

- SCUBA Diver
- Advance SCUBA Diver
- Master SCUBA Diver

PERALATAN SCUBA

Sirkuit Terbuka (*open circuit*).

Sistem yang terdiri dari tangki atau silinder menyelam (*diving cylinder*) yang mengandungi udara mampat bertekanan tinggi yang bersambung dengan alat atur (*diving regulator*) yang membekalkan penyelam dengan udara mampat pada tekanan yang bersesuaian untuk pernafasan pada kedalaman tertentu. Jenis peralatan SCUBA ini dikenali sebagai litar terbuka (*open circuit*) kerana udara mampat dihirup dan dibebaskan pada persekitaran.

Sirkuit Tertutup (*closed circuit*).

Sistem alat selam ini membekalkan gas pernafasan dari silinder kepada penyelam menggunakan alat atur tetapi mempunyai mekanisme lain yang mengitar semula gas yang dihirup untuk di kitar dan

digunakan semula dengan selamat. Jenis peralatan ini dikenali sebagai litar tertutup (*closed circuit*). Penggunaan gas yang ekonomi yang membolehkan penyelam berada lebih lama di bawah permukaan berbanding menggunakan peralatan litar terbuka.

Terdapat juga peralatan seumpama SCUBA yang digunakan untuk pelbagai aplikasi yang bukan melibatkan penyelaman seperti:

- SCBA (*Self Contained Breathing Apparatus*) yang mempunyai pelitup muka (*face mask*) positif yang digunakan oleh pihak BOMBA dan Penyelamat.
- Peralatan pernafasan yang digunakan oleh pelombong.
- Peralatan Angkasawan.

KESIHATAN

Taraf kesihatan merupakan tunggak utama untuk menjadi seorang penyelam SCUBA. Sebelum latihan bermula, setiap individu mestilah:

- Mempunyai jantung dan paru-paru yang sihat.
- Mempunyai telinga dan sinus yang sihat.
- Bebas dari sebarang penyakit atau penyakit serius.
- Bebas dari sebarang keadaan yang boleh menyebabkan anda pingsan. **S**

TLDM jalin kerjasama dengan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Oleh: **Lt Dya Siti Salina Johari PSSTLDM**
Foto: **BK KNA Amir Hamzah Ismail**

Penubuhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini menjadi pemangkin kepada pengeluar modal insan PALAPES yang berkelayakan akademik dan seterusnya menyumbang kepada keperluan pertahanan negara.

Program PALAPES ini mempunyai potensi dan peranan yang amat besar dalam membentuk mahasiswa mahupun mahasiswi ke arah warga negara yang berdisiplin, berdaya saing, mempunyai jati diri dan ciri-ciri ketahanan nasional.

Sebagai salah satu cabang Pasukan Simpanan Angkatan Tentera, PALAPES merupakan Pasukan Kerangka dalam konsep Pertahanan Menyeluruh atau singkatannya HANRUH dalam mendukung Dasar Pertahanan Negara. Oleh itu, peranan serta tanggungjawab yang digalas oleh PALAPES (Laut) seharusnya cukup penting dan tidak wajar dipandang rendah oleh mana-mana pihak terhadap sumbangannya kepada pertahanan nasional.

Penubuhan Baru

Baru-baru ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan IPTA yang ketujuh mempunyai program PALAPES (Laut) selepas kewujudan program ini di beberapa IPTA seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Di majlis penubuhan program PALAPES (Laut) di UMT, turut diadakan ialah majlis pemakaian pangkat Kepten (Kehormat) kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Sulaiman bin Md Yassin yang merupakan Naib Canselor UMT merangkap Komandan PALAPES (Laut) manakala pemakaian pangkat Komander (Kehormat) diberikan kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Hj. Zainal Ashirin iaitu Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin merangkap Timbalan Komandan PALAPES (Laut) di Universiti Malaysia Terengganu.

"Ini merupakan usaha pihak UMT dan TLDM untuk merancang dan merangka strategi bagi menambahbaik dari segi pembangunan modal insan dalam penerokaan dari segi aspek maritim serta memperkukuhkan kepimpinan dan pengurusan pertahanan maritim Malaysia.

TLDM dan UMT dilihat sebagai suatu synergy yakni ianya berperanan untuk menyedarkan rakyat dan menjana minat mereka serta bersama-sama membantu kerajaan meneroka bidang maritim yang sememangnya berpotensi dan kaya sebagai



sumber ekonomi di negara ini", jelas Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali, Mantan Panglima Tentera Laut di dalam ucapannya ketika menyempurnakan majlis pemakaian pangkat tersebut.

Tambahnya lagi, UMT merupakan penyumbang utama dalam melahirkan graduan dalam bidang maritim dan sains marin. Justeru, ini merupakan peluang bagi TLDM dan UMT mewujudkan smart partnership bagi meningkatkan imej, kemampuan dan prestasi. Beberapa projek kerjasama turut giat dirancang bagi kedua-dua entiti ini.

Tenaga Mahlr

Keupayaan UMT dalam mempelopori bidang pengajian maritim dan sains marin khususnya boleh dijadikan sebagai platform oleh TLDM dalam merelisasikan aspirasi ke arah membentuk K-Navy (Knowledge-Navy).

Melihat kepada khidmat pakar yang sedang dilaksanakan oleh UMT, ianya amat relevan atau selari dalam beberapa aspek yang dimiliki TLDM seperti bidang hidrografi, oseanografi dan R & D marin. Adalah dijangkakan agar kerjasama ini bukan sahaja dilihat melalui kemudahan yang sedia ada ketika ini malahan ianya berterusan dan ditafsirkan peluang juga terbuka sehingga pengoperasian kapal selam Malaysia yang akan kembali ke tanahair dan juga terhadap rancangan-rancangan pembangunan TLDM yang lain", ucapnya lagi.

Peluang Pendidikan

Pelaburan dalam bidang pendidikan yang



dilakukan oleh TLDM selama ini telah diperakui mendatangkan manfaat yang baik bagi menjamin pengkalan dan peningkatan terhadap tahap profesionalisme dan keberkesanan warganya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan selama ini.

Sejajar dengan itu, TLDM senantiasa memberi keutamaan yang tinggi terhadap pencapaian dan kejayaan akademik warganya. Peluang pendidikan sentiasa terbuka untuk warganya agar memperbaiki pencapaian akademik samada di institusi-institusi pengajian di dalam mahupun di luar negara kerana percambahan ilmu pengetahuan kini dilihat menjadi persaingan utama di peringkat yang lebih tinggi.

Di akhir ucapannya, Mantan Panglima Tentera Laut mengharapkan agar penglibatan mahasiswa dalam program PALAPES ini memberi kesedaran serta peluang bagi mereka untuk merasai cara hidup tentera seterusnya menyahut cabaran terhadap kerjaya ini yang berupaya untuk merangsang minda yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya. **S**

Sistem Bahagian

Oleh: Lt Kdr Ramlah TLDM

PENDAHULUAN

Ramai di antara kita tidak menyedari bahawa Sistem Bahagian yang dipraktikkan di dalam organisasi TLDM dan Tentera Laut negara-negara lain adalah satu sistem yang unik dan universal. Kejayaan dan keberkesanan yang boleh dilihat melalui pelaksanaan Sistem Bahagian ini telah cuba diadaptasi dan dipelajari oleh lain-lain perkhidmatan dan juga pihak awam. Mereka melihatnya sebagai satu kombinasi prinsip-prinsip utama kepimpinan, iaitu layanan yang adil dan sama rata kepada setiap anggota melalui pendekatan pengurusan dengan tujuan untuk menjadikan setiap apa yang dilakukan lebih efisien dan efektif.

Semua pegawai dan anggota di dalam Tentera Laut terlibat secara langsung dengan Sistem Bahagian kerana ianya telah direka bentuk untuk berada di dalam sistem kita sepanjang perkhidmatan. Kita akan diurus dan diselia oleh anggota terkanan dan seorang Pegawai Bahagian akan bertanggungjawab untuk menunjukkan arah, panduan, bantuan, nasihat, disiplin dan memantau setiap perlakuan dan moral. Secara ringkasnya Sistem Bahagian direka bentuk untuk memudahkan dan menentukan keberkesanan pengurusan harian anggota.

Sistem Bahagian dikatakan sebagai satu mekanism utama untuk memastikan kita memperoleh yang terbaik daripada apa yang boleh anggota kita berikan. Sistem Bahagian menyediakan rangka kerja untuk latihan, kebajikan dan bantuan moral terhadap anggota bawahan. Semua anggota yang berpangkat Laskar Kanan dan ke atas mempunyai peranan mereka yang tersendiri di dalam Sistem Bahagian, termasuk menggunakan pendekatan terkini yang digariskan oleh pengurusan tertinggi samada dalam menguruskan anggota bawahan ataupun isu-isu yang berada di bawah kawalan mereka. Selain daripada itu, sistem ini juga merupakan satu platform atau peluang untuk membangunkan profesionalism kepimpinan pegawai-pegawai muda dengan mendedahkan mereka kepada tanggungjawab sebenar dan perhubungan yang baik dengan anggota bawahan. Kepekaan Pegawai Memerintah pula dianggap sebagai satu keperluan asas untuk memastikan keberkesanan rantaian perintah diantara pihak atasan dengan anggota bawahan.

SEJARAH SISTEM BAHAGIAN

Sistem Bahagian yang diguna pakai pada hari ini adalah hasil daripada beberapa proses evolusi yang telah berlaku semenjak abad ke-18 lagi.



Ianya hasil daripada beberapa percubaan untuk membawa *good order and naval discipline and fighting efficiency* untuk mengelakkan berlakunya tindakan yang tidak berdisiplin, engkar perintah dan kejadian yang menjurus kepada pemberontakan yang sentiasa menjadi satu ancaman kepada kapal-kapal yang bersiap sedia untuk melakukan pelayaran.

Dipercayai Sistem Bahagian mula diperkenalkan sekitar tahun 1755 bila mana Vice Admiral Thomas Smith dari Royal Navy telah mengarahkan Pegawai Memerintah kapal-kapal untuk mengagihkan tugas-tugas kepada pegawai-pegawai yang lebih muda mengikut bahagian di mana mereka bertugas. Tujuan utamanya adalah untuk menambah baik tahap disiplin serta perjalanan kapal itu sendiri.

Pada tahun 1779 perubahan yang dilakukan oleh Thomas Smith ini telah diulas dan diperkuatkan lagi oleh Admiral Kempenfelt melalui sepucuk suratnya:

"The only way to keep large bodies of men in order is by dividing and sub dividing them with officers over each to inspect and regulate their conduct, to discipline and form them. Let the ships crew be divided into many Lieutenant, whose care should extend over the whole. The companies to be sub-divided and put under the charge of mates and Midshipmen, and besides this, every 25 men to have a foreman to assist in the care of the men, as a Sergeant or Corporal in the Army."

Berdasarkan keberkesanannya dalam organisasi, sistem ini telah diterima pakai



sepenuhnya dalam tahun 1797. Beberapa perubahan dan penambahbaikan telah dilakukan ke atas Sistem Bahagian ini. Dalam tahun 1969 penemuan yang diperolehi oleh pihak Royal Navy ke atas kajian yang dilaksanakan telah menekankan bahawa Sistem Bahagian adalah terletak di bawah Pegawai Memerintah dan Ketua-Ketua Jabatan yang menjadi sebahagian perkara asas di dalam rantaian perintah untuk pengurusan sesebuah kapal atau unit dan penglibatan bintanga sebagai sebahagian daripada keperluan sistem ini adalah diiktiraf bagi memastikan sistem ini dan penglibatan mereka digunakan sepenuhnya.

PERBINCANGAN

Sistem Bahagian adalah berkaitan dengan tanggungjawab ke atas anggota yang bekerja dalam satu-satu bahagian atau yang telah ditentukan bahagiannya. Tujuan utama Sistem Bahagian adalah untuk menyediakan organisasi pengurusan anggota yang berstruktur untuk:

- Mempraktikkan elemen-elemen kepimpinan.
- Menggalakkan hubungan dua hala yang berkesan.
- Menggalakkan kerja berpasukan dan peningkatan moral anggota.

Sistem Bahagian dikatakan sebagai satu mekanism utama untuk memastikan kita memperoleh yang terbaik daripada apa yang boleh anggota kita berikan. Sistem Bahagian menyediakan rangka kerja untuk latihan, kebajikan dan bantuan moral terhadap anggota bawahan.



- Memenuhi keperluan latihan dan pendidikan profesional.
- Memantau sikap dari segi profesionalism dan standard yang ditetapkan.
- Menggalakkan dan membantu dalam peningkatan kerjaya anggota.
- Menyokong dan membantu anggota dalam menyelesaikan masalah di tempat kerja dan masalah peribadi.
- Memastikan penampilan dan rupa diri anggota seperti mana yang dikehendaki oleh perkhidmatan.

Setiap Pegawai, Bintara dan Laskar Kanan Bahagian perlu memahami bahawa:

- Asas kejayaan sesuatu operasi organisasi samada kapal atau unit-unit adalah datangnya daripada penglibatan anggota di bawah mereka.
- Mengenali dan mengambil berat semua anggota bahagian masing-masing hendaklah dijadikan sebagai satu keutamaan dalam apa-apa sahaja perkara yang berkaitan pengurusan sumber manusia.
- Adalah tidak memadai sekiranya seorang Pegawai, Bintara dan Laskar Bahagian itu menganggap dengan menyiapkan segala tugas berkaitan dengan anggota mereka, dianggap tugas sebagai Pegawai, Bintara dan Laskar Kanan Bahagian telah sempurna tanpa mengambil kira pembangunan diri individu dan galakan dalam kerja berpasukan.
- Kepimpinan adalah asas kepada semua kuasa yang diberi dan diterima.

Seorang Pegawai dan Bintara Bahagian yang baik adalah seorang yang mudah didekati oleh anggota bawahannya, boleh berkomunikasi dan berbincang pelbagai subjek dengan mereka. Mereka mudah dihindari untuk anggota mendapatkan nasihat atas perkara-perkara peribadi, bantuan dan sokongan moral serta galakan dalam aktiviti kerja harian.

Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Bahagian

Tugas utama seseorang Pegawai Bahagian adalah untuk mempamer dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan beliau dan anggota bawahannya, memberi motivasi dan inspirasi kepada semua anggota di dalam bahagian masing-masing. Pegawai Bahagian adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran, kebajikan dan moral serta memastikan pembentukan satu semangat bekerjasama dalam pasukan di samping menilai keberkesanan pasukan terhadap organisasi. Antara peranan utama seorang Pegawai Bahagian adalah:

- Memastikan keberkesanan komunikasi dua hala di dalam bahagiannya.
- Memberi khidmat nasihat kepada anggota yang akan menamatkan perkhidmatan.
- Menggalak dan memberi motivasi kepada anggota bahagiannya.
- Menyediakan jadual yang konsisten untuk memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada anggota bahagiannya berkaitan dengan profesionalism, kerjaya dan hal-hal peribadi.

- Menyediakan khidmat nasihat dari segi keperluan bantuan dari pihak organisasi atau unit.
- Menyelenggara dan mengemaskini rekod-rekod bahagian dan perkhidmatan anggota.
- Melaksanakan mesyuarat bahagian secara regular.

Tugas dan Tanggungjawab Bintara Bahagian

Seorang anggota terkanan yang bersesuaian perlu dilantik dan dipertanggungjawabkan sebagai Bintara Bahagian kepada anggota-anggota lain. Walau bagaimanapun semua bintara yang lain turut bertanggungjawab terhadap anggota bawahan dalam bahagian mereka.

Anggota terkanan mempunyai tugas terhadap anggota bawahan mereka seperti dari segi rupa cara dan juga galakan terhadap pembangunan kerjaya atau profesionalism mereka. Anggota terkanan juga perlu mempamerkan asas kepada



pembentukan pasukan yang baik melalui sifat dan ciri kepimpinan mereka, memberi motivasi serta inspirasi kepada anggota bawahan.

Sebagai anggota terkanan seseorang Bintara Bahagian perlu:

- Membangun dan menggalakkan komunikasi dua hala.
- Menyediakan latihan sambil kerja kepada anggota yang memerlukan dan memantau kemajuan kecekapan mereka.
- Memastikan standard pakaian dan disiplin sentiasa dititikberatkan.
- Berhubung dengan Pegawai Bahagian perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan kerjaya anggota.
- Menyediakan bantuan kepada anggota berhubung dengan hal-hal profesionalism dan peribadi.
- Memberi khidmat nasihat kepada anggota yang akan meninggalkan perkhidmatan.

Tugas dan Tanggungjawab Laskar Kanan Bahagian

Laskar Kanan Bahagian adalah dianggap sebagai penyelia di baris pertama di dalam organisasi rantaian pemerintahan dan mereka mempunyai peranan di dalam memastikan disiplin dan arahan yang sedia ada sentiasa dipatuhi.

Laskar Kanan Bahagian juga memainkan peranan yang penting sebagai model terhadap anggota bawahan yang lain. Mereka perlu mengekalkan dan menunjukkan contoh yang baik dalam setiap perlakuan. Mereka perlu mengelakkan daripada membuat sebarang kritikan terhadap sikap dan arahan pihak terkanan atau pegawai atasan, yang mana akan disalahertikan serta boleh menyebabkan kepada pelanggaran disiplin atau arahan.

Seorang Laskar Kanan Bahagian perlu:

- Memastikan diri mereka sentiasa dimaklumkan sebarang rasa tidak puas hati atau aduan anggota bawahannya.
- Membantu dan menggalakkan aktiviti yang positif agar anggota bawahan tidak terlibat dengan kelakuan yang tidak boleh diterima oleh perkhidmatan.
- Membantu anggota-anggota yang sedang menjalani latihan sambil kerja.

PENUTUP

Kegagalan dalam melaksanakan Sistem Bahagian akan membawa bencana kepada organisasi seperti yang pernah terjadi terhadap Tentera Laut DiRaja Kanada pada tahun 1949, di mana tiga kejadian "pemberontakan" yang berturutan telah berlaku dan faktor pertama yang dikenal pasti sebagai punca kejadian berkenaan adalah kerana keruntuhan Sistem Bahagian sebagai satu cara pengurusan anggota.

Untuk itu Pegawai, Bintara dan Laskar Kanan Bahagian perlu menyedari bahawa mereka mempunyai

tanggungjawab yang besar dalam memastikan perjalanan Sistem Bahagian berada di landasan yang betul. Sebagai Pegawai Bahagian pula, input atau maklumat yang diterima daripada Bintara dan Laskar Kanan Bahagian perlu digunakan sepenuhnya untuk menambah baik kecekapan pengurusan sedia ada. Malah Bintara Bahagian perlu diberi lebih kepercayaan terutama dalam pengagihan kuasa kepada mereka supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab yang disediakan dengan lebih penuh berkeyakinan dan dapat mempamerkan kredibiliti dan potensi kepimpinan sebenar mereka.

Sungguhpun semua aspek kehidupan anggota TLDM berkisar kepada laut dan darat yang berbeza dengan keperluan profesionalism bidang lain, apa yang pasti setiap daripada kita semua harus memahami dan menggunakan Sistem Bahagian sebagai sebagai satu asas ke arah pembentukan ciri-ciri kepimpinan, pengurusan dan urus tadbir yang baik. Kejayaan seseorang anggota juga memberi impak kepada kemampuan Pegawai, Bintara dan Laskar Kanan bahagiannya samada seorang pemimpin dan pengurus yang baik atau sebaliknya. Kita semua harus menyedari dan memahami bahawa Sistem Bahagian adalah satu sistem yang dapat meningkatkan keberkesanan kepimpinan, semangat berpasukan dan profesionalism yang akan menyumbang kepada kejayaan TLDM. **S**

KD TUNKU ABDUL RAHMAN

PERMODENAN ASET TLDM

Oleh: **Lt Dya Siti Salina Johari PSSTLDM**

Foto: **BK KNA Amir Hamzah Ismail**

Kapal selam pertama Negara milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) secara rasminya dinamakan Kapal Diraja Tunku Abdul Rahman bagi mengenang jasa dan sumbangan Perdana Menteri Malaysia yang pertama yang juga merupakan Bapa Kemerdekaan.

Tanggal 23 Oktober 2007 merupakan hari yang penuh sejarah bagi TLDM dan ATM khususnya dan negara amnya apabila upacara penamaan kapal selam disempurnakan oleh Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri kepada YAB Timbalan Perdana Menteri bertempat di Limbungan DCN Shipyard International (DCNS) dengan melepaskan botol kristal yang mengandungi air Yasin pada bahagian hadapan kapal selam tersebut sejurus ucapan pelancaran dan lagu Negaraku dimainkan.

Kemudian, lampu limpahan dihalakan ke arah nama TUNKU ABDUL RAHMAN yang terletak di sisi kapal tersebut.

Ketika lagu Negara Ku berkumandang, perasaan patriotik segera menyelinap dalam diri setiap warga Malaysia yang menghadiri upacara tersebut apatah lagi apabila melihat Jalur Gemilang berkibar dengan megahnya.

Tiada kata-kata yang boleh diucapkan selain dari perasaan bangga dan terpancar kegembiraan pada wajah pelatih-pelatih kapal selam di Cherbourg tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Semangat berpasukan menjadi nadi utama dan slogan 'Sedia Berkorban' sentiasa tersemat disanubari mereka demi bangsa, agama dan negara.

Pelancaran dan penamaan ini mempunyai simboliknya tersendiri kerana mengikut tradisi dan sejarah sejak dahulu lagi, angkatan laut yang pernah berada di bawah jajahan Britain menetapkan bahawa pelancaran bagi sesebuah kapal hanya dilakukan oleh kaum hawa.



Dengan adanya pertambahan aset termoden ini, TLDM berpeluang menimba pengalaman yang luas dalam bidang penyelidikan dan pembangunan kapal selam apatah lagi teknologi yang digunakan adalah yang terkini di dunia.

Pembelian kedua-dua buah kapal selam yang dikelaskan sebagai Kelas Perdana Menteri itu dijangka tiba pada tahun 2009 dan 2010.

Usaha melatih pelatih kapal selam dalam mengendalikan aplikasi taktikal kapal tersebut sedang giat dijalankan dan dipertingkatkan dari masa ke masa.

Kehadiran kapal selam ini merupakan era baru kepada negara amnya dan TLDM khususnya dalam konteks untuk mempertahankan kedaulatan negara malah menjamin keselamatan serantau terutama di perairan Selat Melaka.

Negara terpaksa melalui perjalanan yang

panjang sebelum dapat menyaksikan kehadiran kapal selam tersebut yang merupakan aset negara paling strategik hari ini, malah kewujudannya amat bermakna kepada negara yang baru sahaja menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50.

Pertambahan aset TLDM ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan bagi memodenkan ATM yang mampu menyumbang ke arah menghasilkan kemampuan yang seimbang dalam pasukan angkatan tentera. **S**



“Perolehan kapal selam kelas Perdana Menteri ini bakal menjadi aset strategik negara.”



PELAYARAN PUTERA MTD BERSAMA KD KEDAH Cetus minat terhadap TLDM

Oleh: Lt Dya Mohd Hanif bin Husain TLDM
Foto: Lt Dya Mohd Hafiz bin Atan TLDM

Putera-putera dari Maktab Tentera DiRaja (MTD) telah diberi kesempatan belayar bersama kapal peronda generasi baru KD KEDAH dari Pangkalan TLDM Kota Kinabalu ke Labuan untuk mendapatkan pendedahan mengenai aktiviti-aktiviti operasi di laut. Pelayaran sulung anak-anak muda ini yang memakan masa 6 jam telah dipenuhi dengan pelbagai kegiatan sebagai seorang pelaut.

Ketibaan rombongan telah disambut mesra oleh Pegawai Memerintah Komander Chan Peng Cheong TLDM yang juga merupakan bekas putera MTD. Rombongan seramai 53 orang diketuai oleh Lt Kol Adam bin Ambrose selaku Timbalan Komandan dan diiringi oleh Ketua Jurulatih Mej Mohammed

Feizol Anuar telah menyertai pelayaran ini setelah selesai Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu. Kapal telah belayar dengan kelajuan optimum untuk menonjolkan keupayaan kapal peronda terbaru TLDM membelah samudera. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah taklimat pentadbiran dan keselamatan, persediaan menghadapi ancaman musuh dalam keadaan stesen bertindak, penerangan stesen kecemasan dan rakit penyelamat serta pergerakan kapal semasa manuvera taktis.

Kesempatan menyaksikan stesen bertindak pastinya memberikan pendedahan mengenai kesiapsiagaan TLDM menghadapi ancaman ditambah pula dengan penembakan meriam utama Oto Melara 76 mm sebagai tontonan khas kepada anak-anak muda ini. Mereka turut diberikan peluang melakukan penembakan *heavy machine gun* di laut dalam keadaan platform yang bergerak dan

sudah pasti pengalaman yang baru buat para Putera memandangkan sebelum ini mereka hanya melakukan penembakan statik di darat sahaja.

Antara objektif pelayaran ini adalah sebagai pendedahan kepada generasi muda ini mengenai organisasi TLDM dengan gambaran yang lebih jelas lantas memupuk minat para putera untuk menyertai pasukan Tentera Laut DiRaja Malaysia. Menjelang mentari petang menyinari Pulau Labuan, KD KEDAH merapat di Pelabuhan Victoria Labuan untuk menurunkan rombongan ini. Sebagai tanda penghargaan kepada krew kapal KD KEDAH, para Putera telah mempersembahkan Tarian Hakka iaitu tarian kebanggaan Putera dan nyanyian lagu Setia Putera sebelum mereka melangkah kaki meninggalkan kapal dengan sejuta kenangan dan ilmu pengetahuan. **S**

EDISI
2007

Semakin Panas!



BONANZA KASUMA

Dengan Hadiah-Hadiah Yang Lebih Mengancam

RM 1,000,000



8 Satria NEO
(2 Buah setiap cabutan)

12 Yamaha NOUVO S
(3 Buah setiap cabutan)



20 TV Warna 34"
(5 Buah setiap cabutan)



40 Peti Sejuk 2 Pintu
(10 Buah setiap cabutan)



40 TV Warna 21"
(10 Buah setiap cabutan)



80 Mesin Basuh 8kg
(20 Buah setiap cabutan)

Cabutan 4 Kali Setahun!

Berbelanja dengan bijak di PERNAMA sekarang juga dengan Skim KASUMA kerana kami tahu apa yang anda inginkan!

PERNAMA
Sama bersama anda

www.pernama.com



Datin Sarah Tun Abdul Ghafar

Pengerusi Jemaah Tertinggi Bakat Laut

Oleh : Lt Dya Siti Salina Johari PSSTLDM
Foto : BK KNA Amir Hamzah Ismail

Satu majlis ringkas penyerahan jawatan sebagai Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Amal Kebajikan Angkatan Tentera atau lebih dikenali sebagai BAKAT Laut telah diadakan pada 1 April 2008 bertempat di Bilik Mesyuarat Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan. Majlis menandatangani dan penyerahan sijil serah terima jawatan ini adalah di antara Puan Sri Noor Asmah bt Shariman dan penggantinya, Datin Sarah bte Tun Abdul Ghafar.

Sewaktu menyampaikan ucapannya yang terakhir sebagai Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut) sebelum ini, Puan Sri Noor Asmah mengharapkan agar semua ahlinya di peringkat akar umbi dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu secara berterusan kepada organisasi BAKAT Laut di bawah pucuk pimpinan yang baru.

"Organisasi BAKAT (Laut) harus mengorak langkah yang lebih efektif dalam mengharungi era globalisasi hari ini.

Walau dalam apa jua keadaan sekalipun, kebajikan bagi para isteri pegawai dan anggota serta keluarga angkatan tentera terutama mereka yang benar-benar memerlukan perlu dititik beratkan dan pelaksanaan aktiviti yang lain harus diteruskan dari semasa ke semasa untuk kesejahteraan bersama.

Seperti bak kata pepatah, yang berat



sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing, seperti aur dengan tebing saling memerlukan antara satu sama lain", katanya mengakhiri ucapan dan bakal mengikuti suaminya, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali yang bersara dari perkhidmatan.

Bekas Pengerusi Jemaah Tertinggi ini juga menyatakan keyakinan beliau terhadap pucuk pimpinan baru, Datin Sarah bte Tun Abdul Ghafar yang sememangnya bergiat aktif serta mempunyai pengetahuan yang luas mengenai peranan BAKAT (Laut) baik di peringkat Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mahupun di peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya.

Meskipun tidak menyatakan secara lisan, sebagai Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT (Laut) yang baru atau lebih sesuai digelar Ibu BAKAT, beliau tetap akan meneruskan objektif utama badan ini untuk memberi khidmat amal kebajikan secara berterusan kepada mereka

yang amat memerlukan khususnya para isteri dan keluarga angkatan tentera.

Ini juga selari dengan moto yang dipegang oleh BAKAT iaitu 'BERSAMA BERBAKTI'.

BAKAT (Laut) akan sentiasa bersatu dalam melaksanakan objektif yang telah digariskan demi menjaga kebajikan dan moral para isteri warga TLDM.

Aktiviti BAKAT tidak hanya terhad kepada aspek kebajikan malahan pelbagai aktiviti lain tetap dilaksanakan untuk merapatkan hubungan silaturahim di antara ahli-ahlinya meliputi aktiviti keagamaan, seni krafangan dan kebudayaan.

Jelasnya, aktiviti kemasyarakatan seperti yang dilaksanakan selama ini banyak mendatangkan kebaikan seperti mengisi waktu terluang bagi para isteri tatkala berjauhan dengan suami apabila mereka ditugaskan mengikuti kursus di luar Negara mahupun yang sedang mengikuti pelayaran demi menjaga keselamatan perairan Negara.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan bacaan doa selamat serta diikuti dengan Majlis Makan Tengahari di Hotel Crown Princess.

Turut hadir ialah Datin Sabariah bt Abd Hamid, isteri Timbalan Panglima Tentera Laut merangkap Timbalan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut serta isteri-isteri Pegawai Kanan TLDM yang lain. **S**



Me reached Cape Town.

7 Days at Sea...

It is already the 8th day of our journey from Port Klang to Cape Town. I would like to say that today is one of the most beautiful gifts from God. It is now 1020D, which is 1420H at home. The sun shines brightly. The sea water is dark blue in colour, for the last 3 days were all grey in colour. It has been days for us to unable to see the bright glorious sun. The whole deck was showered from the pouring rain and sea water. I pity at the duty lookout for standing on duty for hours under the cold winds, which temperatures 23°C at the max and 18°C minimum. Sometimes the wind reaches more than 120 knots. I guess this is what it means by "Sedia Berkorban". Those who on duty as life-bouy sentry were secured at the wind tunnel for shelter. With state 4 roaring sea, the ship was shaken side way. It was dangerous to stay on deck. Those movable things could easily move at that time. Imagine, the triple-deck-bed in the midshipmen's dorm were just moved due to a great shake few nights ago.

Our huge mama left Port Klang at 1400H at 12th July 2007. As the GO ordered the crew to single-up-all-line, the adventure began. We were so excited and did everything with full strength. Oh man, this is my first time sailing to overseas. It is a golden dream for all the seamen to discover places that they have not been to. Now that she is heading to the other coast. This will be indescribable experience for all of us. The water of Malacca Straits was calm, stating clear mirror to maximum state 2 and a lot of fishing boat were sighted.

Went across gigantic swell

It took 2 days for us to alter our course to the Andaman Sea. The sea was covered by India, Thailand and Sumatera. The depth of the water was around 200 metres. I could see a few fishing boats along the island of Sumatera. The sea state became worst when the ship left the Andaman Sea. If you ever look at the chart, within 2-3 Nm, the depth of the water reached from 200 metres to 4000 metres. It was at the sea state of five. Many were sea-sick and most of them were vomited. Many were headache and weak physically. They were uninspired and need motivation, and also good food.

Fighting the Agulhas Current

It was cool and amazing that the seamen of the golden ages were able to take sights for navigation and successfully navigate the ship from coast to coast. The deck was shaken from the side to side. We could not even stand still on the deck, what more taking altitude of the stars holding the sextant. However, with full determination, it is always in me that if Admiral Zhang He and Christopher Columbus could discover Africa and America without using GPS, only by taking

the sights for navigation, why can't I? So far overcasted sights were more than good sights. Every morning, our training officer will ask us whether all of us went to do the sighting. Not all of us, only a few went at the first few days. After some actions being taken, all of us went up all the time.

Besides taking morning and evening sights, eating and sleeping, our routine includes closing-up on duty. 30 of us were divided into 3 watch system, covering 5 departments, which were Duty Bridge, lookout, life-bouy sentry, duty MCR and engine room watch keeper. There was time when some of us were caught of not closing up on duty. Due to this irresponsible act, we were taught to change our attitude.

Before crossing Indian Ocean, we passed the equator. It was just 5 days ago. We were taking evening sight at that time. Congratulations to the captain, officers and the ship crew for successfully crossed the heavenly made line. We deserved to earn a certificate with the signature of Davy Jones and King Neptune. Some had waited for so long to achieve the certificate but for me, I am just a 1 year old Navy.

The 1st Route

I am now sitting on the flag deck. We are doing correction of index error on our sextant. It is nice to see the sun after hidden above the clouds for so long. Sometimes I just feel lucky that everything just turned up beautifully. I guess the intention of God creating people is to make him happy and enjoy all the created things. Most of the crew had already immune to the roaring sea. With the sense of confidence, I think the next 2600Nm will not be hard for us in reaching the destiny.

1045D
19TH JULY 2007
MIDDLE OF INDIAN OCEAN

Biadata Penulis

Nama: **Hui Juin Hung**

Pangkat: **Pegawai Kadet Kanan**

Tarikh Lahir: **12 November 1985**

Kelulusan Akademik: **Diploma in Business Studies (Marketing) at Tunku Abdul Rahman College**



PENYALURAN BANTUAN KD HANG TUAH berbudi di Pulau Tioman



Oleh: PR MAWILLA 1

Keadaan angin di laut yang kencang selaju 40 – 50 knot dan ombak setinggi 3.0 – 3.5 meter menyebabkan perhubungan melalui laut ke Pulau Tioman terputus selama beberapa hari. Kapal KD HANG TUAH yang berpangkalan di Pangkalan TLDM Tanjung Gelang, Kuantan telah ditugaskan untuk membawa bantuan makanan ke Pulau Tioman memandangkan cuaca yang buruk tidak mengizinkan penyaluran bantuan melalui udara. Penghantaran bantuan telah dilakukan pada 21 dan 22 Disember 2007.

Walaupun penghantaran pertama jatuh pada Hari Raya Aidiladha, warga kapal tetap komited dan bersemangat melaksanakan tugas masing-masing. Bantuan barang-barang keperluan yang akan diagihkan adalah jenis barang makanan dan keperluan harian yang dianggarkan sebanyak 10 ton pada penghantaran kali pertama dan 12 ton pada kali kedua ini telah sampai kepada penduduk di pulau tersebut pada keesokan harinya bagi setiap pelayaran.

Penglibatan Markas Wilayah Laut 1 di dalam Ops Banjir 07 telah bermula

semenjak operasi ini diaktifkan pada 7 Disember 2007. Antara operasi yang melibatkan TLDM diantaranya ialah penugasan Bot CB 90 untuk tujuan menyalurkan bantuan makanan dan peralatan kepada mangsa-mangsa banjir ke Daerah Pekan dan penugasan 1 Tim EOD (*Explosive Ordnance Disposal*) untuk meletupkan muara Sungai Pahang.

Pada kali ini, KD HANG TUAH yang merupakan kapal jenis Frigate latihan di bawah pemerintahan Komander Ee (Yee) Tai Peng TLDM bersama 161 anak-anak kapal telah ditugaskan untuk melaksanakan operasi ini. **S**



ALAF BARU

Warga TLDM perlu kuasai ICT

Oleh: **Lt Dya Siti Sallina Johari PSSTLDM**
Foto: **LK PWP Mohd Nordin Kassim**

Era permodenan yang canggih dan berteknologi tinggi kini semakin berkembang pesat sejajar dengan penaklukan ilmu di serata pelusuk dunia. Menyedari hakikat ini, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa bersedia dalam melakukan pembaharuan dari semasa ke semasa.

Sebagai langkah awal dalam menghadapi tahun 2008, sebuah pusat multimedia yang lebih dikenali sebagai Pusat Multimedia Rumah Keluarga TLDM (RKTLDLM) Menara Sri Pulai secara rasminya disempurnakan oleh Mantan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali.

Kejayaan penubuhan Pusat Multimedia ini adalah di atas gabungan usaha dan inisiatif ahli – ahli Kelab Bintara TLDM. Mereka ini terdiri daripada bintara-bintara TLDM yang bertugas di Markas Tentera Laut.

Pengukuran terhadap pencapaian kejayaan ini bukanlah terletak di bahu mereka semata-mata tetapi sokongan padu dari semua pihak perlu agar generasi muda kini bukan sahaja lebih berdaya saing malah turut celik dalam bidang teknologi pengkomputeran.

"Pusat Multimedia ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada anggota serta keluarga TLDM mempelajari dan menggunakan kemudahan multimedia dan melayari internet. Kewujudan Pusat Multimedia ini juga secara tidak langsung

akan dapat meningkatkan taraf pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan seterusnya diharapkan dapat melahirkan warga TLDM yang celik IT.

The Navy People perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi semasa agar potensi dan kecanggihan teknologi perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Penggunaan komputer dalam kerja harian dan pembelajaran adalah merupakan langkah ke arah mewujudkan masyarakat berteknologi selaras dengan hasrat Wawasan 2020," jelas Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali.

Multimedia juga merupakan antara teknologi bermaklumat terkini yang membenarkan integrasi dan manipulasi teks, audio, video, grafik dan animasi. Pembelajaran berasaskan komputer ini merupakan satu teknik pendedahan dan pemahaman yang mampu menarik minat generasi muda disamping membantu para pelayar internet memahami sesuatu subjek dan konsep dengan cepat, mudah dan mesra pengguna.

Internet pula telah diperkenalkan pada era 70an dan kini ianya menjadi satu rangkaian besar di peringkat antarabangsa. Sehingga tahun 1997, terdapat sejumlah 459 juta pelayar internet di Asia yang mewakili 37% dari pelayar internet di seluruh dunia. Dalam rangkaian internet, terdapat berbagai jenis sumber yang berjuta-juta bilangannya. Sumber ini termasuklah artikel, majalah, perisian komputer, gambar, kertas persidangan dan sebagainya.

"Menyedari potensi dan keupayaan internet sebagai wadah komunikasi dan interaksi elektronik yang berkesan, maka TLDM telah mengambil

langkah untuk mewujudkan Pusat Multimedia yang menyediakan perkhidmatan internet dengan kadar pembayaran serendah RM1 setiap jam untuk kegunaan anggota dan keluarga TLDM.

Pusat Multimedia ini, bukan sahaja bertindak sebagai tempat melayari internet, malahan ianya nanti dapat dijadikan sebagai satu lokasi bagi menimba, berdiskusi perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu.

Janganlah kemudahan yang ada ini disalahgunakan dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti melayari laman web lucah sehingga boleh membawa kemudaratan kepada organisasi dan juga individu. Di sini ibu bapa dan penjaga memainkan peranan yang sangat penting dan bertanggungjawab mengawasi aktiviti anak-anak semasa menggunakan kemudahan ini," jelasnya lagi.

Oleh itu, *the Navy People* hendaklah merebut peluang yang ada dalam era perkembangan teknologi dan perkongsian ilmu tanpa sempadan ini.

Kemudahan yang ada digunakan secara bijaksana agar objektif penubuhan Pusat Multimedia ini terlaksana dan senantias memberi kesejahteraan dan manfaat kepada seluruh warganya. Kemudahan ini bukan sahaja untuk *the Navy People* malah ianya turut dibuka kepada seisi keluarga.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar dan Pegawai-pegawai Kanan TLDM. **S**

BAKES Kumpulan Seni Tari Semakin dikenali

Oleh: **Abey PR FOC RMN**
Foto: **LK 1 PBK Azrul/LK Nordin**

Penglibatan mereka sering disalah erti. Banyak pihak menganggap kemunculan mereka sebagai 'asal ada' sahaja. Tanggapan itu kini boleh dilempar jauh-jauh. Lihat sahaja aksi mereka di atas pentas. Siapa sangka mereka sehebat itu?

Kumpulan Seni Tari Badan Kesenian (BAKES) TLDM kini boleh berbangga dengan populariti yang dikecapi kini setelah mengharung pelbagai pahit getir untuk menginjak ke tahap sekarang.

Membuktikan mereka setanding kumpulan penari yang popular di luar sana, persembahan kumpulan ini sering mendapat pujian di majlis-majlis keramaian jabatan, kementerian malah yang membabitkan tetamu Diraja. Antara pembabitkan yang boleh dibanggakan termasuklah di majlis Sembah Mengadap SPB Raja Permaisuri Agong, Perasmian Janakuasa TNB oleh DYMM Sultan Perak, lawatan TYT Sabah, Kunjungan Diraja Sultan dan Raja Perempuan Kelantan, Lawatan DYMM Sultan Selangor, LIMA Langkawi 07, Festival Seni Tari Malaysia, Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang Mantan Panglima Tentera Laut dan banyak lagi.

Menurut Pengurus Kumpulan Seni Tari, Lt Dya Muwazir Mansor TLDM, kumpulan yang terdiri daripada 14 wanita dan 10 lelaki ini merupakan anggota TLDM yang

berpangkalan di Lumut.

"Mereka terdiri daripada pelbagai cawangan dari unit-unit di kawasan Lumut," katanya.

Muwazir bertanggungjawab meletakkan kumpulan ini ke tengah geai untuk merebut perhatian umum. Beliau yang begitu bekerja keras bagi memastikan kumpulan itu benar-benar 'hidup', yakin bahawa kumpulan itu mampu menjadi aset berharga bagi TLDM.

Beliau menjelaskan bahawa banyak perancangan sedang dirancang bagi meningkatkan reputasi kumpulannya.

"Kami sentiasa mencari kelainan dalam setiap persembahan supaya menjadi satu badan kesenian yang disegani khususnya kepada ATM, seiring Badan Kesenian Tentera Darat.

"Buat masa ini kami dalam proses penggabungan dengan Kombo Gelombang Biru bagi memantapkan lagi persembahan dan memudahkan pentadbiran," ujarnya lagi.

Menurut Muwazir, kalau dulu mereka bergerak sendiri, kini kumpulan itu kerap mengiringi Kombo Gelombang Biru apabila terlibat dalam majlis yang sama.

"Saya lihat mereka mampu memberi persembahan secara *live* mengiringi Kombo

Gelombang Biru," katanya.

Selain itu katanya, beliau sedang berusaha untuk mendapatkan perjawatan tetap bagi kumpulan itu sebagai artis budaya badan kesenian TLDM.

"Ini kerana saya lihat persembahan mereka semakin berkualiti dan positif ke arah profesional," ujar Muwazir.

Menurutnya, sebagai anggota TLDM, anggota kumpulan itu tidak dapat lari dari tugas teras. Walau bagaimanapun, tugas tersebut terpaksa diketepikan apabila mereka terpaksa menumpukan perhatian kepada persembahan.

"Sekiranya mereka terikat dengan tugas teras, ini boleh membantutkan latihan dan menjejaskan persembahan," katanya lagi.

Menceritakan cabaran yang terpaksa dihadapi, beliau sebenarnya bermasalah untuk mengumpulkan penggiat seni tari di kalangan anggota tentera.

"Sebenarnya ramai yang berminat tetapi mereka hilang keyakinan dengan pandangan serong masyarakat apabila anggota tentera terlibat dengan bidang seni seumpama ini," katanya.

"Mereka harus faham, bidang ini juga merupakan salah satu daripada cabang tugas," tegas beliau. **S**

Pelayar Malaysia

Dapat Pengiktirafan Dunia

Personaliti kali ini amat istimewa orangnya. Seorang Pegawai TLDM yang mengharumkan nama Malaysia dan TLDM di mata dunia setelah berjaya menamatkan perlumbaan Tall Ship Race 2007 (TSR 2007), perlumbaan kapal layar bertaraf dunia yang di adakan di Szczecin, Poland pada Julai 2007. KLD TUNAS SAMUDERA telah menerima 2 anugerah iaitu *Sailor Arriving From Afar* di Poland dan *Best New Comer* di England yang memperlihatkan Persatuan Tall Ship dunia mengiktiraf penyertaan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kept Rusli bin Idrus TLDM bersama 43 orang krew telah belayar bersama KLD TUNAS SAMUDERA untuk menyahut cabaran perlumbaan TSR 2007 di Laut Baltic. Menceritakan pengalaman manis yang diperolehi sepanjang perlumbaan, Kept Rusli menerangkan peluang menyertai perlumbaan ini telah menjadi pengalaman manis kepada beliau. Di samping itu 2 pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh beliau ialah diberi penghormatan untuk memeriksa Kawalan Diraja (*Royal's Guard*) di Sweden. Beliau berasa amat bangga kerana sebagai anak Malaysia dan pegawai TLDM kerana tidak semua kapal yang berlabuh di sana diberi peluang sedemikian. Pengalaman manis kedua ialah diberi penghormatan untuk memberi ucapan semasa *The Captain's Dinner* di Szczecin, Poland dan ditempatkan di meja tetamu utama bersama Tetamu Kenamaan dan juga Perdana Menteri Poland. Beliau telah dipilih dari 115 buah kapal layar yang menyertai perlumbaan untuk memberi ucapan dalam majlis tersebut. Pemilihan ini adalah sesuatu yang amat dibanggakan bukan sahaja kepada TLDM tetapi juga kepada negara.

Menceritakan pengalaman paling mencabar

yang ditempo oleh beliau dan krew kapal ialah ketika pelayaran dari Cartagena ke Brest melalui Lautan Atlantik di mana mereka terpaksa menghadapi laut bergelora dengan ombak setinggi 6 - 7 meter. Menurut Kept Rusli, ombak setinggi 2 meter sudah merbahaya kepada kapal kecil apatah lagi ombak setinggi 6 hingga 7 meter. Ketika itu kapal sedang belayar 20 nm dari barat Portugal. Bagi mengharungi ombak besar itu, kapal telah belayar menukar haluan dan belayar ke tengah laut melebihi 70 nm. Keadaan ini telah berlangsung selama 7 hari 7 malam.

Semua krew termasuk Pegawai Anjungan kelihatan gerun dengan keadaan ombak besar yang tidak pernah dilihat oleh mereka. Keadaan yang berlarutan sehingga 7 hari ini membuatkan semua krew hampir berputus asa. Namun, sebagai Pegawai Memerintah, kata peransang yang berterusan diberikan kepada krew kapal sehinggalah mereka berjaya menghadapi tempoh yang mencabar itu.

Sebagai Pegawai Memerintah, Kept Rusli memikul tugas yang amat berat. Di samping memerlukan pengetahuan dan pengalaman dalam menakluki kapal layar, beliau juga memikul tugas untuk memastikan keselamatan krew seramai lebih 40 orang.

"Dalam perkara ini, saya melihat *leadership had been test*. Apabila menghadapi saat yang getir dan mencabar, pengetahuan dan pengalaman merupakan satu keperluan di mana kita perlu membuat keputusan yang tepat untuk memastikan objektif tugas dapat dicapai di samping memastikan keselamatan semua krew".

"Saya pernah menjadi jurulatih di Fakulti Pegawai dan mengajar tentang kepimpinan. Setelah mengharungi cabaran perlumbaan ini, saya amat berkeyakinan pegawai TLDM yang lain juga mampu melakukan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kerana kita diajar *what it takes to be a leader*".

Menurut Kept Rusli, diperhatikan ilmu pelayaran kita adalah setanding dengan orang Eropah. Mungkin disebabkan kurang peluang untuk menyertai perlumbaan dan pelayaran, kita sentiasa berasa ketinggalan dan rendah diri.

"Sebagai rakyat Malaysia yang berpeluang menyertai perlumbaan TSR 2007, saya merasakan keupayaan kita adalah setanding dengan negara Eropah. Ini telah dibuktikan oleh TLDM dalam TSR 2007".

"Slogan '**Malaysia Boleh**' amat bertepatan kerana kita mampu lakukan apa yang kita hasratkan, cuma kita perlu perancangan yang teliti dan latihan yang mencukupi".

Kept Rusli juga menyatakan rancangan Malaysia untuk mengadakan Langkawi *Tall Ship Races* (LTSR) 2009 adalah sangat sesuai kerana sehingga kini, belum ada negara di Asia yang pernah untuk menganjurkan perlumbaan ini. Beliau sangat yakin Malaysia mampu menganjurkannya dengan berjaya. Pengalaman dalam penganjuran *Monsoon Cup* sudah mencukupi untuk membolehkan Malaysia menganjurkan LTSR 2009. Bagaimanapun, perancangan yang teliti amat perlu seperti mencari masa yang sesuai kerana pertandingan ini memerlukan keadaan angin yang bertiup kencang. Sehubungan itu, masa



Royala Guard bersedia untuk diperiksa oleh Kept Rusli

yang sesuai perlu dipilih agar pertandingan yang dijalankan berjalan lancar dan berjaya.

Ditanya pendapat beliau tentang keupayaan Malaysia untuk mengadakan LTSR2009 sedangkan Malaysia dikategorikan sebagai masih baru dalam perlumbaan, beliau mengatakan penganjuran dan menyertai perlumbaan adalah 2 perkara yang berbeza.

"Kita tidak akan tahu keupayaan kita sekiranya kita tidak mencuba untuk melakukannya".

Sail Training International (STI) dan American Sail Training Association (ASTA), iaitu pihak penganjur TSR 2007 yang dianggotai oleh sukarela juga telah memberikan persetujuan untuk membantu Malaysia menganjurkan perlumbaan. Beliau yakin Malaysia mampu menganjurkan pertandingan ini dengan berjaya sekiranya mendapat sokongan padu dari kerajaan dan bantuan dari STI dan ASTA. Penganjuran sukan ini akan menjulang nama Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi.

Di samping mengharumkan nama negara, tujuan menyertai perlumbaan ini ialah untuk memupuk golongan muda negara menceburi bidang maritim sesuai dengan keadaan geografi negara yang dikelilingi dengan laut. Bagaimanapun menurut Kept Rusli, beliau agak terkejut apabila dimaklumkan oleh STI bahawa kajian mengenai sambutan yang diperolehi untuk TSR 2007 menunjukkan lebih sejuta kali laman web STI di masuki oleh rakyat negara ini. Ini menunjukkan rakyat Malaysia mempunyai minat mendalam tentang sukan kapal layar dan sentiasa mengikuti perkembangan perlumbaan ini.

Kept Rusli juga merupakan warga perintis

Kapal KLD TUNAS SAMUDERA yang mana telah mengikuti latihan pengendalian kapal layar selama 3 bulan setengah di England dan juga Australia sebelum KLD TUNAS SAMUDERA diperolehi oleh TLDM. Beliau pernah belayar bersama Kapal layar MALCOLM MILLER di North Sea, England dan ENDEAVOR di Australia.

Ditanya tentang sokongan diterima untuk menghadapi perlumbaan, Kept Rusli berkata, "Sebagai pegawai tentera, kita telah menyatakan kesediaan berkhidmat di mana sahaja yang di arahkan oleh SPB YDP Agong. Persoalan tentang pengorbanan dan sokongan tidak lagi timbul kerana ini merupakan tugas yang diarahkan dan sebagai Pegawai Tentera Laut, menjadi kewajipan saya melaksanakan tugas yang di beri dengan a n berjaya".

"Saya telah meninggalkan isteri dan keluarga selama lebih kurang 7 bulan untuk menyertai perlumbaan ini. Sepanjang ketiadaan saya, isteri saya telah memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Saya amat bersyukur kerana isteri sangat memahami kerjaya Pegawai TLDM dan beliau seorang yang berdikari. Isteri dan keluarga juga



Kept Rusli memeriksa berbanding Royala Guard

sentiasa mengikuti perkembangan perlumbaan ini melalui laman web. Perkara ini bukan hanya berlaku kepada saya tetapi kepada semua krew kapal. Di samping itu, kami juga berkomunikasi melalui telefon dan internet apabila tiba di pelabuhan. Ini sedikit sebanyak dapat mengubat rindu kepada keluarga yang lama ditinggalkan. S

BIODATA

Nama: **Rusli bin Idrus**
 Pangkat: **Kepten TLDM**
 Asal: **Kuala Pilah, Negeri Sembilan**
 Tarikh Lahir: **11 Ogos 1954**
 Tarikh memasuki perkhidmatan: **7 Jun 1976**
 Jawatan: **Pengarah Simpanan, Mk Tentera Laut**
 Jawatan yang pernah disandang:
Pegawai Jurulatih Sekolah Pegawai
Pegawai Projek 2 Kapal Layar
Pegawai Laksana KD Kasturi
Pegawai Laksana Kapal Korvet Itali
Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA HANG NADIM
Pengarah Peperangan Mk Tentera Laut
Ketua Staf Markas Wilayah Laut 1
AKS Peperangan Mk Armada
Pegawai Memerintah KLD TUNAS SAMUDERA
 Status: **Berkahwin**
 Nama Pasangan: **Puan Rokiah bte Yaakob**
 Anak: **1 (Lelaki)**



THE TALL SHIPS' SAILING 2007
 (Szczecin, Poland) at 2 August
 To sailmen arriving from above
TUNAS SAMUDERA
 Royal Malaysian Navy
 Piotr Krzystek
 Mayor of Szczecin





LANGKAWI IRONMAN TRIATHLON 2008 -

TLDM PAMER PRESTASI MEMBERANGSANG

Oleh: **Lt Yazid Ahmad TLDM**
Foto: **LK I TLR Hidayat**

Pada tanggal 23 Februari 2008, Pulau Langkawi yang merupakan pulau legenda dan merupakan antara pulau tercantik di dunia telah menjadi tumpuan dunia apabila Kejohanan Langkawi Ironman telah berjaya dianjurkan. Seramai 703 peserta dari pelbagai negara telah mengambil bahagian dalam perlumbaan yang menguji tahap ketahanan mental dan fizikal. TLDM juga tidak ketinggalan menghantar wakil untuk mengambil bahagian. Seramai 19 orang peserta daripada Kelab Sukan Lasak TLDM manakala 39 orang anggota dari Tentera Darat telah mengambil bahagian.

MAWILLA 3 telah memainkan peranan penting dalam perlumbaan ini di mana MAWILLA 3 telah dipertanggungjawabkan untuk memberi bantuan dari segi penginapan dan menyediakan sukarelawan dalam menjayakan sukan ini.

Langkawi Ironman terdiri daripada 3 disiplin iaitu berenang 3.8 km, berbasikal 180 km dan berlari sejauh 42.2 km. Setiap peserta yang

bertanding diwajibkan menyudahkan ketiga-tiga disiplin untuk bergelar seorang Ironman dalam tempoh 17 jam. Seawal jam 5.30 pagi peserta telah bersiap sedia untuk pendaftaran masuk untuk berenang. Perlumbaan bermula pada jam 7.30 pagi dengan setiap peserta dikehendaki berenang sejauh 3.8 km dalam tempoh masa 2 jam 30 minit, seterusnya peserta berbasikal sejauh 180 km bermula daripada Dataran Helang mengelilingi Pulau Langkawi yang mengambil masa 10 jam 30 minit. Disiplin yang ketiga untuk peserta Langkawi Ironman adalah berlari sejauh 42.2 km. Peserta akan berlari dari Dataran Helang hingga ke Kedah Marble sebanyak tiga pusingan dan mengakhiri perlumbaan di Dataran Helang. Setiap peserta yang tidak dapat menyudahkan setiap disiplin dalam masa yang ditetapkan akan disingkirkan.

Perlumbaan yang mencabar ini telah dimenangi oleh Faris Al Sultan (Ger) dengan masa 8:34:42s, Peter Vabrousek (Cze) 9:04:54 (tempat ke-2) dan Elmar Schuberth (Aust) 9:06:03 untuk tempat ke-3. Manakala bagi kategori wanita telah dimenangi oleh Belinda

Granger (Aus) dengan masa 9:29:21s; Yvonne van Vlerken (Ned) 9:35:46 (tempat ke-2) dan Yasuko Miyazaki (Jap) 10:14:01 untuk tempat ke-3.

Pencapaian pasukan TLDM juga amat memberangsangkan dengan LK II PKL Abdul Rakman bin Abu Hassan mendapat tempat ke-4 untuk ketogeri lelaki 18 – 24 tahun dan LK I PLM Md Haikal Chiew bin Abdullah mendapat tempat ke-6 untuk kategori lelaki 25 – 29 tahun.

MAWILLA 3 amat berbesar hati dapat memberikan bantuan logistik kepada pihak penanjur dan pasukan ATM khasnya TLDM. Ini juga menunjukkan pihak berkuasa tempatan mengiktiraf kewujudan dan kepentingan MAWILLA 3 yang boleh dikatakan baru setahun jagung bertapak di Pulau Langkawi. Pulau Pihak penanjur juga berbesar hati dan berterima kasih kepada MAWILLA 3 kerana dapat memberikan sukarelawan untuk Langkawi Ironman 2008. MAWILLA 3 juga tidak keberatan untuk terus membantu pasukan ATM dan pihak penanjur untuk penganjuran yang akan datang. **S**

Spaghetti Olio-olio Seafood – hidangan kesukaan SPB YDP Agong



Bahan-bahan:

Spaghetti (1 bungkus)	direbus
Udang	3 – 4 ekor
Tiram	3 – 4 ekor
Sotong	2 ekor
Lala	50g
Isi ketam	50g
Daun basil	4 helai
Daun leave	4 helai
Bawang putih	2 biji
Perisa ayam	2 sudu
Lada sulah (secukup rasa)	
Lada hitam (secukup rasa)	
Garam (secukup rasa)	

Cara-cara memasak:

1. Tumis bawang putih bersama minyak olio-olio.
2. Masukkan daun basil dan daun leave.
3. Masukkan *seafood* (udang, tiram, sotong, lala dan isi ketam).
4. Masukkan spaghetti, gaul rata.
5. Letakkan lada hitam, lada sulah, garam dan perisa ayam.
6. Tambahkan minyak olio-olio semasa dihidangkan.

Kebiasaannya *chef* yang dipilih terdiri bendari di kapal dan unit di pangkalan. Tetapi kali ini *chef* yang dipilih merupakan tukang masak kepada SPB YDP Agong. Seorang yang mudah mesra, BM BDI Ahmad Zailan bin Zulkapli merupakan anak kepada pesara TLDM yang juga berkepakaran bendari. Kagum dengan kerjaya bapa yang mencabar membuatkan Zailan memilih TLDM sebagai kerjaya tetap.

Ditanya perbezaan berkhidmat di istana, Zailan menyatakan berkhidmat di istana memerlukan komitmen yang tinggi di mana setiap kerja dilakukan dengan teliti. Di samping itu, sebagai anggota TLDM, semangat untuk melakukan yang terbaik dan menjaga nama TLDM sangat menebal dalam diri. Menceritakan tentang menu yang diberikan, Zailan berkata SPB YDP Agong amat menggemari makanan barat. Spaghetti Olio-olio Seafood merupakan salah satu hidangan yang disukai oleh Tuanku. Tambahan pula, kos untuk menyediakan hidangan ini pula tidaklah mahal di samping mudah untuk disediakan.

Menyertai TLDM pada 4 Julai 1991, Zailan telah berkhidmat di lebih 7 unit iaitu Istana Negara sebagai tukang masak kepada Raja Muda (1998 – 2000),

kediaman Panglima Tentera Laut (2000 – 2002), KD LAKSAMANA TAN PUSMAH (2002 – 2004), Jurulatih PLKN (2004 – 2005), Rejimen Perhubungan Strategik (2006 – 2007) dan Istana Negara (2007 hingga kini).

Bintara boleh dikategorikan sebagai seorang yang serba boleh. Selain berkebolehan memasak, bintara merupakan bekas pemain bola sepak TLDM dan ATM. Zailan kini menjadi jurulatih kepada pasukan Bola Sepak Mk Tentera Laut. Bintara juga pernah dicalonkan sebagai Laskar Terbaik di peringkat Mk Armada.

Zailan amat meminati bidang nyanyian dan hiburan. Kelebihan yang ada padanya membuatkan Bintara sering dipanggil untuk menjadi juru acara bagi majlis sekitar Kuala Lumpur dan juga di stadium bola sepak. Selain memasak, bersukan dan berhibur, Zailan juga meminati seni mengukir buah-buahan dan pernah memenangi pertandingan memasak dan acara ukiran buah di sekitar Kuala Lumpur.

Ahmad Zailan telah berumahtangga dan dikurniakan sepasang cahaya mata. **S**



PEGAUWAI WANITA TLDM

Ketuai rombongan tawan puncak Kinabalu

Oleh: KD SRI SEMPORNA

Seramai 30 warga pangkalan KD SRI SEMPORNA berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu sempena Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu pada 4 - 6 November 2007 yang lalu. Program ini merupakan program tahunan unit ini.

Ekspedisi ini terdiri dari 28 anggota TLDM yang diketuai oleh Lt Kdr Norazah bt Abdullah @ Adnan TLDM dan 2 anggota awam termasuk Pengerusi BAKAT Laut KD SRI SEMPORNA iaitu Puan Norita bt Zainun.

Kesemua peserta bergerak dari KD SRI SEMPORNA pada 4 Nov jam 7.30 pagi dengan menaiki bas TLDM. Setelah melalui perjalanan sekitar 10 jam, semua peserta sampai dan bermalam di Hotel Kinabalu Parks.

Pendakian pertama bermula pada 5 November jam 8.40 pagi melalui Timpohon Gate menuju ke Laban Rata Resthouse iaitu perjalanan sejauh 6 km. Semua peserta bagaimanapun berjaya sampai ke Laban Rata pada jam 12.30 tengahari walaupun terpaksa mendaki dalam hujan lebat dan cuaca yang sejuk dan seterusnya makan tengahari dan mendaftar masuk untuk berehat di Gunting Lagadan Hut.

Pendakian ke puncak yang sepatutnya bermula di Laban Rata Resthouse pada 5 November jam 2.30 pagi tergendala akibat kesilapan teknikal pihak penganjur. Semua peserta kemudiannya dilepaskan untuk memulakan pendakian pada jam

4.50 pagi dan sampai di puncak di Low's Peak 4095.2 m pada jam 6.45 pagi.

Walaupun jarak perjalanan ke puncak dari Laban Rata Resthouse hanya 2.7 km tetapi ianya memerlukan ketahanan fizikal yang amat tinggi kerana terpaksa menempuh cuaca sejuk iaitu cuma 2°C, di samping kepenatan yang masih belum hilang dan kekurangan masa tidur. Ramai peserta yang mengalami pening akibat tekanan udara yang rendah. Sesungguhnya perjalanan ke puncak merupakan satu cabaran yang tidak pernah terbayang akan ditempuhi oleh peserta. Sepanjang perjalanan, peserta dikelilingi oleh pemandangan yang sangat cantik serta sempat menyaksikan matahari terbit. Kesemua peserta berjaya sampai di puncak pada jam 6.45 pagi ketika matahari terbit. Keadaan cuaca amat baik semasa pendakian.

Setelah bergambar dan berehat seketika, semua peserta meneruskan perjalanan yang merupakan cabaran ketiga di mana semua peserta terpaksa mengharungi perjalanan sejauh 8.7 km untuk menuju gunung. Perjalanan ini sangat menguji kekuatan otot kaki dan lutut kerana sedikit kesilapan akan membawa padah. Perjalanannya melalui kawasan yang curam di tambah pula hujan mulai turun dengan lebatnya setelah peserta melepasi paras awan iaitu lebih kurang selepas 5 km perjalanan. Berkat kegigihan dan semangat yang kental, semua peserta akhirnya tiba di Kinabalu Parks pada jam 3.30 petang dalam keadaan selamat.

Menurut Lt Kdr Norazah TLDM yang merupakan Pegawai Kadet Wanita Pengambilan Ke-6, beliau merasa begitu herhangga dalam ekspedisi ini kerana kesemua 30 peserta yang terlibat berjaya sampai ke puncak. Ini merupakan berkat usaha dan kerjasama semua peserta bagi menayakan program ini. Persiapan awal dan latihan fizikal seperti jalan lasak, circuit training, selain latihan mendaki di Bukit Tengkorak dan Bukit Bebang di Daerah Semporna ini telah memberikan impak yang besar kepada semua peserta apabila semua peserta berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu. Beliau juga merasa bangga kerana telah diberi kepercayaan oleh Pegawai Memerintah untuk mengetuai ekspidisi yang julung kali diadakan oeh KD SRI SEMPORNA.

Lt Kdr Norazah TLDM merupakan pegawai wanita TLDM pertama yang telah mengetuai ekspidisi menawan puncak kinabalu berkata sifat kerjasama dan semangat *esprit de corps* yang ditanamkan dalam diri para peserta menyebabkan mereka bersatu padu menolong rakan-rakan yang lemah untuk meneruskan perjalanan dan sama-sama menawan puncak gunung tersebut.

Mount guide yang dilantik untuk ekspidisi ini iaitu Encik Azhar berkata sepanjang kerjayanya selama 20 tahun sebagai *mount guide* dan telah membawa pelbagai persatuan, agensi dan orang perseorangan untuk menawan puncak gunung, inilah kumpulan pertama yang kesemuanya berjaya menawan puncak gunung tersebut. **S**

The Importance of Sense of Humor

KD LEKIR is striving towards it

By: Lt Cdr Chandra Sehgaran a/l R. Palayan TLDM
Executive Officer KD LEKIR

KD LEKIR is a combatant corvette and makes it way to be more competitive in the fleet. It is still operational and makes couples of sailing to full fill the naval mission during peace time. The crew of this ship has undergone various turbulence during bad and good time. The ship is still showed her attentiveness to the public in carried out humanitarian tasks by supplying goods to nearby islanders in South China Sea recently. It is norm for any naval ship is capable to carry out such tasks easily provided we get full cooperation and commitment from every one onboard.

The unique of KD LEKIR in my perspective is very different and makes every one of us to be followers of one leader onboard. The model that I intent to emulate is the Commanding Officer (CO) of KD LEKIR, Commander Muhamad Ridzuan bin Abdul Rahman TLDM. Ask any navy people which qualities are essential for a leader to posses and they will probably list enthusiasm, a sense of humor, sincerity, the eagerness to learn, dependability and other similar qualities. Different navy people will list the qualities in a different order of importance, but in my view, a sense of humor will always be high on the list. It be noticed that I have placed enthusiasm as the first essential quality for leadership. But enthusiasm can lead us become off track if it is not tempered by sense of humor. Without this, an enthusiastic person may grow into a fanatic and most probably will generate more heat than give a light. While an enthusiastic person with a sense of humor, fills us with warmth and create enjoying atmosphere. This leadership qualities can be seen on the this CO and we as officers onboard intend to emulate this qualities in our both private and naval life. After all, life is short. So, let we enjoy most in giving and least in taking.

After realizing the importance of this qualities, we start to laugh and make jokes to keep the surrounding atmosphere lively and peace without tension. The CO always emphasis this qualities which shall be embedded in every crew onboard in order to achieve a makeover of any tasks. Sometimes, we wonder what sense of humor and laughter has to do with leadership quality. It makes us laugh at our mistakes instead of being so upset. Individuals who do not have a sense of humor give up easily because they make mountains out of molehills.

Why is a sense of humor so important for leadership? Let's me explain the importance of sense of humor, it is a funny bones. First, it enables us to admit our mistakes without feeling that we have lost face and no face value.



Psychologists say that we should smile when the world laughs at us. No great man could able to claim the ladder of success without tripping up now and then. But their sense of humor kept them going. In fact, many of them tell us in their life stories, that setbacks and temporary failures actually helped rather than hindered their progress. Do you know why? Because continued success has often made people proud, ego and overconfident. And as we know, pride goes before a fall. Onboard KD LEKIR, we have faced many incidents which came in many forms and created a different degree of emotions struggle each one of us but under the grace of God, we still able to stand firm, be resilience and keep side by side always. A setback or partial failure helps to keep us humble. That is if we have a sense of humor to see it in this light. If not, we probably feel humiliated and that is one step towards frustration and ultimate defeat.

Second, a person with a sense of humor, never fall and believe in sweet talks. If a leader has no sense of humor and if I tell him that you could become the FOC one day, he would probably believe me. In other words, if he has sense of humor, he will reply "Are you sure, which leading character of FOC you want for me to follow". People with a sense of humor don't take things too seriously. They neither too optimistic nor too pessimistic. They are balanced in their views and practical, relevance and positive in their outlook.

Third, if we want to get on in life, we must learn to be cheerful. We may have a very plain face, but if wear a charming smile, we able to conquer the world. Our face is not of our own choosing – we have to make the better of the

one we have but our smile is our own. We may not have a Mona Lisa smile, but if our smiles is sincere and spontaneous, it will make our face glow and your eyes shine. Most successful people in the world, have a radiant smile. For no matter what sort of face we have, a smile always adds to our face value. Smile costs nothing. It makes the naval ships happy, the crew cheerful and jolly. Smile our way through life.

A good sense of humor leader as CO of KD LEKIR is able to laugh and smile with others. His simple gesture makes every one is happy onboard and strive towards it beside improve in professionalism. Those leader who imagine they have no faults and are perfect are not striving to be leaders – they are trying to be God. People with cheerful dispositions, who can tell a lively joke and make people laugh, are welcome everywhere. Stakeholders trust them and navy people have confidence in their ability to leap over life's hurdles. Because sense of humor is our best tension breaker for this time of period. It has been claimed that if humorists replaced politician's summit meeting, there would be never be another war. Some scholars claimed that people with sense of humor, never go to hell. Humor is the one saving grave which keeps most of us in sane in this mad world. No wonder jokes find a place in daily newspaper in Malaysia.

Lets laughter, smile and sense of humor become a simple gesture in our naval culture as part of complement in meet and sustaining the naval mission and vision. **S**

'Tak Rugi Senyum, Tak Untung Bermuram'

“ Lets laughter, smile and sense of humor become a simple gesture in our naval culture as part of complement in meet and sustaining the naval mission and vision. 'Tak Rugi Senyum, Tak Untung Bermuram' ”

Szczecin, Poland

Menjejak Ibn Battutah Bersama TUNAS SAMUDERA

(Bahagian 1)

Oleh: Kapt Abdul Jabar Bin Yusof yang mengikuti pelayaran bersama KLD TUNAS SAMUDERA ke Szczecin, Poland.

Terpilih bersama KLD TUNAS SAMUDERA belayar ke Poland cukup mengujakan. Projek Poland adalah antara misi besar TLDM yang dilaksanakan buat pertama kali dalam sejarah TLDM. Cemas antara kemampuan diri dan keinginan yang membuak-buak membuatkan aku bermenung panjang. Apatah lagi isteri serta 5 orang anak terpaksa ditinggalkan selama 6 bulan. "aah orang lain boleh kenapa aku tidak". Aku meyakinkan diri. "Tapi orang lain di darat aku di laut". Igauan jahat kembali menerjah. KLD TUNAS SAMUDERA dilihat buat pertama kalinya semasa pelancaran Projek Poland yang disempurnakan oleh Panglima Tentera laut ketika itu Laksamana Tan Sri Elyas Hj Din. Melihat kapal ini membuat hati rasa curiga. "Kecilnya kapal ni. Boleh ke belayar keliling dunia?" Bolehkah kapal ini meredah gelora lautan Atlantik, Lautan Hindi, Lautan Baltik dan Lautan Pasifik? Bermacam-macam perasaan bermain di kepala.

Projek Poland ialah penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA dalam pertandingan kapal layar (Tall Ships' Races) yang diadakan di Lautan Baltik. Pertandingan ini diadakan sejak tahun 1956 lagi. Kali ini

pertandingan diadakan dari Aarhus, Denmark ke Kotka, Finland dan dari Stockholm, Sweden ke Szczecin, Poland. Seterusnya KLD TUNAS SAMUDERA akan meneruskan pelayarannya mengelilingi dunia. Keseluruhan pelayaran yang akan disinggahi oleh KLD TUNAS SAMUDERA ialah 28 pelabuhan dengan dijayakan oleh 88 krew. Krew pertama seramai 44 orang belayar dari Pelabuhan Klang seterusnya singgah di 12 Pelabuhan dan menyertai Tall Ships' Races. Selesai menyertai pertandingan tersebut, pertukaran krew akan dilakukan di Cherbourg Perancis.

Sebelum memulakan pelayaran, latihan ketahanan (*Endurance Training*) telah diadakan di Laut Andaman selama 2 minggu. 14 hari berada di tengah lautan agak memeritkan. Latihan ini diadakan untuk menguji ketahanan kapal dan krew apabila berada di lautan luas nanti. Laut Andaman di utara Sumatera sudah cukup untuk menceritakan segalanya tentang mabuk akibat ombak ganas. TUNAS SAMUDERA dihepaskan ganas bagaikan tiada belas kasihan. Aku mesti tempuh cabaran pelayaran ini biar apa pun terjadi. Sekali kaki melangkah takkan ku menoleh ke belakang lagi. Ceramah motivasi yang disampaikan oleh Dato' Azhar Mansor ketika belayar mengelilingi dunia secara solo dengan jalur gemilang begitu menggerunkan. Kecut perut rasanya apabila dia menceritakan pengalamannya dipukul gelombang besar sehingga kapalnya "tersembam" lalu mematahkan tiang layar di Southern Ocean. Akibat kejadian itu pertukaran tiang layar terpaksa dilakukan di pulau Falkland dengan bantuan penghantaran oleh TUDM. Dia juga mengalami pengalaman terbalik sebanyak 3 kali di sana. Memang betul. Deruan angin ditengah lautan boleh mencabar kejantanan. Apatah lagi di tengah malam kelam tiada bertemankan bulan bintang. Hanya alunan kapal menyebabkan keadaan tidak tenteram. Kepada tuhan ku berserah segalanya. Doa dipanjat agar semua krew dan keluarga yang ditinggalkan berada dalam keadaan selamat sejahtera semuanya.

12 Mac 07 mencatatkan sejarah buat diri ini. Titisan air mata mengiringi

pemergian kami dari Pusat Hidrografi Nasional, Pelabuhan Klang. Pelepasan tali terakhir telah disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj. Baginda juga merupakan pelayar negara dengan mengelilingi dunia bersama JUGRA. Bumi tercinta semakin jauh ditinggalkan. Aku sedar pemergian kami diiringi doa yang tak putus-putus daripada keluarga dan sahabat handai. Entah apa kesudahan kami selepas ini. Semangat mesti kental. Di atas kapal hanya aku dan Dr Mohd Zaki sahaja dari TDM. Namun kami tak terasa terasing bahkan menjadi sebahagian daripada mereka dalam mengharungi cabaran dan dugaan yang tiba. Aku memahami pemilihan KAGAT menyertai pelayaran ini selain untuk aktiviti-aktiviti kerohanian, yang paling penting ialah menjana semangat krew ke arah mencapai aspirasi pucuk pimpinan TLDM khasnya dan negara amnya.

COLOMBO SRI LANKA

Destinasi pertama kami ialah pelabuhan Colombo, Sri Lanka. Kelajuan kapal bergerak selaju purata 5 knot dengan enjin dan layar yang dikembangkan ialah Staysail (layar tiga segi). Kapal akan melalui Selat Melaka, Laut Andaman dan memasuki Lautan Hindi. Setiba di utara Sumatera Pegi Memerintah beberapa kali mengarahkan krew supaya mengetatkan kawalan kerana di sini terkenal dengan aktiviti lanun.

Sekali-sekala bot nelayan datang menghimpit kapal dengan mengangkat ikan dari jauh untuk menarik perhatian. Mereka inginkan makanan minuman serta rokok. Satu ketika apabila bot nelayan Indonesia merapat ke kapal, aku bertanya salah seorang dari mereka. "Dari mana?" Lantas dia menjawab dari Aceh. Aku membalas "Oo dari Indonesia la" pantas dia menjawab bukan Indonesia, Aceh, Aceh dengan mengangkat suara. Aku pun tidak membalas lagi kerana faham dengan situasi di sana. Pelayaran ke Colombo agak mencemaskan lebih-lebih lagi di waktu malam. Beberapa kali "Anti Piracy Watch" terpaksa dirapatkan ke peringkat satu (bersiap sedia dengan Styer dan GPMG) untuk menghadapi sebarang kemungkinan apabila dihampiri oleh "contact". Alhamdulillah laut begitu mesra sekali dengan kami. Setelah 12 hari berada di laut, kami selamat tiba di Colombo pada 24 Mac 07. Pelbagai perasaan bermain di kepala. Berdebar seakan tidak percaya kaki ini akan menjejak bumi asing buat pertama kali.

Ketibaan kami di Colombo dikejutkan oleh serangan udara LTTE (Gerila Pembebasan Harimau Tamil Eilam) terhadap lapangan terbang Tentera Udara Sri Lanka. 2 Orang terbunuh dan mencederakan 5 yang lain. Ekoran kejadian itu kawalan ketat diberikan terhadap bandar Colombo. Hampir setiap



500m terdapat tentera yang berkawal. Yang peliknya penduduk Colombo seperti biasa menjalankan rutin harian masing-masing seakan-akan tiada apa yang berlaku. KLD TUNAS SAMUDERA diberi kawalan ketat. Setiap 1 jam kedengaran "Charge" dari dalam air untuk mengelakkan kemungkinan sabotaj. Kami telah dijemput makan tengahari di rumah Duta Besar Malaysia di Colombo. Peluang merasai masakan Sri Lanka dimanfaatkan sebaik mungkin. Kami berpeluang berjalan-jalan dan membeli-belah di bandar Colombo selama tiga hari. Namun setiap langkah harus berhati-hati kerana kemungkinan serangan ada di mana-mana. Aktiviti lain di Sri Lanka ialah perlawanan bola sepak persahabatan dengan tentera laut Sri Lanka, majlis resepsi, melawat tempat bersejarah dan pelbagai lagi. Secara keseluruhannya Sri Lanka masih lagi berada dalam serba kedaifan berbanding Malaysia. Keadaan ini dirumitkan lagi oleh kekacauan dalam negara. Empat hari kami di Sri Lanka sudah cukup untuk mencedok sedikit pengalaman. Kami perlu meneruskan pelayaran ke destinasi seterusnya iaitu Mumbai, India.

MUMBAI INDIA

Pelayaran ke India mengambil masa lapan hari. Syukur ke hadrat ilahi kerana laut tidak menampakkan ganasnya walaupun kadang kala bergurai kasar. Itu perkara biasa di lautan luas terbentang. Seseekali kapal berselisih dengan kapal dagang dari Eropah menuju Asia. Bot nelayan acap kali menghampiri kapal. Butter trading menjadi amalan biasa dengan bot nelayan. Sudah pasti ikan yang ditukarkan begitu segar dan menyelerakan apabila dimasak oleh chef kapal. Kadang kala trolling kami juga membuahkan hasil. Riu rendah satu kapal apabila Blue Fin Tuna seberat 5 kg berjaya dinaikkan. Memasuki Mumbai agak memeritkan. Kapal dihempas gelombang mengakibatkan keadaan tak keruan. Keadaan ini amat memualkan. Tapi kami bernasib baik kerana kapal sudah menghampiri pelabuhan. "Petugas-petugas khas laut mara rapat. Petugas-petugas khas laut mara rapat. Tingkatkan kawalan keselamatan kapal ke peringkat 3 keadaan Y. Bersiap sedia memasuki pelabuhan." Suara pegawai Navigasi memberi arahan masih terngial-ngial di kepala. Kami selamat tiba di pelabuhan Mumbai pada 5 April 07.

Mumbai adalah bandar Bollywood. Kebanyakan artis hindustan tinggal di sini seperti Shah Rukh Khan, Amitabh Bachan dan ramai lagi. Penduduk Mumbai hampir menyamai penduduk Malaysia. Pelabuhan Mumbai amat besar dan sibuk. Aktiviti kami di sini ialah melawat kapal perang India INS TARAGIRI, Film City Bollywood, Majlis Resepsi dan macam biasa berjalan-jalan sambil membeli-belah. Terdapat juga masjid-masjid besar di sini. India sedang pesat membangun seiring dengan aspirasi pemimpinnya mahlu menjadikan ICT sebagai antara s u m b e r



pendapatan negara. Jalinan jalan utamanya yang sempit berbanding jumlah kenderaan yang banyak mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang teruk. Sesuatu yang merimaskan ialah mereka tidak henti-henti membunyikan hon. Kenderaan tiga roda (*Three Wheeler*) terdapat di mana-mana. Apabila dibaca pada kenderaan di hadapan, rupa-rupanya tertulis "bunyikan hon apabila memotong" patutlah semua kenderaan membunyikan hon, rupa-rupanya memang peraturan. Berbeza dengan negara kita yang mewajibkan memberi lampu kanan apabila memotong. Ada juga yang mematikan enjin semasa menunggu lampu isyarat dan menuruni bukit untuk menjimatkan minyak. Memang harga petrol agak mahal di India iaitu RM4 seliter. Di India kami mendapat banyak pengalaman tentang manusia dan kemanusiaan. Kekayaan, kemiskinan, kesombongan, perbezaan kasta dan warna kulit berada di mana-mana. Kami berada selama 4 hari di Mumbai dengan penuh suka dan duka. Destinasi seterusnya ialah Aden, Yemen.

ADEN YEMEN

KLD TUNAS SAMUDERA meninggalkan India dengan disambut oleh kepulauan Kapal Selam Tentera Laut India yang menampakkan wajahnya di permukaan. Buat pertama kali pengalaman seperti ini kami tempuhi. Pelayaran kami ke Aden mengambil masa 14 hari. Melalui Arabian Sea di lautan Hindi menceritakan tentang kebesaran ciptaan Allah s.w.t. Kedalaman laut di kawasan ini menunjukkan lebih 5000 m atau 5 kilometer. MashaAllah sungguh dalam sekali. Lalu aku teringatkan sepotong ayat al-Quran yang bermaksud "Katakanlah wahai Muhammad jika kamu sekiranya laut

hendak dijadikan tinta untuk kamu menulis kebesaran tuhan, nescaya kering laut itu dalam keadaan masih lagi belum habis kamu menulis kebesaran tuhan, walaupun kami datangkan satu lagi laut yang seumpamanya". Berada di tengah lautan dirasakan amat kerdil sekali. Kerap kali juga kami tidur di atas dek untuk menikmati panorama malam dengan kerdipan bintang yang bertaburan di langit. Maha suci Allah s.w.t yang menciptakan semuanya ini dengan kekuasaanNya.

Kemasukan kami ke pelabuhan Aden diberi sambutan hebat. Di kiri dan kanan kapal kelihatan bot tunda menyembur air sebagai tanda selamat datang. Tiba di pelabuhan kami diberi persembahan kebudayaan Yemen oleh pemuda-pemudanya. Yemen mempunyai sejarahnya yang tersendiri tentang kisah kenabian dan kerajaan Saba' yang diperintah oleh Puteri Balqis. Kami dibawa melawat muzium bersejarah kerajaan Nabi Sulaiman dan kehebatan sistem pertanian kerajaan Saba'. Sistem takungan air di pergunungan kering kontang amat menarik perhatian kami tentang kehebatan umat terdahulu. Rumah-rumah yang bertaburan di pergunungan cukup menginsafkan tentang kepayahan yang dialami. Bagi perempuan Yemen sudah menjadi kewajipan mereka memakai Jilbab hitam apabila keluar rumah. Ini merupakan peraturan negara. Satu tabiat yang cukup terkenal di kalangan lelaki Yemen ialah memakan daun Qath (seakan-akan daun Ketum). Daun tersebut akan dikunyah sedikit dan akan dikumpul di kiri atau kanan mulut sehingga kembung. Daun tersebut boleh dibeli di mana-mana kerana penjualan dan memakannya dibenarkan di sisi undang-undang. Kami juga dijemput makan tengahari di rumah Datuk Bandar Aden. Terkejut besar kami melihat cara orang Yemen memakan hidangan bagaikan baru berbuka puasa. Keselamatan di sini agak membimbangkan apabila aku melihat pemandu kenderaan yang kami sewa membawa pistol merata-rata. 4 hari kami berada di Yemen sudah cukup untuk menggambarkan tentang fil orang Arab Yemen. Kami perlu meneruskan pelayaran ke destinasi seterusnya iaitu Jeddah, Arab Saudi. 5

• Perbarisan Pengunduran PTL



Leftenan Syanur memeriksa kawalan utama sebelum perbarisan bermula



Anggota pelatih bergambar kenangan bersama Mantan PTL, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali



Raja Permaisuri Agong menyempurnakan upacara Penamaan PV4, TERENGGANU

• Majlis Penamaan Kapal PV ke-4



Kapal PV baru yang dinamakan TERENGGANU

• Perlumbaan Tall Ship Races 2007 di Poland



Krew KLD TUNAS SAMUDERA bersorak kegembiraan setelah berjaya menamatkan perlumbaan



Krew KLD TUNAS SAMUDERA membuat persembahan di Open Air Theatre, Szczecin

• Sambutan Hari Kualiti Mk Armada



Pelancaran Hari Kualiti Mk Armada oleh Panglima Armada



Kumpulan Koir Mk Armada membuat persembahan

• Majlis Pemakaian Pangkat TPTL dan Panglima Armada



PTL memakaikan pangkat kepada Timbalan Panglima Tentera Laut



PTL mengucapkan tahniah kepada Panglima Armada

• Rombongan BAKAT Laut ke Istana Kelantan



Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut, Datin Sarah bersalaman dengan DYMM Raja Perempuan Kelantan



Rombongan BAKAT dan DYMM Raja Perempuan Kelantan menyaksikan demonstrasi menenun kain.

• Majlis Serah Terima Tugas TPTL dan AKS RANOP



Majlis Serah Terima Tugas AKS RANOP di antara Laksamana Muda Dato' Jamil dan Laksamana Pertama Mohamad Roslan



Majlis Serah Terima tugas TPTL antara Laksamana Datuk Abdul Aziz dan Laksamana Madya Dato' Mohammed Noordin



Warga MAWILLA 1 bersalaman dengan DYMM Sultan Selangor

• Lawatan DYMM Sultan Selangor ke Pangkalan TLDM Tanjung Gelang



Laksamana Muda Dato' Abd Hadi menyampaikan cendera kenangan kepada DYMM di Majlis BBQ

• Langkawi International Maritime and Aerospace 2007



PTL mendengar taklimat yang disampaikan oleh wakil firma yang menyertai pameran LIMA 2007



Orang ramai berpusu-pusu menaiki KD JEBAT sempena pameran LIMA 2007

• Lawatan Naziran ke MPL dan Aktiviti Hari Q MPL



Timbalan Setiausaha Bg Perjawatan Naziran, Dr. Kaminder Singh Dhillion diberi taklimat oleh pegawai MPL



Warga MPL mengambil bahagian dalam Program Menderma Darah sempena Hari Kualiti MPL

• Pegawai TLDM terima Anugerah Dharma Wiratama Widya



Leftenan Komander Ahmad Nazree berkongsi kegembiraan bersama isteri dan rakan-rakan



Leftenan Komander Ahmad Nazree menerima Anugerah Dharma Wiratama Widya yang merupakan penganugerahan tertinggi SESKOAL

• Ceramah *The Navy Plan 2008* di MAWILLA 3



Sebahagian warga MAWILLA 3 yang mengikuti ceramah



Komander Mohd Shahir menyampaikan ceramah *The Navy Plan 2008*

NAVAL TERM ORIGINS

Ahoy!

la merupakan tradisi sesebuah bot/kapal tentera laut menyapa atau memanggil sesebuah bot/kapal sahabat yang lain di laut bila berselisih pada jarak yang dekat. Perkataan ini pada asalnya digunakan oleh pelaut-pelaut Scandinavian (Viking) yang menguasai perairan eropah pada abad ke - 8 hingga ke - 11.

Before the mast

la menerangkan tentang anggota tentera laut yang mana tempat tinggal mereka terletak di bahagian hadapan kapal (forecastle) yang kurang selesa apabila dilambung ombak dan biasanya ditempatkan anggota LLP. la juga biasa digunakan sebagai 'kiasan' untuk membezakan LLP dan pegawai.

Brightwork

Membawa maksud tentang kerja-kerja mengilap dan mencantikkan peralatan-peralatan logam dan kayu di dalam kapal terutama sekali di geladak atas kapal.

Chewing the Fat

la menerangkan tentang daging lembu masin (diperap dengan garam) yang dimakan oleh pelaut di abad ke - 19. Diet ini digunakan kerana ia boleh tahan lama tetapi agak liat dan mengambil masa berjam-jam untuk ditelan. la seperti memakan gula-gula getah dan bagi kes ini ia seperti memakan lemak lembu yang liat.

Clean Bill of Health


Terma ini digunakan secara meluas oleh pelaut-pelaut Eropah di dalam buku log kapal bagi menerangkan bahawa pelabuhan yang baru sahaja mereka tinggalkan selamat atau bebas dari wabak penyakit berbahaya.

Cup of Joe

Ungkapan yang digunakan oleh Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS) yang merujuk kepada seorang Setiausaha Tentera Laut, Josephus Daniels yang dilantik oleh Presiden Woodrow Wilson pada tahun 1913. Beliau terkenal kerana telah membawa perubahan dalam TLAS dengan membolehkan pelaut dari LLP menyertai *Naval Academy*, membenarkan wanita menyertai tentera laut dan mengharamkan arak (wine) di atas kapal TLAS. Mulai saat itu, hanya kopi dibenarkan diminum di kapal. Apabila warga TLAS meminum kopi, mereka akan menggunakan ungkapan tersebut sebagai sinis kepada Daniels.

He Knows the Ropes

Pada zaman dahulu ungkapan ini digunakan dalam rekod seorang pelaut yang menerangkan bahawa beliau masih seorang pelatih dan hanya kenal serta tahu penggunaan tali temali yang hanya menjadi asas kepada ilmu kelautan. Walau



bagaimanapun, pada zaman sekarang ungkapan ini membawa maksud yang terbalik iaitu menerangkan tentang diri seseorang anggota yang serba tahu dan faham tentang perjalanan organisasinya.

Log Book

Penggunaan perkataan 'log' sudah menjadi sinonim dengan buku-buku penyimpan maklumat di kapal laut. Sebagai contoh: *Ship's Log* dan *Fishermen's Log Book*. Malah ianya juga digunakan oleh institusi-institusi awam lain terutama sekali yang melibatkan maritim. Sejarahnya ialah kapal layar pada zaman dahulu menggunakan buku yang diperbuat daripada kepingan kayu yang dipotong dari balak (Logs) dan diikat seperti buku. Penggunaan perkataan 'log' ini kekal hingga ke hari walaupun kertas diperbuat daripada kayu telah digunakan untuk membuat buku.

Master at Arms

Ungkapan *Master at Arms* (MAA) ini digunakan pada zaman dahulu untuk menerangkan tentang seorang anggota tentera laut berpangkat *petty officer* yang cekaptentangpengendalian dan penyimpanan senjata dan bahan letupan di kapal. Mereka juga mahir di dalam pertempuran jarak dekat atau satu lawan satu di laut menggunakan senjata dan tanpa senjata. Mereka juga merupakan jurulatih senjata kepada krew yang lain. Namun pada zaman sekarang ia digunakan sebagai nama Pejabat Tatatertib (MA) yang menangani kes disiplin anggota. Dalam *Royal Navy* pula ia digunakan sebagai jawatan bintang yang menguatkuasakan peraturan dan akta tentera laut di kapal atau di pejabat. Dalam tentera darat ia bersamaan dengan *Regimental Sergeant Major* (RSM)

Rocks & Shoals

Satu set peraturan dan hukuman tentera laut yang amat digeruni oleh pelaut yang

melanggarkan peraturan. Seolah-olah seperti dicampak ke atas batu karang.

Scuba

SCUBA (*Self-Contained Underwater Breathing Apparatus*) bermaksud alat bantuan pernafasan bawah air yang mendapat bekalan udara mampat dari tangki yang dibawa bersama (*self-contain*) iaitu tidak bergantung kepada saluran udara dari permukaan.



Fouled anchor

la membawa maksud sauh yang terbelit dengan tali atau rantainya. Dari segi gambarajah, ia amat terkenal dan digunakan dalam banyak lambang-lambang tradisi atau bendera-bendera tentera laut diseluruh dunia. la mula digunakan sebagai seal dan melambangkan cop mohor kepada Lord High Admiral Charles Lord Howard of Effingham dari Tentera Laut British pada lewat 1500-an. Malah ianya juga digunakan di dalam lambang rasmi TLDM. S

YOU'D BE SURPRISED WHERE YOU FIND US

**If you're making the move into net-centric warfare,
choose your team-mates wisely. You'll find that
Thales has everything a navy needs.**

It's going to be a challenging transition. A new world of combined and coordinated operations, bringing all armed forces together and involving other nations. A new mind-set based on shared information across several platforms. Learning new ways to gather, analyse, and distribute data. Up against new threats. And always facing new pressure on budgets.

So you need a powerful and reliable partner. Thales has the complete skillset: proven expertise in naval equipment and systems integration, comprehensive experience as a warship prime contractor, and unfailing determination to bring you through-life support and services.

**Past experience? Future vision?
No-one has more. For more information,
visit us at LIMA 2007.**



THALES

The world is safer with Thales



Military Communications

Ruling the waves in battlefields

Staying in contact under all circumstances (even at war) across any distance can be vital to survival, and attesting to the importance of the critical environment, Rohde & Schwarz focused on the military with the overpowering necessity to occupy their needs with our highly complex integrated naval communications solutions. As an independent company that is determined to be the standard setter of the mission-critical environments of the world, we further incorporate our innovations to the modern military that requires communications solutions attentive to the forces needs whether at sea, on coast or in the air. We have been proven to be the best possible solution for interoperable communications in network centric warfare scenarios from our close and longstanding relationship within more than 30 navies around the world.

As a pioneer of the security technology, we have extended our global presence by expanding the territory to the map of Malaysia in providing the best solutions for the country's military communications, Rohde & Schwarz

Malaysia (RSMY) is highly motivated in being the only integrated system supplier of Malaysia's armed forces. We are your system for secure voice and data transmission in stationary, mobile units as well as on board ships and aircrafts. We are your ability to defend logistics channels, making you reliable at detecting, analyzing and determining the location of signal emissions or any threats encountering. With RSMY as your integrated naval communications, you are always safe, as your world is our world too.

Rohde & Schwarz Malaysia offers the M3xR Series as your ultimate solution in military communications. This multimode, multiband, and multirole shipborne radios are a family member of HF transceivers of software defined radio. The universal software radios are specifically designed primarily for naval and stationary application as well as Air Traffic Control (ATC) application for today's digital battlefield communication.

Rohde & Schwarz - Pushing Limits



M3TR



M3AR



XK2000



M3SR

Headquarters:

Lot 2, Jalan Pengaturcara U1/51,
Temasya@Glenmarie, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Malaysia
Tel: +603 5569 0011
Fax: +603 5569 0088

Email : info.malaysia@rohde-schwarz.com

Penang Branch:

1-2-29 Krystal Point Corporate Park,
Lebuhr Bukit Kecil 6, 11900 Bayan Lepas,
Penang, Malaysia
Tel: +604 641 6868
Fax: +604 641 6868

Email : info.malaysia@rohde-schwarz.com



ROHDE & SCHWARZ
Malaysia Sdn. Bhd.

www.rohde-schwarz.com.my

<http://www.navy.mil.my>